

Himpunan Risalah
Dalam Beberapa
Persoalan Ummah
(Buku 5)

Penyusun
Hafiz Firdaus Abdullah

Judul:

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 5)

Penyusun:

Hafiz Firdaus Abdullah
www.al-firdaus.com
hafizfirdaus2@yahoo.com.my
SMS: 019-384 8467

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2007

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,
81200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim,
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.
Fax: 07-235 1603
<http://www.jahabersa.com.my>
jahabers@tm.net.my
jahabers@starhub.net.sg

Kandungan

1. Cabaran Tajdid Di Era Globalisasi Masa Kini.	5
2. <i>The Bible</i> Sebagai Bahan Dakwah?	41
3. Pemimpin Hizbollah Menghantar SMS Terbaru.	55
4. Sumber Hukum Islam.	61
5. Di Sebalik Ancaman Islam Liberal.	85
6. Haiwan Di Dalam Islam.	90
7. Lalang Oh Lalang!	94
8. Memasarkan Islam Pada Era Mutakhir.	101
9. Perkara Ke-12 Yang Mencemari Kemurnian Tauhid: Menjadikan Jamaah Sendiri Sebagai Agama.	118
10. Tahukah Anda Akan Orang Yang Mendustakan Agama?	136
11. Antara Fahaman Wahabi dan Fenomena Murtad.	145
12. Selangkah Ke Arah Memahami al-Sunnah, Dua Langkah Ke Arah Akhlak Yang Menepati al-Sunnah.	153
13. Ramadhan Sepanjang Tahun.	171
14. Jom Berhari Raya (<i>'Id Al-Fithri</i>) Bersama Rasulullah.	177
15. Adab-Adab Menuntut Ilmu Agama.	209
16. Unsur-Unsur Yang Merosakkan Ilmu Agama.	219

Cabaran Tajdid Di Era Globalisasi Masa Kini.¹

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره, ونعوذ بالله من شرور أنفسنا
ومن سيئات أعمالنا, من يهده الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادي له.
ونشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له ونشهد أن محمدا عبده
ورسوله.

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya dan kami memohon pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan kami berlindung kepada Allah dari keburukan diri kami dan dari keburukan perbuatan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya.

Apakah yang dimaksudkan dengan Tajdid?

Tajdid berakar umbi daripada sebuah hadis riwayat Abu Hurairah *radhiallahu 'anh*, dimana Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

¹ Risalah ini merupakan kertas kerja saya untuk seminar *Gerakan Tajdid: Sejarah, Perkembangan dan Cabaran Di Era Globalisasi* anjuran Muslim Professional Forum di Pusat Persidangan Sime Darby, Kuala Lumpur pada 23 Julai 2006. Kemudiannya secara ringkas sebagai nota kuliah Maghrib di Masjid Negeri Kota Kinabalu pada 15 Disember 2006.

إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةِ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا.

Sesungguhnya Allah membangkitkan bagi umat ini pada awal setiap seratus tahun orang yang mentajdidkan bagi (umat)nya, agamanya.²

Hadis yang ringkas ini memiliki tujuan dan maksud yang luas. Syaikh Yusuf al-Qaradhawi *hafizhahullah*, dalam mengupas hadis di atas, menyebut tujuannya sebagai:

"Hadis ini bertujuan membangkitkan rasa optimis pada jiwa kaum muslimin, bahawa agamanya tidak akan pernah mati, bahawa dalam setiap masa tertentu Allah akan mengutuskan orang yang mentajdidkan agama-Nya dan

² **Sanad sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunan*nya (edisi terjemahan oleh Be Arifin & Syinqithy Djamaluddin; Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1996), hadis no: 4123 (*Kitab al-Malahim*); al-Thabarani dalam *al-Mu'jam al-Ausath* (tahqiq: Muhammad Hasan Muhammad; Dar al-Fikr, Amman), hadis no: 6527 (*Yang bernama Muhammad*); al-Hakim dalam *al-Mustadrak 'ala al-Shahihin* (tahqiq: Musthafa 'Abd al-Qadir 'Atha; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut), hadis no: 8592 (*Kitab al-Fitan wa al-Malahin*) dan beliau mendiamkannya, demikian juga al-Zahabi; al-Baihaqi dalam *Ma'rifah al-Sunan wa al-Atsar* (tahqiq: 'Abd al-Mu'thi Amin Qal'aji; Dar al-Wafa', Kaherah, 1991), hadis no: 422 (*Muqaddimah, Bab berkenaan kelahiran dan kewafatan Imam al-Shafi'e*) dan al-Khatib al-Baghdadi dalam *al-Tarikh* (tahqiq: Musthafa 'Abd al-Qadir 'Atha; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1997), jld. 2, ms. 59 (*Bab orang yang bernama Muhammad dan ayahnya Idris, Biografi Muhammad bin Idris al-Shafi'e*).

Berkata al-'Ajluni: "Riwayat Abu Daud daripada Abu Hurairah daripada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *al-Ausath* juga daripadanya dengan sanad yang para perawinya adalah *thiqat*, dan dikeluarkan oleh al-Hakim daripada hadis Ibn Wahhab dan beliau mensahihkannya. Para imam telah berpegang kepada hadis ini." [*Kasyf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas* (tahqiq: Muhammad 'Abd al-'Aziz, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1997), hadis no: 739.

Berkata al-Munawi: "Berkata al-Zain al-'Iraqi dan selainnya: Sanadnya sahih." [*Faidh al-Qadir Syarh Jami' al-Shagheir* (Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1391H), hadis no: 1845.

menghidupkan syari'at-Nya."³

Ungkapan "*awal seratus tahun*" dijelaskan oleh beliau sebagai:

"Ada pun yang dimaksudkan dengan 'awal seratus tahun' bukanlah 'tahun seratus' atau 'seratus satu', tetapi masa-masa terakhir setiap abad dan masa-masa awal dari abad yang berikutnya. Bahkan sebenarnya kita tidak mampu memastikan apakah yang dimaksudkan ialah tahun Hijriyah, tahun dari wafatnya Rasulullah atau tahun pengutusan baginda, sebagaimana yang akan kami jelaskan. Yang penting Allah tidak akan membiarkan umat ini tanpa ada orang yang membangunkan dari tidurnya atau yang menyatukan umat ini dari kehancurannya yang remuk redam."⁴

Siapakah pentajdid yang dimaksudkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*? Syaikh al-Qaradhawi menjelaskannya:

"Perkataan "*man*" pada hadis di atas boleh digunakan untuk jamak (*plural*) kerana asal kedudukan perkataan "*man*" berlaku untuk kedua-duanya (*singular and plural*). Hal ini terbukti dalam al-Qur'an:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْتَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ
يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ.

Dan sesiapa yang mengerjakan amal shalih, dari lelaki atau

³ Min Ajli Shahwah Rasyidah Tujaddid al-Dien...wa Tanhaddh bi al-Dunya (edisi terjemahan oleh Nabhani Idris atas judul *Fiqh Tajdid dan Shahwah Islamiyah*; Islamuna Press, Jakarta, 1997), ms. 7, dengan beberapa suntingan bahasa.

⁴ Min Ajli Shahwah Rasyidah Tujaddid al-Dien...wa Tanhaddh bi al-Dunya, ms. 7, dengan beberapa suntingan bahasa.

*perempuan, sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga.*⁵

Setelah anda mengetahui hal ini, maka seorang pentajdid boleh terdiri daripada satu orang yang Allah bangkitkan untuk mentajdid agama, seperti Khalifah 'Umar bin Abdul Aziz. Adakalanya pentajdid itu lebih dari satu orang, seperti dalam bentuk jamaah, madrasah (pemikiran) atau harakah (gerakan), baik dalam bidang fikrah, tarbiyah mahu pun jihad dimana para aktivisnya saling berwasiat dengan hak dan kesabaran serta saling tolong menolong dalam kebajikan dan taqwa.

Boleh jadi pentajdid itu sifatnya individual atau berkelompok yang berbeza-beza sesuai dengan bidang dan kepakaran (masing-masing). Misalnya, yang pertama dalam bidang ilmu dan fikrah, sedang yang kedua dalam bidang tarbiyah. Yang ketiga dalam bidang politik dan kenegaraan, yang keempat dalam bidang sosial masyarakat dan yang kelima dalam bidang jihad dan dakwah, demikianlah seterusnya. Bidang dan caranya berbeza, namun prinsip dan sasaran adalah satu.

Maka disini saya (ingin mengambil kesempatan) mengingatkan kepada mereka yang aktif berjuang untuk Islam, baik secara individual atau berkelompok, tentang satu hal yang patut disedari: Bahawa perbezaan manhaj dalam beramal untuk Islam dan banyaknya jamaah dalam rangka melakukan usaha tajdid bukanlah satu penyakit atau hal yang dicela di sisi Allah dan orang-orang yang beriman, selagi mana perbezaan tersebut bersifat kepelbagaian dan bukannya bersifat

⁵

al-Nisa' 4:124.

permusuhan dan perpecahan."⁶

Akhirnya, maksud tajdid dijelaskan oleh beliau sebagai:

"Mentajdid sesuatu bererti upaya mengembalikannya kepada keadaan asal sehingga ia tampil seakan-akan barang yang baru. Ini dilakukan dengan cara memperkokoh sesuatu yang lemah, memperbaiki sesuatu yang usang dan menampal sesuatu yang retak sehingga kembali mendekati bentuknya yang pertama. Dengan kata lain, tajdid tidak bererti merombak bentuk yang pertama atau menggantikannya dengan yang baru.

Agar lebih jelas lagi, kami berikan contoh yang kukuh: Apabila kita ingin mentajdid sebuah bangunan tua, kita membiarkan asas, ciri-ciri, bentuk dan sifat bangunan tersebut. Kita hanya memperbaiki apa yang rosak, menghias, menampal dan memperindah bahagian yang usang. Jadi bukan menghancurkan bangunan tersebut dan diganti dengan bangunan baru yang berbeza.

Demikian pula dengan upaya mentajdid agama, bukan bermakna merubah agama tetapi mengembalikannya menjadi seperti dalam era Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabat dan tabi'in (*radhiallahu 'anhum*)."⁷

Tajdid tidak sekadar mengembalikan agama Islam kepada keadaannya yang pertama lagi tulen, tetapi juga mengembalikan komitmen umat kepada Islam yang pertama lagi tulen. Ustaz Maszlee Malik dan Hamidah Mat melanjutkan:

⁶ *Min Ajli Shahwah Rasyidah Tujaddid al-Dien...wa Tanhadh bi al-Dunya*, ms. 17-18, dengan beberapa suntingan bahasa.

⁷ *Min Ajli Shahwah Rasyidah Tujaddid al-Dien...wa Tanhadh bi al-Dunya*, ms. 28-29, dengan beberapa suntingan bahasa.

"Tajdid membawa maksud suatu pembaharuan untuk membangkitkan komitmen umat terhadap Islam dalam bentuknya yang kudus dan bersih. Ia adalah satu proses pembaikan atau pun suatu perubahan yang bertujuan membawa umat kembali kepada keaslian Islam yang utuh. Maksudnya, tajdid adalah berkaitan usaha mengembalikan sikap dan pengamalan umat Islam kepada ajaran Islam itu sendiri dan bukannya menggantikan Islam dengan ajaran yang baru kerana (konon) tidak sesuai dengan zaman."⁸

Apabila berinteraksi dengan tajdid, umat Islam di Malaysia terbahagi kepada beberapa kategori:

Pertama: Mereka yang berkata tajdid adalah tidak perlu kerana beranggapan Islam di Malaysia masih dalam keadaan yang pertama lagi tulen. Maka mereka menghalang usaha mentajdid dan meremehkan para pentajdid.

Ini adalah sikap yang tidak benar kerana sesiapa yang sahaja yang melakukan kajian terhadap Islam di Malaysia dan pengamalannya oleh rakyat Malaysia pasti akan menemui bahawa sebahagian daripadanya berada dalam keadaan yang pertama lagi tulen manakala sebahagian lagi berada dalam keadaan yang bercampur aduk dengan pelbagai unsur pencemaran seperti tradisi masyarakat, ajaran daripada agama lain dan tokoh tambah individu tertentu.

Perkara ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi meluas kepada negara-negara yang lain. Perkara ini bukan sahaja berlaku pada masa kini tetapi bermula sejak wafatnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan akan berterusan sehingga

⁸ *Gerakan Tajdid: Keperluan Masa Kini*, dalam *Majalah i* (Kumpulan Karangraf, Shah Alam), edisi September 2005, ms. 22.

ke akhir zaman. Oleh kerana itulah baginda bersabda, maksudnya: ***“Sesungguhnya Allah membangkitkan bagi umat ini pada awal setiap seratus tahun orang yang mentajdidkan bagi (umat)nya, agamanya”***, menunjukkan bahawa pencemaran agama adalah sesuatu yang benar-benar akan berlaku dan usaha tajdid adalah perlu untuk membersihkan pencemaran tersebut.

Kedua: Mereka yang beranggapan tajdid adalah usaha mengubah-suai agama dari sudut pemikiran dan amalan agar ia sesuai dengan kehendak manusia dan peredaran zaman. Dari sudut pemikiran, mereka cuba untuk membuka tafsiran agama dan menjadikannya hamba kepada peradaban kini (liberalisme). Ada pula yang menganggap azab kubur, penurunan Nabi Isa pada akhir zaman dan wanita yang menutupi auratnya adalah punca kemunduran umat, lalu ia perlu ditolak daripada pegangan umat Islam.⁹ Dari sudut amalan, mereka menambah ibadah tertentu dan mengurangkan ibadah yang lain. Usaha-usaha sebegini tidak disebut sebagai tajdid tetapi disebut sebagai bid'ah.

Bid'ah, sama ada dari sudut pemikiran atau amalan, merupakan salah satu kemungkaran yang amat berbahaya kepada agama Islam dan umatnya. Oleh kerana itulah Allah dan Rasul-Nya memberi larangan keras kepada para pencipta bid'ah dan para pengamalnya.

Ketiga: Mereka yang beranggapan tajdid adalah usaha kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah sahaja. Maka dalam usaha tajdid tersebut, mereka menyisihkan khazanah peninggalan para ulama seperti kitab-kitab tafsir, syarahan hadis, fiqh dan

⁹ Lebih lanjut berkenaan syubhat-syubhat Islam Liberal, azab kubur, penurunan Nabi Isa dan aurat wanita serta jawapan bagi menjelaskan syubhat tersebut, rujuk buku saya *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 1)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

sebagainya.

Ini adalah sikap yang tidak benar kerana khazanah para ulama' merupakan jambatan yang menghubungkan seseorang itu kepada kefahaman yang tepat kepada firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Tanpa jambatan tersebut, seseorang itu akan tenggelam ke lautan yang dalam.

Memang, para ulama' tersebut tidak maksum. Namun, mereka yang menyisihkan khazanah para ulama' juga tidak maksum, bahkan jauh lebih tidak maksum. Oleh itu para ulama' memang ada melakukan kesilapan, namun ia dalam kekerapan yang amat kecil. Berbeza dengan mereka yang bukan ulama', mereka akan membuat kesilapan dan ia dalam kekerapan yang amat besar.

Keempat: Mereka yang melakukan usaha tajdid dengan cara *tashfiyah* (التصفية) dan *tarbiyah* (التربية). *Tashfiyah* bermaksud usaha memurnikan agama Islam daripada pelbagai pencemaran yang telah sekian lama melekat kepadanya. Manakala *tarbiyah* bermaksud mendidik umat kepada agama Islam yang telah dimurnikan, hasil daripada usaha *tashfiyah* di atas.¹⁰

Ini adalah sikap yang benar. Memandangkan umat Islam di Malaysia berada

¹⁰ *Tashfiyah* dan *tarbiyah* adalah buah pemikiran Syaikh al-Albani *rahimahullah*. Lebih lanjut sila kaji buku beliau *al-Tashfiyah wa al-Tarbiyah wa Hajat al-Muslimin ilaiha* (edisi terjemahan oleh Abu Abdil Aziz atas judul *Tashfiyah wa Tarbiyah: Jalan Menuju Pemurnian dan Penamaan Aqidah*; Pustaka at-Tauhid, Tangerang, 2002). Lihat juga syarahannya oleh Syaikh 'Ali bin Hasan al-Halabi dalam *al-Tashfiyah wa al-Tarbiyah wa Atsaruhuma fi Isti'naf al-Hayah al-Islamiyah* (edisi terjemahan oleh Muslim al-Atsari & Ahmas Faiz atas judul *Tashfiyah dan Tarbiyah: Upaya Meraih Kejayaan Umat*; Pustaka Imam Bukhari, Solo, 2002).

dalam keadaan yang agak jauh daripada Islam yang pertama lagi tulen, maka manhaj *tashfiyah* dan *tarbiyah* hendaklah dijadikan kaedah utama dalam usaha tajdid. Seterusnya manhaj **mencela**, **menghukum** dan **memulau** (*boycott*) hendaklah ditinggalkan kerana ia tidak menghasilkan manfaat yang diinginkan, sebaliknya mengekal atau menjauhkan lagi Islam di Malaysia dan umatnya daripada agama yang pertama lagi tulen.

Apakah yang dimaksudkan dengan Globalisasi?

Globalisasi, secara sederhana, dapat didefinisikan sebagai peruntuhan pagar-pagar yang memisahkan antara negara sehingga dengan itu mudah berlaku pertukaran, pemindahan dan perkongsian dalam pelbagai lapangan seperti ilmu, pemikiran, ekonomi, kebudayaan dan agama.

Untuk lebih memantapkan kefahaman kita tentang globalisasi, berikut dikemukakan beberapa contoh yang lazim berlaku:

- Globalisasi dalam lapangan ilmu, contoh terbaik ialah dalam bidang perubatan dimana ia adalah satu bidang ilmu yang tidak mengenal batas sempadan. Ilmu-ilmu berkaitan kajian, ubat dan kaedah pengubatan banyak bertukar, berpindah dan dikongsi antara negara dengan negara, termasuklah Malaysia. Bahkan pada masa kini seorang doktor di satu negara boleh mengawasi dan memberi tunjuk ajar secara lintas langsung kepada pembedahan yang sedang dilakukan oleh para doktor di negara yang lain.
- Globalisasi dalam lapangan isme-isme (pemikiran), contoh terkini ialah

pemikiran pluralisme yang bermaksud semua agama adalah sama dan benar¹¹, pemikiran hak asasi manusia yang menekankan bahawa setiap individu berhak melakukan apa sahaja yang dia kehendaki¹², pemikiran liberalisme yang

¹¹ Lebih lanjut tentang pluralisme, rujuk artikel saya *Kerukunan Antara Agama, Bukan Kesamaan Antara Agama dan Memintas Fiqh Lintas Agama* dalam *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 2)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

¹² Sebenarnya Islam juga memberi penekanan kepada hak asasi manusia, tetapi terdapat perbezaan yang besar antara hak yang ditekankan oleh Islam dengan yang selain Islam. Dua perbezaan yang terbesar adalah:

Pertama: Islam memberi hak kepada manusia melakukan sesuatu selagi mana perbuatan tersebut tidak menjatuhkan kedudukannya sebagai mahluk yang mulia. Dengan itu, Islam sememangnya tidak memberi hak yang bebas kepada manusia untuk melakukan apa sahaja yang dia kehendaki kerana pembebasan tersebut akan menjatuhkan darjat manusia kepada kedudukan yang lebih rendah daripada haiwan. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tentang kemuliaan ini:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا.

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan pelbagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan. [al-Isra' 17:70]

Sebagai contoh, Islam melarang manusia daripada mengambil sesuatu yang memabukkan, bersetubuh antara satu sama lain (kecuali melalui pernikahan) dan berpakaian yang separuh telanjang kerana ia menjatuhkan kedudukan manusia seumpama haiwan, bahkan lebih rendah lagi.

Kedua: Islam memberi hak kepada manusia melakukan sesuatu selagi mana perbuatan tersebut tidak mencerooboh, menindas, menzalimi, mempersenda atau memberi kesan yang buruk kepada manusia yang lain. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ...

Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan mencerooboh dengan tidak ada alasan yang benar....." [al-A'raaf 7:33]

bertujuan membuka agama menjadi hamba kepada peradaban semasa dan pemikiran feminisme yang menyuruh wanita menjadi seumpama lelaki tetapi pada waktu yang sama bersaing dan membenci lelaki.¹³

Sebagai contoh, Islam memberi hak bersuara kepada manusia selagi mana suara tersebut tidak digunakan untuk mencerooboh, menindas, menzalimi, mempersenda atau memberi kesan yang buruk kepada manusia yang lain. Bandingkan hak ini dengan tindakan beberapa akhbar Eropah sebelum ini yang menyiarkan kartun-kartun yang mempersenda peribadi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan mencerooboh perasaan umat Islam seluruhnya.

¹³ Feminisme sebenarnya terbahagi kepada tiga kategori:

- **Feminisme yang memartabatkan wanita:** Ia adalah feminisme yang diperjuangkan oleh Islam sejak 1400 tahun yang lalu. Islam memartabatkan wanita dari pelbagai sudut seperti hak untuk hidup, hak mendapatkan ilmu, hak bekerjaya, hak mendapatkan penceraian, hak ilindungi daripada kezaliman, hak mendapat harta warisan, hak mengundi dan hak untuk saling membantu untuk Islam.

Namun dengan satu catitan penting, hak-hak tersebut sesuai dengan fitrah ciptaan wanita itu sendiri. Islam membezakan antara lelaki dan wanita, justeru masing-masing diberi hak sesuai dengan fitrah masing-masing. Oleh itu dalam memberikan hak-hak tersebut, Islam tidak membebaskan wanita daripada fitrahnya untuk mencintai dan dicintai oleh suami, melahirkan anak dan mendidik anak.

- **Feminisme yang memperdayakan wanita:** Ia adalah feminisme yang lahir di negara-negara Barat mulai tahun tujuh puluhan. Ia lahir atas dua sebab utama, **Pertama:** Keinginan wanita untuk turut meraih kejayaan kebendaan yang pada zaman itu mula memuncak dan diraih oleh kaum lelaki sahaja dan **Kedua:** Ramainya lelaki yang menzalimi wanita.

Berdasarkan sebab yang pertama, kaum wanita bangun untuk bersaing dengan lelaki sehingga apa jua yang dilakukan oleh lelaki, mereka juga ingin melakukannya. Berdasarkan sebab yang pertama ini juga, wanita memisahkan ciri-ciri fitrah yang khusus bagi mereka, seperti melahirkan dan mendidik anak. Mereka berkata: "*Raising children is modern day slavery for women*". Berdasarkan sebab yang kedua pula, wanita membenci lelaki. Ini dibuktikan melalui penahanan diri daripada mencintai dan dicintai, berkahwin dan melakukan hubungan seks dengan lelaki.

Mulai pertengahan tahun sembilan puluhan, para wanita yang memperjuangkan feminisme seumpama di atas sedar akan kesilapan mereka. Mereka sedar bahawa persaingan yang mereka

wujudkan hanya menambah keuntungan diraih oleh lelaki sementara diri mereka semakin tertindas. Pada waktu yang sama mereka sedar bahawa usaha mereka tidak menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik. Para pengkaji yang adil telah menyandarkan feminisme kategori kedua ini sebagai salah satu punca melonjaknya fenomena seks sesama wanita (*lesbian*), penceraian dan jenayah di kalangan anak muda.

Lebih memberatkan, para wanita sendiri mula sedar bahawa dalam bersaing dan membenci lelaki, mereka telah memperdayakan diri mereka sendiri. Mereka memperdayakan diri sendiri kerana telah menjadikan lelaki sebagai kayu ukur dan tujuan dalam perjuangan. Padahal sebagai wanita yang bermaruah dan berjatidiri, mereka sepatutnya memiliki kayu ukur dan tujuan yang tersendiri. Mereka juga memperdayakan diri sendiri kerana telah menafikan kehendak fitrah mereka sebagai seorang manusia. Fitrah yang ingin mencintai dan dicintai oleh suami serta melahirkan anak dan mendidik anak bersama suami.

Sejak itu wanita-wanita di negara Barat mula sedar akan kesilapan perjuangan yang mereka mulakan pada tahun tujuh puluhan. Kini mereka berubah dari motto: “Wanita jadilah seumpama lelaki” kepada motto yang baru: “Wanita jadilah wanita”.

- **Feminisme yang mempertuhankan wanita:** Ia adalah feminisme yang ingin menukar hukum-hukum agama agar sesuai dengan kehendak wanita dan arus peradaban semasa. Seolah-olah wanita adalahh tuhan yang dengan itu boleh dilakukan penukaran syari’at. Feminisme kategori ketiga ini boleh dikenali melalui suara-suara yang menuntut hak talak diberi kepada isteri, persamaan pembahagian warisan dan aurat wanita sama seperti aurat lelaki.

Dalam usaha melakukan tajdid kepada agama dan umat, arus feminisme tidak boleh diabaikan kepada ia memiliki kesan yang amat luas. Oleh itu:

1. Umat Islam hendaklah dididik bahawa Islam memberi perhatian yang adil kepada lelaki dan wanita. Sebahagian daripada perhatian tersebut adalah sama kerana kedua-dua lelaki dan wanita memiliki persamaan dalam beberapa sudut. Namun sebahagian lagi daripada perhatian tersebut berbeza kerana dalam beberapa sudut yang lain terdapat perbezaan antara lelaki dan wanita. Mempersamakan lelaki dan wanita dalam semua sudut seumpama mempersamakan antara lori dan kereta sehingga lori digunakan untuk bersiar-siar manakala kereta digunakan untuk mengangkut batu-batan.
2. Kaum lelaki hendaklah dididik bahawa mereka memiliki tanggungjawab yang besar terhadap wanita. Apabila Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berfirman: (الرجال قوامون على النساء) “*Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan*”

- Globalisasi dalam lapangan ekonomi, seperti masuknya ke Malaysia pasaraya-pasaraya yang besar (*Hyper Mart*) seperti Makro, Carrefour dan Tesco. Contoh lain ialah usaha pengilangan oleh syarikat-syarikat gergasi antarabangsa kerana mengambil manfaat daripada kos pekerja dan bahan asas yang murah di Malaysia. Dikatakan bahawa lapangan ekonomi merupakan pemain utama dalam era globalisasi masa kini.
- Globalisasi dalam lapangan kebudayaan, seperti masuknya ke Malaysia fesyen memakai subang, rantai dan gelang bagi kaum lelaki dan fesyen menayangkan pusat bagi kaum wanita. Termasuk dalam lapangan kebudayaan ialah pelbagai pertandingan realiti (*Akademik Fantasia*) dan festival hiburan (*Jom Heboh*).
- Globalisasi dalam lapangan agama, sepertimana berkembangnya agama Islam ke pelbagai negara lain, khasnya di benua Amerika, Eropah dan Australia. Pada waktu yang sama agama Kristian juga sedang berkembang luas ke pelbagai negara lain, khasnya negara yang rakyatnya beragama Islam.

Apabila kita mengkaji secara mendalam tentang globalisasi, akan ditemui

[al-Nisa' 4:34], ia tidaklah bermaksud memberi kuasa sewenang-wenangnya kepada lelaki tetapi meletakkan tanggungjawab yang amat berat kepada lelaki untuk menjaga kebaikan hal ehwal wanita. Ingat! Salah satu punca feminisme ialah kezaliman lelaki ke atas wanita.

3. Kaum wanita hendaklah dididik bahawa apabila Islam memberi beberapa perhatian dan hukum yang khusus kepada mereka, ia tidaklah bererti Islam menzalimi mereka. Sebaliknya ia menunjukkan bahawa Islam mengistimewakan mereka. Sesuatu yang istimewa sudah tentu memerlukan perhatian yang lebih. Bandingkan antara mata dan telinga, kedua-duanya adalah anggota ciptaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Akan tetapi untuk telinga Allah membiarkannya terdedah begitu sahaja manakala untuk mata Allah berikannya kelopak yang menutupi serta bulu mata yang menapis habuk. Adakah semua ini bererti Allah menzalimi mata atau kerana mata adalah lebih istimewa berbanding telinga?

beberapa fakta penting:

Pertama: Globalisasi hanya baru dari sudut istilah, tidak dari sudut maksudnya. Ini kerana pertukaran, pemindahan dan perkongsian dalam pelbagai lapangan sudah berlaku di antara manusia sejak sejarah mula dicatat. Bahkan antara tujuan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mencipta manusia adalah untuk mereka saling “berglobalisasi” sepertimana firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ.

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).¹⁴

Globalisasi mula berkembang pesat sejak 20 hingga 30 tahun yang lepas dan perkembangan inilah yang melahirkan nama “Globalisasi” itu sendiri. Antara faktor yang menyebabkan perkembangan ini adalah kemajuan teknologi maklumat, media massa, elektronik, pengangkutan dan kemajuan diri manusia itu sendiri.

¹⁴

al-Hujurat 49:13.

Kedua: Globalisasi tidak seluruhnya membawa manfaat dan tidak seluruhnya membawa mudarat. Ia bercampur aduk antara manfaat dan mudarat, antara positif dan negatif. Globalisasi pasaraya-pasaraya yang besar misalnya, membawa bersamanya manfaat peluang pekerjaan, pemindahan kaedah urusaniaga, peningkatan ekonomi negara dan kemudahan kepada pelanggan. Akan tetapi ia juga membawa mudarat seperti penindasan kepada peniaga runcit yang kecil dan pembaziran wang ringgit bagi pelanggan yang tidak berhemat dalam membeli-belah.

Ketiga: Sekali pun globalisasi pada asalnya bermaksud pertukaran, pemindahan dan perkongsian antara negara, realiti menunjukkan bahawa ia tidak wujud dalam bentuk dua hala yang adil. Sebaliknya, ada negara yang bersifat “mengglobalisasi” dan ada negara yang bersifat “diglobalisasi”.

Maksud saya dengan “mengglobalisasi” adalah negara yang menyebarkan ilmu, pemikiran, ekonomi, kebudayaan dan agama mereka kepada negara lain. Ada pun “diglobalisasi”, ia adalah negara yang bersifat hanya menerima ilmu, pemikiran, ekonomi, kebudayaan dan agama dari negara yang “mengglobalisasi” tanpa menilai sama ada ia membawa manfaat atau mudarat.¹⁵

Soalan mudah: Adakah Malaysia secara umum dan umat Islam di Malaysia secara khusus bersifat mengglobalisasi atau diglobalisasi?

¹⁵ Arus mengglobalisasi kebanyakannya datang dari negara Barat, khasnya Amerika Syarikat. Oleh kerana itu sebahagian pengkritik globalisasi menggelar ia sebagai *Westernization* dan *Americanization*.

Cabaran Tajdid di era globalisasi masa kini.

Dalam rangka mengembalikan agama dan umat kepada Islam yang pertama lagi tulen di era globalisasi masa kini, kita memiliki beberapa cabaran. Cabaran-cabaran ini boleh dikenali dengan merenung kembali kepada tiga fakta tentang globalisasi yang saya kemukakan di atas, iaitu:

- Berdasarkan fakta pertama, kita mengetahui bahawa globalisasi adalah sesuatu yang benar-benar berlaku. Ia tidak boleh dihindari mahupun disifarkan. Maka **cabaran** kita bukanlah menafikan globalisasi tetapi mengendalikannya.
- Berdasarkan fakta kedua, kita mengetahui bahawa arus globalisasi memiliki sisi yang positif dan negatif. Maka **cabaran** kita ialah membezakan antara yang positif dan negatif, seterusnya mengambil yang positif dan menghalang atau mengubah yang negatif.
- Berdasarkan fakta ketiga, kita mengakui bahawa umat Islam di Malaysia lebih bersifat diglobalisasi daripada mengglobalisasi. Maka **cabaran** kita ialah cuba mengubahnya kepada bentuk dua hala yang adil antara diglobalisasi dan mengglobalisasi, dimana kedua-duanya menyangkut apa yang positif.

Tiga cabaran di atas memanglah sesuatu yang besar, berat lagi sukar bagi agama dan umat. Akan tetapi sama-sama diketahui bahawa sesuatu yang besar boleh menjadi kecil, sesuatu yang berat boleh menjadi ringan dan sesuatu yang sukar boleh menjadi mudah jika kita, bukan orang lain tetapi **kita** sendiri, berusaha melakukan beberapa **perubahan sikap dalam beragama**. Perubahan yang dimaksudkan adalah:

Pertama: Berubah dari hafalan kepada kefahaman.

Sedar atau tidak, kebanyakan kita beragama semata-mata berdasarkan hafalan, iaitu apa yang diperlukan untuk lulus peperiksaan zaman persekolahan. Kemudian ada yang ingin mempertingkatkan ilmu agama, namun peningkatan tersebut hanya dibataskan kepada menghadiri kelas-kelas Tajwid dan Fardhu Ain. Sebaliknya apabila berinteraksi dengan pelbagai lapangan yang lain, seperti apa yang berkaitan dengan kerjaya atau hobi, kita mempertingkatkan kepada tahap-tahap yang tidak mengenal batas maksima.

Ini adalah satu kezaliman yang amat berat kepada agama dan diri sendiri. Agama Islam bukan sekadar hafalan tajwid dan fardhu ain manakala umat Islam tidak boleh membataskan diri sekadar hafalan tajwid dan fardhu ain. Kita hendaklah berusaha sekadar mampu untuk menuntut pelbagai ilmu agama agar kita dapat memahami dan menghalusinya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap Muslim.¹⁶

Berilmu sahaja tidak mencukupi, ia perlu disempurnakan dengan kefahaman. Kefahaman adalah satu faktor yang penting sehingga Allah telah mengunggulkan Nabi Sulaiman di atas Nabi Daud berdasarkan faktor kefahaman sekalipun keduanya memiliki kebijaksanaan dan ilmu. Perhatikan firman-Nya:

وَدَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ إِذْ يَحْكُمَانِ فِي الْحَرْثِ إِذْ نَفَسَتْ فِيهِ غَنَمُ الْقَوْمِ وَكُنَّا

¹⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Mahmud Muhammad Mahmud dalam semakannya ke atas *Sunan Ibn Majah* (Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1998), hadis no: 224.

لِحُكْمِهِمْ شَاهِدِينَ (78) فَفَهَّمْنَاهَا سُلَيْمَانَ وَكَلَّا أَتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُودَ الْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَالطَّيْرَ وَكُنَّا فَاعِلِينَ (79).

*Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Daud dengan Nabi Sulaiman, ketika mereka berdua menghukum mengenai tanaman-tanaman semasa ia dirosakkan oleh kambing kaumnya pada waktu malam; dan sememangnya Kamilah yang memerhati dan mengesahkan hukuman mereka. Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmah kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak).*¹⁷

Faktor kefahaman juga ditekankan oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* dalam sabda baginda:

مَنْ يُرِدْ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ.

*Sesiapa yang dikehendaki kebaikan oleh Allah, maka Dia akan memberinya kefahaman dalam agama.*¹⁸

Kembali kepada cabaran globalisasi, sudah tentu kita tidak akan mampu menghadapinya, khasnya untuk membezakan antara arus yang positif dan negatif, semata-mata berdasarkan ilmu tajwid dan fardhu ain. Oleh itu hendaklah kita berusaha untuk berubah sikap dalam beragama, dari hafalan kepada kefahaman. Kefahaman tidak akan diperoleh melainkan dengan melazimkan diri menelusuri ayat-ayat al-Qur’an dan hadis-hadis yang sahih serta menganalisa penjelasan para ulama’.

¹⁷ al-Anbiya’ 21:78-79

¹⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* (penomboran Fu’ad Abd al-Baqi), hadis no: 71.

Kedua: Berubah dari membaca sejarah yang lampau kepada mencatat sejarah yang baru.

Di kalangan umat Islam ada yang mengasyikkan diri membaca sejarah yang lampau. Mereka ini terbahagi kepada dua golongan:

1. Mereka yang mengasyikkan diri membaca sejarah kegemilangan umat Islam pada masa-masa awalnya, lalu merasa megah dengannya. Kemegahan ini seterusnya digunakan untuk menyelimuti kesedihan yang berada nun jauh di dalam hati, kesedihan yang timbul kerana memikirkan kemunduran yang sedang dihadapi oleh umat Islam masa kini.
2. Mereka yang mengasyikkan diri membaca sejarah kejatuhan umat Islam pada masa-masa penjajahan, lalu mereka merasa rendah diri dengannya. Ini seterusnya melahirkan sikap kekerdilan diri (*inferiority complex*) dan memberi cetusan di dalam pemikirannya bahawa untuk umat Islam kembali maju, kita perlu mengikuti apa yang dilakukan oleh negara-negara penjajah seperti memisahkan agama dari kehidupan (sekularisme) dan membuka tafsiran agama agar ia tunduk kepada peradaban semasa (liberalisme).

Di sini saya bukan menegah umat Islam daripada membaca sejarah yang lampau, tetapi ingin membetulkan hasil yang tercapai daripadanya. Pembacaan sejarah boleh menghasilkan kesan yang positif dan negatif. Tentu sahaja yang kita kehendaki adalah kesan yang positif, iaitu:

- Kita mengambil iktibar dari sejarah kegemilangan umat Islam pada masa-masa awalnya dengan mengkaji apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka

mencapai kegemilangan tersebut dan bagaimana kita boleh menerapkan faktor-faktor itu pada masa kini.

- Kita mengambil iktibar dari sejarah kejatuhan umat Islam pada masa-masa penjajahan dengan memikirkan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kejatuhan tersebut dan bagaimana kita boleh mengelaknya dari berulang pada masa kini.

Mengambil iktibar secara positif daripada sejarah adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam. Di dalam al-Qur'an terdapat banyak sejarah para Nabi yang lalu. Ia disampaikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk kita mengambil iktibar daripadanya. Firman Allah:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ.

*Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.*¹⁹

Maka berdasarkan iktibar dan kajian daripada kajian sejarah Islam, kita berusaha untuk mencatat sejarah yang baru, yang mendekati sejarah kegemilangan

¹⁹ Yusuf 12:111.

yang awal dan menjauhi sejarah kejatuhan yang terkemudian. Dengan pencatitan yang baru ini, era globalisasi bukan sahaja menjadi sejarah kegemilangan bagi kaum bukan Islam, tetapi menjadi sejarah yang lebih gemilang bagi umat Islam.

Ketiga: Berubah dari “mereka” kepada “kita”.

Satu sifat yang tidak tersembunyi bagi kebanyakan umat Islam adalah kegemaran berbincang tentang “mereka” dan bukannya “kita”. Maksud saya:

- Umat Islam suka berbincang tentang kejayaan kuasa-kuasa Zionis untuk menzalimi Islam, tetapi enggan berbincang tentang apa yang sudah **kita** buat untuk menghalang kezaliman tersebut.
- Umat Islam suka berbincang tentang perkara-perkara mungkar yang “dibiarkan” oleh pihak berwajib tetapi enggan berbincang tentang apa yang sudah **kita** buat untuk menghalang kemungkaran tersebut.
- Umat Islam suka berbincang tentang kekurangan-kekurangan jabatan-jabatan agama serta institusi agama yang lain tetapi enggan berbincang tentang apa yang sudah **kita** buat untuk membantu menutupi kekurangan-kekurangan tersebut.
- Umat Islam suka berbincang tentang apa yang tidak dilakukan oleh seseorang atau sesebuah jamaah untuk Islam, tetapi enggan berbincang tentang apa yang sudah **dirinya sendiri** atau **kita** buat untuk Islam.
- Umat Islam suka menyalahkan orang lain atas apa-apa kegagalan atau kerosakan, tetapi enggan untuk menyalahkan **diri sendiri** atau **kita** atas

kegagalan atau kerusakan tersebut.

Demikian beberapa contoh yang saya maksudkan antara “mereka” dan “kita”. Sikap seperti ini tidak sekali-kali akan membolehkan kita mengharungi cabaran globalisasi, melainkan kita berubah dari “mereka” kepada “kita”. Perhatikan beberapa firman Allah berikut ini yang semuanya berbentuk umum, bererti ditujukan kepada “kita” semuanya dan bukannya “mereka” yang tertentu:

وَالْعَصْرُ (1) إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ (2) إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ (3).

*Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal shalih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.*²⁰

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ.

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*²¹

²⁰ al-‘Ashr 103:1-3.

²¹ al-Nahl 16:125.

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ
وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ.

Katakanlah: “Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.”²²

وَقُلْ اْعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى
عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ.

Dan katakanlah: “Bekerjalah kamu! Maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”²³

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ.

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh yang ma'ruf dan

²² Yusuf 12:108.

²³ al-Taubah 9:105.

*melarang daripada yang mungkar; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*²⁴

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ.

*Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).*²⁵

Sabda Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ
فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

*Sesiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya (mencegah dan menghentikannya) dengan tangannya. Jika dia tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya. Jika dia masih tidak mampu (maka ubahlah) dengan hatinya (dengan membencinya), yang sedemikian adalah lemah-lemah iman.*²⁶

Terdapat sebuah ayat yang seolah-olah menunjuk kepada “mereka” yang

²⁴ al-Taubah 9:71.

²⁵ ‘Ali Imran 3:110.

²⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* (penomborang Fu‘ad Abd al-Baqi), hadis no: 49.

tertentu dan bukannya “kita” semua secara umum, iaitu:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ.

Dan hendaklah kamu menyeru (berdakwah) kepada kebajikan dan menyuruh yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.²⁷

Ayat di atas menyuruh umat Islam untuk menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan melarang daripada yang mungkar. Akan tetapi timbul perbincangan di kalangan ilmuan, adakah ayat tersebut ditujukan kepada sebahagian umat Islam (Fardhu Kifayah) atau kepada semua umat Islam (Fardhu Ain)? Perbincangan ini dapat diperincikan seperti berikut:

1. Ayat ini ditujukan kepada sebahagian umat Islam (Fardhu Kifayah) kerana perkataan (منكم) di permulaan ayat berperanan untuk mengecualikan, bermaksud ***“sebahagian daripada kamu”***.
2. Ayat ini ditujukan kepada seluruh umat Islam (Fardhu Ain) kerana perkataan (منكم) di permulaan ayat berperanan untuk menegaskan, bermaksud ***“hendaklah kamu”***.²⁸

Antara dua perbincangan ini, dan Allah sahaja yang lebih mengetahuinya, saya cenderung kepada pendapat yang kedua bahawa ia ditujukan kepada semua umat Islam. Sebabnya:

²⁷ ‘Ali Imran 3:104.

²⁸ Perbezaan ini ada dijelaskan dalam kitab-kitab tafsir.

1. Ia selari dengan pelbagai ayat dan hadis yang lain, dimana semuanya ditujukan kepada “kita” umat Islam secara umum dan bukannya kepada “mereka” secara khusus.
2. Ayat 104 surah ‘Ali Imran di atas diakhiri dengan “...***Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.***” Menjadi tuntutan Islam agar semua umatnya mencapai kejayaan. Mustahil Islam hanya mengkehendaki sebahagian umatnya berjaya dan sebahagian lagi gagal. Maka pengakhir ayat menjelaskan siapa yang dimaksudkan pada awal ayat, iaitu semua umat Islam.
3. Berusaha untuk menyampaikan kebaikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan melarang daripada yang mungkar merupakan usaha semua para sahabat *radhiallahu ‘anhum*. Mereka hanya berbeza dari sudut bagaimana bentuk usaha yang dilakukannya, sesuai dengan kemampuan dan bidang kepakaran masing-masing. Jika usaha ini hanya disandarkan kepada sebahagian orang sepertimana yang berlaku masa kini, maka timbullah tuding menuding, siapa yang patut buat dan siapa yang tidak buat. Akhirnya tiada siapa yang berbuat apa-apa.²⁹

Maka umat Islam semuanya hendaklah berusaha untuk mengharungi cabaran-

²⁹ Dalam menguatkan pendapat yang kedua ini, saya sedar bahawa ia berbeza dengan pendapat yang dipilih oleh majoriti ilmunan *rahimahumullah*, dimana mereka berpendapat ia adalah fardhu kifayah dan bukannya fardhu ain berdasarkan ayat 104 surah ‘Ali Imran di atas. Namun ada segelintir yang menguatkan pendapat yang kedua, antaranya Syaikh Yusuf al-Qaradhawi *hafizhahullah*, sebagaimana yang beliau terangkan dalam bukunya *al-Muslimun wa al-‘Aulamah* (edisi terjemahan oleh Nabhani Idris atas judul *Islam dan Globalisasi Dunia*; Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 2001), ms. 162.

cabaran globalisasi dan tidak lagi menyerahkannya kepada pihak atau individu yang tertentu. Hendaklah setiap seorang daripada kita berusaha sekadar yang mampu demi kebaikan Islam dan umatnya, biar apa pun usaha tersebut, biar sekecil mana sekali pun usaha tersebut. *Do something for Islam and the ummah, whatever it is, however small it is!*

Masing-masing berusaha sekadar kemampuan dan mengikut bidang kemampuan masing-masing, contohnya:

- Mereka yang memiliki kemahiran dalam bidang ilmu berusaha mengembangkan ilmu, sama ada melalui penulisan atau lisan, atau kedua-duanya.
- Mereka yang mahir dalam bidang dakwah berusaha untuk menjemput orang ramai kepada Islam dan membersihkan salah faham mereka terhadap Islam.
- Mereka yang mahir dalam bidang teknologi maklumat berusaha untuk memperkayakan laman-laman web yang menerangkan tentang Islam.
- Mereka yang mahir dalam kerja-kerja sosial berusaha untuk membantu mangsa-mangsa tragedi alam dan orang-orang yang kurang bernasib baik.
- Mereka yang memiliki kelebihan kewangan berusaha untuk menginfakkan dana kepada pelbagai projek kebajikan.

Senarai ini boleh dikembangkan kepada pelbagai lagi usaha untuk Islam dan umatnya. Yang penting kita semua berusaha untuk Islam dan umatnya. Jika ada di antara kita yang belum mampu melakukan apa-apa usaha, maka bermula pada saat ini hendaklah menanam azam dalam dirinya agar dalam masa yang terdekat, dia menjadi mampu.

Keempat: Berubah dari “Saya sibuk” kepada “Saya sibuk untuk Islam”.

Apabila dikatakan: “Berusahalah sekadar mampu demi kebaikan Islam dan umatnya!”, ramai yang akan menjawab: “Ya! Saya ingin berusaha....tetapi sibuklah!”

Demikianlah agaknya realiti umat Islam, mereka adalah umat yang paling sibuk di dunia.

Akan tetapi sibuk dengan apa? Jika hendak dikatakan sibuk belajar, maka orang-orang yang mengglobalisasikan kebudayaan “subang dan pusat” juga sibuk belajar. Bahkan mereka adalah pelajar yang mencapai tahap kecemerlangan yang jauh lebih tinggi berbanding umum pelajar Islam.

Jika hendak dikatakan sibuk bekerja, maka orang-orang yang menulis buku dan artikel bagi mengglobalisasikan isme-isme mereka juga sibuk bekerja. Mereka bukanlah penganggur. Bahkan mereka menduduki jawatan yang amat tinggi dalam pekerjaan dan mampu menyumbang kepada keuntungan tahunan yang amat besar kepada syarikat mereka berbanding syarikat Muslim.

Jika hendak dikatakan sibuk melabur demi mengukuhkan kedudukan kewangan, maka orang-orang yang mengglobalisasikan ekonomi kapitalis sehingga menenggelamkan ekonomi Islam juga merupakan para pelabur. Bahkan pelaburan mereka berjaya mendudukkan kewangan mereka ke tahap yang amat mewah berbanding pelabur Muslim sehingga mereka dapat menyumbang dana kepada pelbagai usaha kebajikan secara umum dan dakwah kristian secara khusus.

Jika hendak dikatakan sibuk dengan keluarga, maka orang-orang yang mengglobalisasikan agama Kristian juga sibuk dengan keluarga. Bahkan mereka

memiliki keluarga yang amat besar di bawah pemeliharaan mereka, iaitu anak-anak yatim, orang-orang Islam dan mangsa-mangsa tragedi alam yang mereka kristiankan.

Maka sebenarnya umat Islam sibuk dengan apa? Saya serahkan soalan ini kepada para pembaca untuk mencari jawapannya. Jangan mencari jawapan: “Orang lain sibuk dengan apa?” tetapi carilah jawapan: “Saya sebenarnya sibuk dengan apa?”

Globalisasi ialah arus yang tidak menunggu masa. Jika kita, umat Islam, asyik menuduh bahawa masa tidak menunggu kita, maka kita tidak sekali-kali akan dapat mengendali cabaran arus globalisasi. Maka kita hendaklah belajar mengurus dan mengimbangi masa. Ingat! Jangan biarkan masa yang mengawal kita, sebaliknya kitalah yang mengawal masa.

وَالْعَصْرِ (1) إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ (2) إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ (3).

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal shalih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.³⁰

Kelima: Berubah dari isu lokal kepada isu global.

Untuk menghadapi cabaran globalisasi, kita perlu bersikap global dan memberi perhatian kepada isu-isu yang global. Terdapat banyak isu global yang memerlukan perhatian kita. Dalam kesempatan ini saya ingin menyentuh dua isu:

- Terrorisme: Iaitu tindakan menakutkan orang ramai dan merosakkan harta

³⁰

al-‘Ashr 103:1-3.

benda awam untuk mencapai tujuan tertentu. Lazimnya tindakan ini disandarkan oleh pihak media, luar dan dalam negara, kepada segelintir umat Islam. Maka kita perlu berusaha untuk:

1. Menerangkan kepada orang ramai bahawa Islam mengecam tindakan terrorisme.
 2. Menerangkan kepada orang ramai bahawa terdapat perbezaan yang besar antara Jihad di jalan Allah (*Jihad fi Sabilillah*) dan terrorisme. Tindakan jihad hanya dapat dikatakan berada “di jalan Allah” jika ia menepati rukun-rukunnya.³¹ Adapun tindakan terrorisme, maka ia tidak menepati apa-apa rukun, dengan itu ia adalah sesuatu yang berada “di selain jalan Allah”.
 3. Menerangkan kepada orang ramai bahawa terrorist yang sebenar ialah mereka yang sebelum ini menjajah negara-negara lain, menindas penduduk peribumi seperti kaum Indian di benua Amerika dan kaum Aborigine di Australia, bertanggungjawab membunuh ratusan ribu orang semasa Perang Dunia pertama dan kedua, juga mereka yang sekarang ini menyerang Palestin, Afghanistan dan Iraq.
- AIDS: Mitos umat Islam bahawa kononnya mereka imun (*immune*) daripada

³¹ Setiap ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji memiliki rukun-rukunnya dimana jika rukun tersebut tidak dipenuhi, maka ibadah tersebut menjadi tidak sah. Demikian juga bagi ibadah *jihad fi sabilillah*, ia juga memiliki rukun-rukunnya. Namun ia memiliki satu perbezaan yang besar dimana jika rukun-rukun tersebut tidak dipenuhi, maka ibadah *jihad* bukan sahaja menjadi tidak sah, bahkan orang yang melakukannya akan diazab oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Lebih lanjut rujuk buku saya *Apakah Jihad Di Jalan Allah (Buku 1 & 2)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

penyakit AIDS perlu diperbetulkan. AIDS adalah wabak yang sedang merebak dengan pantas di seluruh dunia dan ia tidak mengecualikan umat Islam. Malah 80% daripada pesakit AIDS di Malaysia beragama Islam.³² Maka apakah yang sedang kita lakukan, sama ada untuk diri kita sendiri atau umat Islam seluruhnya, untuk menangani wabak ini?³³

Selain memberi perhatian kepada isu global, kita juga perlu beri perhatian kepada isu yang berlaku di Malaysia sebagai kesan daripada globalisasi yang negatif. Sebagai contoh:

- Pemikiran pluralisme, liberalisme dan feminisme sebagai kesan negatif daripada globalisasi pemikiran.
- Keengganan untuk solat, maksiat yang berleluasa, moral yang rendah, fesyen lelaki bersubang dan wanita yang menayangkan pusat sebagai kesan negatif daripada globalisasi kebudayaan.
- Sikap rakus untuk memperbanyakkan harta sehingga segala tujuan hidup adalah kerana imbalan harta di sebaliknya. Ini adalah kesan negatif daripada globalisasi ekonomi kapitalis.

³² Kadar 80% ini dikhabarkan kepada saya oleh Prof. Dr. Adeeba Kamarulzaman dalam perbualan kami semasa majlis *Hi Tea* anjuran Muslim Professional Forum di Pusat Persidangan Sime Darby pada 1 July 2006. Majlis *Hi Tea* tersebut dilangsungkan bagi mengutip dana untuk *Rumah Solehah*, sebuah rumah khusus untuk menjaga ibu-ibu dan anak-anak yang HIV positif dan mengidap penyakit AIDS. Lebih lanjut, sila taip “Rumah Solehah” di enjin carian: <http://www.google.com.my/>

³³ Malaysian AIDS Council ada menyediakan program-program khusus tentang bagaimana kita umat Islam dapat memainkan peranan untuk menangani wabak AIDS. Sila hubungi mereka atau lawat: <http://www.mac.org.my/>

- Banyaknya umat Islam yang berpaling ke agama Kristian atau tidak beragama (atheis) sebagai kesan negatif daripada globalisasi agama.

Demikian beberapa isu, sama ada yang bersifat global secara umum atau sebagai kesan negatif daripada globalisasi, yang pada pengamatan saya amat kurang diberi perhatian oleh umat Islam Malaysia.

Iya! Timbul persoalan: “Di atas hanya isu-isu. Di mana solusinya?” Saya jawab: “Ahha! Memang saya sengaja biarkan ia tergantung. Sudah tiba masanya kita fikirkan solusinya. Selama ini kita hanya mengharapkan “mereka” untuk memberi solusi dan bertindak. Kini masa untuk berubah. Tidak lagi mereka tetapi **kita** yang memikirkan solusinya dan bertindak atas solusi tersebut.”³⁴

Sebelum beralih ke poin seterusnya, ingin dijelaskan bahawa apabila saya menyarankan kita berubah dari isu lokal kepada isu global, tidaklah bererti isu lokal dibiarkan terbengkalai. Isu-isu lokal seperti mandi bunga untuk dapatkan jodoh, jumpa bomoh untuk bertanyakan dompet yang hilang dan kenduri arwah memang tetap perlu diberikan perhatian. Ia adalah perkara-perkara kurafat yang telah sebatik dalam ubat Islam tanah air sehingga kita perlu dididik dan mendidik agar bersih daripadanya.³⁵ Hanya kita perlu mengimbangi (*prioritize*) antara lokal dan global, bahkan mengunggulkan global di atas lokal kerana isu global jika tidak ditangani dari awal akan menjadi isu lokal jua akhirnya.

³⁴ Tidak sekadar itu, saya juga sengaja membiarkan sebahagian poin dalam kertas kerja ini tergantung untuk para pembaca mencari sendiri maklumat lanjut atau penyelesaiannya. Saya sekadar memberi cetusan manakala selebihnya diserahkan kepada para pembaca. Agaknya tidak berlebihan jika saya katakan, sudah tiba masanya untuk kita berubah dari sikap manja kepada sikap berdikari.

³⁵ *Alhamdulillah* saya telah mengusahakan buku yang khas dalam subjek ini berjudul *11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

Keenam: Berubah dari teori kepada praktikal.

Lima perubahan yang saya senaraikan di atas bukanlah sesuatu yang baru. Ia sudah dikemukakan oleh para tokoh agamawan sebelum ini. Mungkin perkataan dan susunan ayat berbeza, tetapi maksudnya sama. Akan tetapi kelihatannya perubahan tetap tidak berlaku. Sebabnya? Ia hanya teori dan dibiarkan sebagai teori.

Maka disini saya sarankan, sudah tiba masanya kita berubah dari teori kepada praktikal. Sudah tiba masanya kertas-kertas kerja seminar, dialog meja bulat, perbincangan di forum-forum internet dan sembang-semang di serambi masjid diubah menjadi perbuatan, aksi dan tindakan. Perbuatan, aksi dan tindakan tersebut bukan dilakukan oleh “mereka” tetapi “kita” sendiri.

Arus globalisasi sentiasa bergerak deras sementara kita semua disibukkan dengan teori itu dan ini. Jika kita tidak mengubah teori-teori tersebut menjadi sesuatu yang praktikal untuk mengawal dan menghalakannya ke arah yang positif, arus itu akan menghakis Islam dan menghanyutkan umatnya.

Maka dengan itu saya mengingatkan diri saya sendiri dan para pembaca sekalian agar tulisan ini tidak semata-mata tulisan tetapi pencetus yang menggerakkan kita untuk berusaha menghadapi arus, yakni cabaran globalisasi.

Kata Penutup.

Islam adalah agama yang global. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ

وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا.

Dia-lah (Allah) yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (Islam), supaya Dia meninggikannya (Islam) atas segala agama yang lain; dan cukuplah Allah menjadi Saksi (tentang hal itu).³⁶

al-Qur'an adalah kitab yang global kerana ia adalah penentu antara yang benar dan salah (*al-Furqan*) bagi seluruh manusia:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا.

Maha berkat Tuhan yang menurunkan Al-Furqaan (al-Qur'an) kepada hamba-Nya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.³⁷

Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah Rasul yang global kerana baginda diutus kepada semua manusia:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا.

Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya."³⁸

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.

Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan

³⁶ al-Fath 48:28

³⁷ al-Furqan 25:01.

³⁸ al-A'raaf 7:158.

*untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*³⁹

Umat Islam adalah umat yang global kerana kita telah dipilih oleh Allah untuk mengglobalisasi kepada umat yang lain tentang apa yang benar dan salah:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا.

*Dan demikianlah Kami jadikan kamu (wahai umat Islam) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (yang lain tentang benar dan salah) dan Rasulullah pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.*⁴⁰

Maka apabila kita berbincang tentang globalisasi, sepatutnya Islam dan umatnya menjadi pemain utama. Mengglobalisasi merupakan ciri-ciri Islam dan umatnya. Tidak sekadar itu, arus mengglobalisasi yang dibawa oleh Islam dan umatnya bersifat positif seluruhnya, iaitu memberi manfaat dan menjauhkan mudarat kepada manusia, haiwan dan alam semesta.

Sekali pun realiti masa kini menunjukkan kita lebih diglobalisasi daripada mengglobalisasi, masih belum terlambat untuk mengubahnya. Namun perubahan tersebut tidak akan berlaku jika diri sendiri tidak melakukan perubahan terhadap sikap dalam beragama.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ.

³⁹ al-Anbiya' 21:107.

⁴⁰ al-Baqarah 2:143

*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.*⁴¹

⁴¹ al-Rad 13:11.

The Bible Sebagai Bahan Dakwah?

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. [al-Nahl 16:125]

Demikianlah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang pastinya menjadi prinsip utama semua pendakwah yang menjemput orang ramai ke arah agama Islam. Berdasarkan ayat ini juga, masing-masing pendakwah mencari dan menyusun manhaj dakwah yang sebaik-baiknya, selari dengan kepada siapa dakwahnya ditujukan. Asalkan, manhaj dakwah tersebut tidak menceroboh ke dalam batasan-batasan yang dilarang dalam Islam. Di sini timbul satu persoalan, bolehkah seorang pendakwah menggunakan *The Bible* untuk mendakwah seorang Kristian ke arah Islam?

Umar dilarang membaca kitab kaum Yahudi dan Nasrani.

Dalam sebuah seminar *Perbandingan Agama* yang dilangsungkan di Shah Alam pada awal bulan Oktober 2005, salah seorang hadirin telah menyatakan bahawa terdapat hadis yang melarang umat Islam daripada merujuk kepada *The Bible*. Kebetulan seminar tersebut sememangnya menggunakan *The Bible*, yakni dengan mengemukakan ayat-ayat berkenaan akidah daripada *The Bible* yang

selari dengan Islam. Tujuan mengemukakan ayat-ayat akidah yang selari bukanlah untuk menyatakan bahawa Islam dan Kristian adalah sama, tetapi untuk menunjukkan bahawa telah berlaku penyelewengan dalam iktikad umat Kristian masa kini. Maka jika umat Kristian benar-benar ingin memiliki iktikad yang tulen lagi murni, hendaklah dia mengikuti agama yang meneruskan ketulenan dan kemurnian tersebut, iaitu agama Islam.

Hadis yang dimaksudkan oleh hadirin tersebut adalah apa yang dikhabarkan oleh Jabir bin 'Abd Allah *radhiallahu 'anh* bahawa 'Umar bin al-Khaththab *radhiallahu 'anh* pernah mendatangi Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sambil membawa kitab yang diperolehnya daripada sebahagian Ahli Kitab (yakni kaum Yahudi dan Nasrani). Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* membacakan kitab tersebut dan lantas menjadi marah. Lalu baginda bersabda:

أَمْتَهُوْكُمْ فِيْهَا يَا ابْنَ الْخَطَّابِ وَالَّذِي نَفْسِيْ بِيَدِهِ لَقَدْ جِئْتُكُمْ بِهَا بَيِّضَاءَ نَقِيَّةٍ لَا تَسْأَلُوهُمْ عَنْ شَيْءٍ فَيُخْبِرُوكُمْ بِحَقٍّ فَتُكَذِّبُوا بِهِ أَوْ بِبَاطِلٍ فَتُصَدِّقُوا بِهِ وَالَّذِي نَفْسِيْ بِيَدِهِ لَوْ أَنَّ مُوسَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ حَيًّا مَا وَسِعَهُ إِلَّا أَنْ يَتَّبِعَنِي.

Adakah orang-orang yang hairan dan syak wahai Ibn al-Khaththab? Demi diriku yang berada di Tangan-Nya, sesungguhnya aku datang kepada kalian dengan (ajaran Islam) yang putih bersih. Janganlah kalian bertanya kepada mereka (Ahli Kitab) tentang sesuatu apa jua kerana mereka akan mengkhabarkan kalian perkara yang benar namun kalian mendustakannya atau (mereka mengkhabarkan kalian perkara yang) batil namun kalian membenarkannya.

Demi diriku yang berada di Tangan-Nya, seandainya Musa 'alaihissalam masih hidup, nescaya dia akan mengikutiku (ajaran Islam).

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnadnya* – hadis no:

15156, akan tetapi sanadnya adalah *dha'if* sebagaimana terang penyemak kitab, Syaikh Syu'aib al-Arna'uth.

Dua Hadis Yang Sahih Dalam Bab Ini.

Sumber daripada *Ahli Kitab* dikenali sebagai *al-Israiliyat* dan ia mewakili apa sahaja yang datang daripada kaum Yahudi dan Nasrani, sama ada daripada kitab-kitab atau riwayat-riwayat mereka. Terdapat dua buah hadis sahih yang paling tepat untuk dijadikan sumber kajian tentang hukum merujuk dan menggunakan sumber *al-Israiliyat*. Pertama adalah hadis daripada Abu Hurairah *radhiallahu 'anh* dimana beliau menerangkan tindakan kaum *Ahli Kitab* yang membaca kitab *Taurat* dalam bahasa Ibrani dan kemudian menafsirkannya dalam bahasa Arab untuk orang-orang Islam. Lalu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَا تُصَدِّقُوا أَهْلَ الْكِتَابِ وَلَا تُكَدِّبُوهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلَ.

Janganlah membenarkan Ahli Kitab dan jangan pula mendustakan mereka. Akan tetapi berkatalah "Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan." [Shahih al-Bukhari – hadis no: 7542 (Kitab al-Tauhid, Bab apa yang dibolehkan daripada tafsiran Taurat dan selainnya)].

Hadis yang kedua berasal daripada 'Abd Allah ibn 'Umar *radhiallahu 'anhuma* di mana beliau berkata, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً وَحَدِّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعْهُ مَقْعَدُهُ مِنَ النَّارِ.

Sampaikanlah daripada aku walau satu ayat dan ceritakanlah daripada Bani Israil, tidaklah ia menjadi satu kesalahan. Dan sesiapa yang berdusta di atas namaku maka hendaklah dia mempersiapkan

tempat duduknya dalam neraka. [*Shahih al-Bukhari* – hadis no: 3461 (*Kitab Ahadits al-Anbiya', Bab apa yang disebut tentang Bani Israil*)]

Pada zahirnya kelihatan wujud percanggahan di antara dua hadis yang sahih di atas. Hadis yang pertama tidak membenarkan pengambil daripada sumber *al-Israiliyat*: **"Janganlah membenarkan Ahli Kitab..."** malah ia hanya menyuruh untuk bersifat neutral. Manakala hadis kedua membolehkan pengambilan daripada sumber *al-Israiliyat*.

Terhadap percanggahan ini atau apa-apa lain yang seumpama, ia hanya wujud pada zahirnya. Para ilmuan Islam telah menggariskan cara-cara untuk menghilangkan percanggahan yang wujud di antara hadis. *Alhamdulillah*, saya sendiri telah menyusun sebuah buku yang khas dalam bab ini, berjudul *Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005.

Adapun di antara kedua-dua hadis di atas, maka penjelasannya adalah seperti berikut:

1. Tegahan dalam hadis pertama merujuk kepada zaman awal Islam, apabila pegangan umat Islam masih belum kukuh terhadap asas-asas Islam. Dibimbangi mereka akan terpengaruh dengan ajaran *al-Israiliyat* atau mencampur adukkan pegangan mereka antara ajaran Islam dan ajaran *al-Israiliyat*. Apabila pegangan umat Islam telah kukuh, maka dibolehkan menyampaikan apa yang berasal daripada *al-Israiliyat*. Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* (852H) menjelaskan, ketika mensyarahkan kata-kata: **"...ceritakanlah daripada Bani Israil, tidaklah ia menjadi satu kesalahan"**:

"Iaitu tidaklah dibataskan ke atas kalian berkenaan cerita-cerita daripada mereka, disebabkan sebelum itu terdapat tegahan daripadanya

(Rasulullah) *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk mengambil daripada mereka dan merujuk kepada kitab mereka. Kemudian diberikan kelonggaran daripada yang sedemikian. Seolah-olah larangan tersebut berlaku sebelum penetapan hukum-hakam Islam dan kaedah-kaedah agama (sehingga) dibimbangi berlakunya fitnah. Kemudian tatkala hilangnya bahaya tersebut, diberikan izin untuk melakukan sedemikian (menyampaikan daripada sumber *al-Israiliyat*). Ini disebabkan terdapat iktibar yang dapat diambil pada mendengar khabar-khabar daripada zaman mereka." [*Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari* (diteliti oleh Fu'ad 'Abd al-Baqi & Muhib al-Din al-Khatib; Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1379H), jld. 6, ms. 498]

2. Tegahan dalam hadis yang pertama ditujukan kepada mereka yang tidak mampu membezakan sumber *al-Israiliyat*, manakah di antaranya yang tulen atau palsu. Manakala hadis yang kedua membenarkan mereka yang mampu membezakan, untuk menyampaikan daripada sumber *al-Israiliyat* apa yang tulen sahaja. Neraca untuk membezakan antara yang tulen atau palsu adalah al-Qur'an dan hadis yang sahih. Dalam hal ini berkata al-Imam al-Syafi'ie *rahimahullah* (204H):

"Antara yang sedia dimaklumi adalah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak membenarkan penyampaian cerita yang dusta. Maka maksud (sabda baginda): **"...ceritakanlah daripada Bani Israil..."** adalah terhadap apa yang diketahui bukan dusta. Justeru terhadap apa yang dibenarkan (yakni bukan dusta), maka tidaklah menjadi satu kesalahan ke atas kalian untuk menyampaikannya daripada mereka dan ini selari dengan sabda baginda: **"Apabila diceritakan kepada kalian oleh Ahli Kitab, maka janganlah membenarkan mereka dan jangan pula mendustakan mereka."** Tidaklah dimaksudkan sebagai keizinan (daripada membenarkan mereka)

mahupun larangan (daripada mendustakan mereka) berkenaan menyampaikan cerita (*al-Israiliyat*) terhadap apa yang telah diputuskan sebagai benar." [*Fath al-Bari*, jld. 6, ms. 499]

Berdasarkan kedua-dua hadis di atas dan penjelasan para ilmuwan tentangnya, dapat dirumuskan bahawa:

1. Dibolehkan merujuk kepada *The Bible* sebagai bahan dakwah jika pendakwah itu sendiri memiliki pegangan yang kukuh lagi benar tentang asas-asas Islam.
2. Dibolehkan merujuk kepada *The Bible* sebagai bahan dakwah jika pendakwah itu sendiri mampu membezakan manakah yang tulen daripadanya.

Beberapa Syarat Tambahan Dalam Menggunakan *The Bible* Untuk Tujuan Dakwah.

Sepertimana yang dinyatakan di atas, kebolehan menggunakan bahan *al-Israiliyat* hanya terbatas kepada apa yang dipastikan tulen. Neraca ukuran bagi menentukan ketulenan tersebut adalah al-Qur'an dan hadis yang sahih. Di sini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ

Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. [al-Maidah 5:48]

Dalam ayat di atas, dapat diketahui bahawa antara peranan al-Qur'an

ialah “pemelihara” dan “pengawas” kepada kitab-kitab sebelumnya. Pemeliharaan dan pengawasan ini adalah dengan cara membandingkan ajaran kitab yang sebelumnya dengan al-Qur’an. Jika di dapati ajaran yang bersamaan dengan al-Qur’an, bererti ia adalah sesuatu yang tulen daripada kitab tersebut. Jika di dapati ajaran yang bertentangan dengan al-Qur’an, bererti ia adalah sesuatu yang tidak tulen daripada kitab tersebut. Namun perlu diingatkan bahawa perbandingan adalah dalam ajaran yang berkenaan dengan akidah. Adapun hukum-hukum syari’at, sebahagiannya mungkin sama dan sebahagian berbeza disebabkan bagi setiap umat, Allah *Subhanahu wa Ta’ala* menurunkan syari’atnya yang tersendiri. Allah berfirman:

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا

Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syari’at dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). [al-Maidah 5:48]

Selain daripada al-Qur’an, hadis-hadis yang sahih juga dapat digunakan untuk membezakan ajaran kitab sebelumnya, antara yang tulen dan palsu. Ini kerana hadis yang sahih secara tidak langsung diturunkan oleh Allah jua.

Setelah dipastikan ajaran akidah yang bersamaan antara kitab yang sebelumnya dengan al-Qur’an dan hadis yang sahih, para pendakwah boleh menggunakannya untuk berdakwah kepada orang Kristian. Dalam hal ini Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berfirman:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ.

Katakanlah: "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah

melainkan Allah dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah.” [Ali Imran 3:64]

Janganlah menggunakan ajaran yang bertentangan atau yang dianggap pelik daripada kitab mereka. Berdakwah dengan cara sedemikian bertentangan dengan firman Allah dalam ayat 125 surah al-Nahl yang dikemukakan pada permulaan artikel ini, yang menyuruh umat Islam berdakwah dengan: ***“...hikmah dan nasihat pengajaran yang baik.”*** Lebih dari itu ia hanya akan menimbulkan kemarahan yang akhirnya dibalas dengan mengemukakan apa yang dianggap bertentangan dan pelik daripada ajaran Islam. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengingatkan umat Islam:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ.

Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. [al-An'aam 6:108]

Seandainya mereka enggan menerima dakwah Islam, maka janganlah marah atau mempersalahkan mereka. Sebaliknya berkatalah sebagaimana firman Allah:

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ.

Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam." [Ali Imran 3:64]

Sekalipun mereka berbantah-bantahan secara negatif dan bertindak zalim, sikap seorang pendakwah tetap:

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِالَّذِي أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَأُنْزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ.

Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (Al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepada-Nyalah, kami patuh dengan berserah diri." [al-Ankabut 29:46]

Pendakwah dibolehkan mendoakan laknat ke atas orang yang tetap berdegil daripada menerima ajaran Islam. Ayat berikut menjadi rujukan:

فَمَنْ حَاجَّكَ فِيهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ فَقُلْ تَعَالَوْا نَدْعُ أَبْنَاءَنَا وَأَبْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا وَنِسَاءَكُمْ وَأَنْفُسَنَا وَأَنْفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ فَنَجْعَلْ لَعْنَةَ اللَّهِ عَلَى الْكَاذِبِينَ.

Kemudian sesiapa yang membantahmu mengenainya (ajaran Islam), sesudah engkau beroleh pengetahuan yang benar, maka katakanlah kepada mereka: "Marilah kita menyeru anak-anak kami serta anak-anak kamu, dan perempuan-perempuan kami serta perempuan-perempuan kamu, dan diri kami serta diri kamu, kemudian kita memohon kepada Allah dengan bersungguh-sungguh, serta kita meminta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang berdusta." [Ali Imran 3:61]

Walaubagaimanapun jadikanlah ini sebagai tindakan yang paling akhir. Ini

kerana kedegilan orang tersebut mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang jika ia dihilangkan, nescaya dia akan beriman. Antara faktor yang paling lazim ialah kelemahan pendakwah itu sendiri, seperti gagal menjelaskan Islam dengan cara yang indah, tidak mampu membersihkan Islam daripada pelbagai salah faham, mengharapkan hasil yang serta merta dan tidak memahami halangan serta tekanan yang mungkin sedang dihadapi oleh orang yang sedang didakwahkan itu.

Contoh Menggunakan *The Bible* Untuk Berdakwah.

Berikut dikemukakan beberapa ajaran akidah yang terkandung dalam *The Bible* yang bersamaan dengan al-Qur'an. Sebelum itu sekali lagi ditegaskan bahawa menerangkan kesamaan ini bukanlah untuk membuktikan bahawa agama Kristian dan Islam adalah sama, tetapi untuk membuktikan kepada umat Kristian bahawa satu-satunya agama masa kini yang memiliki akidah yang tulen lagi murni ialah Islam. Maka jika mereka ingin ikhlas dalam iktikad yang tulen lagi murni, Islam sahajalah pilihannya.

Pertama: Konsep *Trinity* (Tuhan bertiga).

Konsep *Trinity* membentuk iktikad umat Kristian yang paling penting. Di dalam al-Qur'an Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mencela iktikad *Trinity* tersebut. Allah berfirman:

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا إِلَهٌ وَاحِدٌ.

Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah salah satu dari tiga tuhan." Padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan yang Maha Esa. [al-

Maidah 5:73]

Jika dikaji *The Bible* akan ditemui ayat-ayat yang bertentangan dengan konsep *Trinity*. Ayat-ayat tersebut menerangkan bahawa Tuahn hanyalah Satu. Antaranya:

One of the teachers of the law came and heard them debating. Noticing that Jesus had given them a good answer, he asked him: "Of all the commandments, which is the most important?" "The most important one," answered Jesus, "is this: `Hear, O Israel, the Lord our God, the Lord is one.'" [*The Bible* (New International Version), Mark 12:28-29]

Jesus, yakni Nabi Isa, bukanlah Tuhan atau sebahagian daripada Tuhan. Perhatikan bagaimana Jesus membezakan dirinya daripada Tuhan:

As Jesus started on his way, a man ran up to him and fell on his knees before him. "Good teacher," he asked, "what must I do to inherit eternal life?" "Why do you call me good?" Jesus answered. "No one is good - except God alone." [Mark 10:17-18]

Jesus sendiri tidak mengajar apa-apa melainkan yang diperintahkan oleh Tuhan, menunjukkan beliau bukan Tuhan atau sebahagian daripada Tuhan:

Not until halfway through the Feast did Jesus go up to the temple courts and begin to

teach. The Jews were amazed and asked, "How did this man get such learning without having studied?" Jesus answered, "My teaching is not my own. It comes from him who sent me." [John 7:14-16]

Kedua: Jesus hanya seorang Rasul.

Al-Qur'an telah menegaskan bahawa Jesus bukanlah Tuhan atau sebahagian daripada Tuhan. Akan tetapi beliau hanyalah seorang Rasul:

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ.

Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa ibni Maryam berkata: "Wahai Bani Israil, sesungguhnya aku ini Pesuruh Allah kepada kamu."
[al-Saf 61:06]

Perkara ini juga telah ditegaskan dalam *The Bible*:

When Jesus entered Jerusalem, the whole city was stirred and asked, "Who is this?" The crowds answered, "This is Jesus, the prophet from Nazareth in Galilee." [Matthew 21:10-11]

Ketiga: Muhammad adalah pengganti Jesus.

Dalam surah yang sama seperti di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا

لَمَّا بَيَّنَّ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ أَحْمَدُ.

Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa ibni Maryam berkata: "Wahai Bani Israil, sesungguhnya aku ini Pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran Kitab yang diturunkan sebelumku, iaitu Kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku - bernama: Ahmad." [al-Saf 61:06]

Hal yang sama disebut dalam *The Bible*, dimana Jesus berkata:

"And I will ask the Father, and he will give you another Counselor to be with you forever." [John 14:16]

Yang dimaksudkan dengan *Counselor* bukanlah *The Holy Spirit* sebagaimana dakwa sebahagian pembaca *The Bible*. Ini kerana *The Holy Spirit* sudah sedia wujud sezaman dengan *The Bible*. *Counselor* yang dimaksudkan adalah seseorang yang akan datang pada waktu kemudian dan dia akan bersama umatnya sehingga akhir zaman, tanpa ada pengganti lain. Tidak ada sesiapa yang menepati ciri-ciri ini melainkan Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Bagindalah Nabi yang terakhir dan risalah Islam yang disampaikan akan berlangsung sehingga Hari Kiamat. Selain itu kedudukan sunnah baginda yang merupakan sebahagian daripada Islam menjadi baginda sentiasa bersama umatnya sehingga Hari Kiamat.

Demikian tiga contoh tentang beberapa kesamaan antara al-Qur'an dan *The Bible*. Terdapat banyak lagi kesamaan yang tidak dapat disenaraikan kesemuanya dalam artikel ini. Yang penting, seorang penganut Kristian yang

ikhlas lagi jujur kepada dirinya, setelah dia mengkaji kesamaan-kesamaan ini, nescaya akan mengakui bahawa agama Islam adalah pengganti yang benar ke atas agama Kristian, sehingga akhirnya dia beriman kepadanya.

Kesimpulannya, boleh menggunakan *The Bible* sebagai bahan dakwah selagi mana pendakwah tersebut mampu mematuhi syarat-syaratnya. Kemampuan ini sudah tentu tidak dimiliki oleh semua orang. Oleh itu bagi mereka yang mampu, teruskanlah. Manakala bagi mereka yang tidak mampu, janganlah mengganggu atau menjadi penghalang kepada usaha yang penting ini.

Pemimpin Hizbollah Menghantar SMS Terbaru

Setelah sms-nya yang pertama, yang meminta umat Islam Malaysia membaca ayat 26 surah al-Fath, pemimpin Hizbollah menghantar SMS yang kedua. Ia berbunyi:

“Syukran jazilan kerana sudi membantu kami yang diserangi rejim Zionis yang zalim dengan bacaan ayat 26 surah al-Fath. Sebenarnya saya tersilap. Sepatutnya saya minta kalian membaca surah al-Taubah yang dipenuhi dengan ayat-ayat berkenaan keutamaan jihad. Tak mengapa, lain kali sajalah. (Sebarkan).”

Apabila saya menerima sms pertama yang kononnya pemimpin Hizbollah, Syaikh Hasan Nasarullah, meminta kita membaca ayat 26 surah al-Fath, saya sangkakan ia adalah kes terpercil. Sekali pun ia berulang-ulang memasuki *inbox* talifon bimbit saya, saya masih menganggap ia adalah kes terpercil. Namun apabila saya bertanya kepada para hadirin dalam kuliah-kuliah, ternyata sangkaan saya adalah salah. Ia bukan kes terpercil tetapi sesuatu yang amat meluas. Majoriti daripada mereka menerima sms tersebut dan hampir majoriti daripada mereka turut meng-forward-kannya kepada rakan-rakan yang lain.

Jika kita meluangkan sedikit masa untuk menilai sms tersebut secara kritis, kita akan mengetahui bahawa ia adalah dongeng belaka. Pertama, apakah pemimpin Hizbollah memiliki suasana duduk bersantai di sebuah kondominium mewah di Beirut sehingga memiliki masa yang banyak untuk ber-sms? Kedua, seandai benar beliau ingin menghantar sms kepada kita di Malaysia, bukankah lebih wajar jika mesej sms

tersebut menjemput kita turun serta ke medan jihad di Lubnan demi meraih kedudukan yang terpuji di sisi Allah?

Ketiga, amalan membaca sesuatu ayat atau surah dan kemudiannya mengharapkan kuda putih bersayap empat turun dari langit memberikan apa yang diharapkan daripada bacaan tersebut adalah sinonim dengan amalan masyarakat Islam Malaysia. Ringkas kata, kebarangkalian sms tersebut *“Made in Malaysia”* adalah amat tinggi.

Di sini tumpuan saya bukan kepada orang pertama yang mengarang sms tersebut, tetapi kepada orang ramai yang menerima, membenar dan meng-*forward*-kannya. Apakah kita umat Islam memiliki jati fikir yang amat lemah sehingga tidak mampu menilai sesuatu khabar secara kritis sama ada ia sahih atau tidak? Persoalan ini tidak terhad kepada sms di atas tetapi kepada pelbagai sms lain daripada wasiat penjaga kubur Nabi s.a.w. sehinggalah kepada gosip-gosip sekitar kes Lina Joy dan tindakan kumpulan Artikel 11.

“Cukuplah seorang itu menjadi pendusta apabila dia menceritakan setiap sesuatu yang didengarnya”, demikian maksud pesan Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di awal kitab *Shahihnya*. Hadis ini pendek, tetapi memiliki maksud yang bertepatan dengan kehidupan harian kita. Iaitu, jangan mudah percaya semua cerita atau khabar, sebaliknya hendaklah kita menilai kesahihannya. Sms tidak terkecuali daripada pesan hadis di atas.

Selain itu, bukankah sen-sen yang kita belanja untuk meng-*forward* sms-sms tersebut, yang jika dihipunkan pasti sudah mencapai jumlah beberapa ringgit, lebih baik dan bermanfaat jika kita masukkannya ke dalam tabung kebajikan rakyat Palestin

dan Lubnan?

Sms Oh Sms!

Mesej yang ingin saya sampaikan dalam coretan ringkas ini tidak sekadar menilai kesahihan sesebuah sms yang kita terima, tetapi juga bersangkutan dengan beberapa etika lain yang patut kita perhatikan apabila berinteraksi dengan sms. Tentu saja hal ini bersifat relatif, justeru anggap sajalah ia sebagai pandangan dan bukannya ketetapan.

Sms Bukan Azan.

Berapa ramai di antara kita yang memiliki tindakbalas automatik, dimana sebaik sahaja nada sms berbunyi di talifon bimbit, kita terus membaca dan menjawabnya? Seterusnya, berapa ramai di antara kita yang menjawab “Ya” bagi soalan di atas juga terus bergegas mendirikan solat atau ke masjid apabila mendengar azan?

Saya biasa melihat orang yang sedang bermesyuarat, memandu, tawaf dan Sa‘ei, duduk makan malam sekeluarga, menghadiri kuliah dan di atas pentas sebagai pembentang kertas kerja berbalas sms. Bahkan yang saya anggap kemuncak adalah apabila saya pernah menemani salah seorang rakan ke rumah bakal ayah mertuanya.

Ia adalah pertemuan yang pertama, lebih kepada si ayah ingin berkenalan dengan siapa bakal menantunya. Sambil berbincang-bincang bersama hidangan teh O dan karipap, tiba-tiba nada sms berbunyi di talifon bimbit rakan saya. Umpama tendangan kecil kepala lutut yang diketuk, dia terus mengambil talifon dari koceknnya, membaca dan membalas. Ini berlaku dua kali. Bakal ayah mertuanya terpendang

sahaja.

Dalam perjalanan balik, saya mencelah: “Tak sopan berbalas sms di hadapan orang tua, apatah lagi anta memang sedang berbual dengannya.” Dia menjawab: “Yalah, betul tu. Entah macam mana....dah biasa terus jawab”.

“Sms yang urgent ke?”

“Tak pun, sekadar rakan-rakan yang ingin bertanya bagaimana hasil pertemuan”.

Di sini saya bukannya menegah para pembaca daripada berinteraksi secara serta merta terhadap sms. Akan tetapi yang ingin saya kongsikan adalah kita perlu bijak memberi prioriti kepada apa yang kita lakukan. Perkara yang patut didahulukan, dahulukanlah ia. Perkara yang patut ditangguhkan, tangguhkanlah ia.

Bagaimana kita berinteraksi dengan sms memberi gambaran tentang kemampuan kita mengurus masa dan memprioritikan usaha. Ingat! Muslim yang cemerlang bukanlah seseorang yang memiliki banyak masa, tetapi adalah seseorang yang bijak mengatur masanya mengikut prioriti.

Sms Bukan Piggy Bank.

Betulkah jika saya katakan, antara sebab ramai orang memilih sms sebagai medium komunikasi adalah untuk menjimatkan wang? Tetapi anehnya, apabila saya membaca laporan kewangan syarikat-syarikat komunikasi, antara punca pendapat mereka yang utama adalah daripada sms. Jadi benarkah kita selama ini berjimat dengan sms?

Sekali lagi di sini saya bukannya menegah para pembaca daripada ber-sms,

jauh sekali daripada bersikap kedekut dalam ber-sms. Akan tetapi yang ingin saya sarankan adalah kita sepatutnya berada di pertengahan antara bersikap boros dan kedekut: ***“Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”*** [Maksud ayat 67 surah al-Furqan]

Bagaimana kita berinteraksi dengan sms adalah cerminan tentang kemampuan kita mengurus belanjawan. Ini kerana Muslim yang cemerlang bukanlah seseorang yang memiliki harta banyak, tetapi adalah seseorang yang bijak mengurus nafsu dan hartanya.

Seterusnya saya ingin sarankan dua perkara menyangkut belanjawan sms. Pertama, kepada para pengguna *“pre-paid”*, jangan ber-sms sehingga sifar, sebaliknya tinggalkan sedikit baki untuk digunakan dalam suasana kecemasan atau penting. Pastikan baki ini tidak dicerobohi sehinggalah anda dapat *“top-up”* baki *“pre-paid”* anda. Ini sebagaimana belanjawan harian, kita tidak berbelanja semua RM yang ada melainkan menyimpan sebahagian untuk kegunaan kecemasan dan masa depan.

Kedua, cuba audit semula jumlah RM yang dibelanjakan untuk sms. Ini kerana dalam sebahagian kes, mungkin RM tersebut dapat dikurangkan jika penggunaanya beralih dari *“pre-paid”* kepada *“post-paid”* atau beralih dari menaip kepada bercakap. Sedarlah, apa yang zahirnya kelihatan murah kepada pengguna (kita), itulah yang sebenarnya mahal kepada pemberi (syarikat komunikasi).

Sms Bukan Zikrullah.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam an-Nasai dengan sanad yang dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani (*ash-Shahihah*, 315), Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: ***“Segala sesuatu tidak termasuk zikir kepada Allah Azza wa Jalla, maka ia adalah permainan dan kelalaian kecuali empat perkara: orang yang belajar memanah, meningkatkan kehandalan berkuda, bergurau dengan keluarga dan mengajar berenang.”***

Hadis ini mengajar bahawa umat Islam tidak mengenal perbuatan yang sia-sia. Apa jua yang kita lakukan hendaklah memiliki tujuan demi kebaikan agama dan umat kerana Allah s.w.t.. Sikap menjauhi perbuatan sia-sia akan membuka jalan bagi kita menempuh kedudukan sebagai umat yang berjaya, sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud: ***“Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya, dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia.”*** [al-Mukminun 23:1-3]

Di sini perlu kita fikirkan sama ada sms termasuk sesuatu yang zikrullah atau sia-sia. Jika ia adalah zikrullah, iaitu komunikasi demi kebaikan agama dan umat kerana Allah, maka teruskanlah. Akan tetapi jika ia adalah sia-sia, maka sudah tiba masanya untuk kita berfikir secara lebih matang lagi jauh ke hadapan.

Tiga etika di atas saya rasa perlu untuk dikongsi dengan para pembaca sekalian. Pada pengamatan saya, sebahagian umat Islam telah benar-benar kecanduan dengan sms. Kecanduan ini perlu dibetulkan dengan segera agar prioriti kita adalah kepada Allah, Rasulullah, Islam dan umat, bukan butang-butang di talifon bimbit.

Oh ya! Sms kedua daripada pemimpin Hizbollah di atas adalah dongeng juga, sekadar membangunkan minda yang lena. Jangan forward-kannya.

Sumber Hukum Islam⁴²

Bahagian A: Pengenalan

Kaitan “Hukum” Dengan “Islam”.

Islam bukan sekadar ibadah seperti sembahyang, puasa dan haji, akan tetapi ia adalah jalan hidup bagi manusia. Jalan hidup yang dimaksudkan antara lain menjamin kemaslahatan dan menjauhkan kemudaratannya bagi manusia. Tentu sahaja dua perkara ini (menjamin kemaslahatan dan menjauhkan kemudaratannya) juga disebut oleh agama lain dan para ahli fikir. Namun terdapat perbezaan yang besar antara cara Islam dan selainnya, iaitu Islam tidak sekadar “menyebut” tetapi memastikan ia dilaksanakan ke atas manusia. Pemastian inilah yang menyebabkan Islam memiliki hukum-hukum yang diterapkan ke atas manusia.

Sebagai contoh, agama lain dan para ahli fikir menyebut bahawa manusia yang memiliki kemampuan kewangan perlu membantu manusia lain yang tidak memiliki kemampuan seumpama. Islam juga menyebut hal yang sama dan memastikan ia benar-benar dilaksanakan. Ini dicapai melalui sistem zakat dimana:

1. Umat Islam yang memiliki harta yang cukup nisab (kadar minima tertentu) dan haul (genap setahun) wajib mengeluarkan zakat.
2. Pihak pemerintah wajib mendirikan institusi yang diamanahkan untuk menguruskan zakat. Di Malaysia, institusi ini dikenali sebagai “Pusat Zakat”.

⁴² Risalah ini merupakan nota kuliah yang saya sampaikan kepada para pelajar Islam dan bukan Islam dalam jurusan perbankan, kewangan dan ekonomi di Universiti Putra Malaysia, Serdang, pada 14 Januari 2006.

3. Pusat Zakat wajib menjalankan amanah mereka, iaitu memungut, menyimpan dan mengedarkan zakat.

Antara Pilihan Dan Paksaan.

Di sini mungkin timbul persoalan, bukankah agama sepatutnya bersifat pilihan manakala hukum pula bersifat paksaan? Justeru adakah Islam agama paksaan?

Dijelaskan bahawa ciri-ciri “menjamin kemaslahatan dan menjauhkan kemudaratan” yang ada pada Islam pada asalnya ada pada fitrah kebanyakan manusia. Namun tidak semua manusia melaksanakan fitrah tersebut dengan sempurna. Justeru manusia memerlukan hukum bagi memastikan fitrah “menjamin kemaslahatan dan menjauhkan kemudaratan” benar-benar diterapkan di kalangan manusia.

Sebagai contoh, kebanyakan manusia adalah pemandu yang berdisiplin. Namun ada segelintir pemandu yang menjauhi sifat tersebut. Maka untuk memastikan keselamatan semua pemandu, sama ada yang berdisiplin atau tidak, kita memerlukan undang-undang jalanraya. Tidak sekadar itu, kita juga memerlukan pasukan polis untuk memastikan undang-undang tersebut benar-benar diterapkan di atas jalanraya.

Demikianlah juga dengan hukum Islam. Disebabkan adanya sebahagian manusia yang suka mengakibatkan mudarat dan menjauhkan maslahat kepada diri mereka sendiri dan orang lain, maka hukum Islam perlu diterapkan ke atas manusia. Dari satu sudut yang sempit ia kelihatan satu paksaan, namun dari pelbagai sudut yang luas ia adalah kebaikan untuk semua.

Ciri-Ciri Hukum Islam.

Apabila dikaji hukum-hukum Islam, akan ditemui bahawa ia memiliki beberapa ciri yang istimewa, iaitu:

1. Hak asasi orang ramai diunggulkan di atas hak asasi individu. Yang dimaksudkan dengan “Hak asasi” ialah hak untuk memperoleh kemaslahatan dan menghindari kemudaratan.⁴³
2. Hak asasi untuk jangka masa panjang diunggulkan di atas hak asasi untuk jangka masa pendek.
3. Apabila usaha menghindari mudarat bertembung dengan usaha memperoleh maslahat, maka menghindari mudarat diunggulkan daripada memperoleh maslahat.
4. Pencegahan diunggulkan sebelum mudarat (cegah sebelum parah).
5. Semua yang ada di alam ini adalah halal dan harus untuk manusia melainkan wujud dalil yang menyatakan sebaliknya (makruh atau haram).

Untuk lebih memahami ciri-ciri di atas, marilah kita membicara hukum menghisap rokok. Memang pada asalnya semua benda, termasuk daun tembakau, adalah harus hukumnya. Namun apabila pakar-pakar perubatan menyatakan bahawa menghisap daun tembakau yang dibakar (baca: rokok) adalah mudarat bagi kesihatan, maka hukumnya menjadi haram (**Ciri # 5**). Dalil yang menyatakan ia haram adalah

⁴³ Dalam kitab-kitab *Ushul al-Fiqh*, istilah yang digunakan ialah memperoleh kemaslahatan dan menghindari kemudaratan. Akan tetapi memandangkan pada masa kini istilah “Hak Asasi Manusia” sangat masyhur digunakan, maka saya juga menggunakannya agar dapat mengaitkan istilah tersebut dengan ciri-ciri hukum Islam.

ayat al-Qur'an yang bermaksud: ***“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”***⁴⁴ dan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud: ***“Tidak boleh membuat mudarat dan tidak boleh memudaratkan.”***⁴⁵

Sekalipun orang yang menghisap rokok tidak menampakkan apa-apa kesan mudarat kepada kesihatannya, dia tetap dilarang merokok kerana pencegahan diunggulkan sebelum mudarat (**Ciri # 4**). Sekalipun orang yang menghisap rokok memberi alasan bahawa ia adalah baik kerana dapat memberikan kesegaran kepada tubuh badannya, ia tetap dilarang kerana masalahat tersebut (kesegaran daripada menghisap rokok) adalah amat kecil dan hanya untuk jangka masa pendek berbanding kemudaratkan kesihatan jangka masa panjang yang diakibatkan oleh menghisap rokok (**Ciri # 2 & 3**). Terakhir, orang tersebut mungkin memberi alasan bahawa itu adalah hak asasi dia untuk menghisap rokok. Alasan ini tidak boleh diterima kerana perbuatannya menghisap rokok merosakkan hak asasi orang lain seperti ahli keluarga dan orang di sekeliling sama ada dari sudut kesihatan (*secondary smokers*) mahupun kewangan (ekonomi keluarga) (**Ciri # 1**).

Bahagian B: Sumber Hukum Islam Yang Utama.

Dalam menetapkan hukum ke atas manusia, Islam mengambil hukum tersebut daripada yang Mencipta manusia dan bukannya manusia itu sendiri. Ini jauh berbeza

⁴⁴ Al-Baqarah 2:195.

⁴⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad, al-Daraquthni, Ibn Majah dan lain-lain, dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Irwa' al-Ghaleel* – hadis no: 896.

dengan hukum sivil kerana yang membuat hukum tersebut adalah manusia yang sudah tentu tidak terlepas daripada pelbagai kekurangan.

Sumber hukum Islam boleh dibahagi kepada dua. Pertama dan utama (*Primary*) ialah al-Qur'an dan al-Sunnah. Untuk memudahkan kefahaman, kedua-dua sumber hukum ini akan dikupas secara berasingan.

Pertama: Al-Qur'an.

Apakah al-Qur'an?

Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang kini berumur lebih 1400 tahun. Antara ciri-ciri al-Qur'an adalah:⁴⁶

- Ia terbahagi kepada 114 buah *surah* atau bab, namun bab-bab ini tidak ada yang merujuk kepada sebuah perbincangan yang khusus.
- Ciri-ciri perbincangan dalam al-Qur'an adalah ia sentiasa beragam supaya orang yang membaca al-Qur'an, tak kira pada mana-mana bab atau mukasurat, akan sentiasa menemui perbincangan yang baru dan pelbagai. Selain itu ia juga menjadi ujian kepada orang yang mengkajinya untuk menghubungkan

⁴⁶

Lebih lanjut rujuk:

1. *Pengantar Ilmu Tafsir* oleh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Diterjemah oleh Ummu Ismail dan diterbitkan oleh Darus Sunnah, Jakarta, 2004.
2. *Sejarah Dan Dasar Pengajian Ilmu al-Qur'an* oleh Muhammad Ali ash-Shabuni. Diterjemah oleh M. Junaid al Hashimi dan diterbitkan oleh al-Hidayah, K. Lumpur, 1996.
3. *Membahas Ilmu-Ilmu al-Qur'an* oleh Subhi ash-Shalih. Diterjemah dan diterbitkan oleh Pustaka al-Firdaus, Jakarta, 1999.

antara satu perbincangan ke perbincangan yang lain.

- Al-Qur'an diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada Muhammad (Rasulullah) *shallallahu 'alaihi wasallam* secara bertahap-tahap selama lebih kurang 22 tahun. Tujuan ia diturunkan secara bertahap-tahap adalah supaya umat Islam pada masa itu dapat mempelajari dan menghayatinya secara lebih berkesan.
- Sekalipun diturunkan secara bertahap-tahap, fasa penurunan al-Qur'an boleh dibahagikan kepada dua, iaitu fasa Mekah dan fasa Madinah:
 - ⇒ Fasa Mekah merujuk kepada ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan di Mekah, daripada ayat pertama ketika Muhammad dilantik menjadi Rasulullah (*Messenger of God*) sehinggalah baginda berpindah (hijrah) keluar dari Mekah. Ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan dalam fasa ini dikenali sebagai *Ayat Makkiyyah*.
 - ⇒ Fasa Madinah merujuk kepada ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan sejak Rasulullah bergerak dari Mekah menuju ke Madinah sehinggalah baginda wafat. Sekalipun dalam fasa ini baginda ada pergi ke Mekah, ia tetap dikenali sebagai fasa Madinah. Ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan dalam fasa ini dikenali sebagai *Ayat Madaniyyah*.
- Terdapat beberapa perbezaan antara *Ayat Makkiyyah* dan *Ayat Madaniyyah*. Antara perbezaan tersebut:
 - ⇒ Dari sudut susunan ayat di mana ayat-ayat *Makkiyyah* bersifat pendek-pendek manakala ayat-ayat *Madaniyyah* bersifat panjang-panjang.
 - ⇒ Dari sudut kandungan ayat, ayat-ayat *Makkiyyah* memberi tumpuan dalam

subjek tauhid, iaitu memperkenalkan Allah sebagai tuhan yang satu dan menyatakan kesalahan masyarakat yang menyembah pelbagai tuhan buatan mereka sendiri. Ayat-ayat *Madaniyyah* pula memberi tumpuan kepada bagaimana mempratikkan tauhid tersebut dalam kehidupan harian. Termasuk dalam ayat-ayat *Madaniyyah* ialah ayat-ayat berkenaan hukum dan ekonomi.

- Al-Qur'an memiliki sejarah pembukuannya yang tersendiri. Ia boleh diringkaskan kepada beberapa peringkat seperti berikut:
 1. Apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* wafat, al-Qur'an belum wujud dalam bentuk sebuah buku yang lengkap. Ia wujud dalam bentuk hafalan umat Islam. Sebahagian daripada mereka ada yang menulis al-Qur'an di atas kulit haiwan dan pelepah kurma sebagai catitan persendirian.
 2. Pada zaman pemerintahan Abu Bakar *radhiallahu 'anh* (semoga Allah meredhainya), timbul suasana di mana sebahagian daripada penghafal al-Qur'an gugur syahid di medan peperangan. Maka 'Umar al-Khaththab *radhiallahu 'anh* mencadangkan agar dihimpun semua penghafal al-Qur'an yang lain dan ditulis ayat-ayat al-Qur'an yang mereka hafal ke dalam sebuah kitab. Ini berlaku pada tahun 12 Hijrah, kira-kira 2 tahun selepas kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.
 3. Kitab al-Qur'an yang lengkap tersebut dipegang oleh 'Umar al-Khaththab. Selepas beliau meninggal dunia, ia dipegang oleh anak perempuannya yang bernama Hafsah.

4. Pada tahun 25 Hijrah, berlaku perselisihan tentang cara bacaan al-Qur'an di kalangan segelintir umat Islam. Bagi mengelakkan hal ini menjadi serius, pemerintah pada ketika itu, Utsman bin 'Affan *radhiallahu 'anh* mengeluarkan perintah agar semua catitan persendirian al-Qur'an dimusnahkan. Seterusnya beliau memerintahkan agar dibuat beberapa salinan daripada naskah lengkap yang ada pada simpanan Hafsa. Setiap salinan dihantar ke satu wilayah dan di sana beberapa salinan lagi dibuat untuk rujukan orang ramai.
5. Begitulah seterusnya al-Qur'an berkembang sehingga ke hari ini. Hanya salinan tangan telah digantikan dengan teknologi cetakan moden.
- Sejarah pembukuan al-Qur'an tidak mencemari ketulenannya kerana:⁴⁷
 - ⇒ Orang Arab ketika itu memang dikenali kemampuan mereka dalam menghafal sesuatu tanpa menulis. Antara faktor yang membina kemampuan ini adalah mereka tidak tahu membaca dan menulis. Maka hafalan mereka terjamin tulen sepenuhnya.
 - ⇒ Para sahabat, iaitu umat Islam sezaman dengan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, dapat dipercayai kejujuran mereka dalam menghafal,

⁴⁷

Lebih lanjut rujuk:

1. *Variant Readings of The Qur'an: A Critical Study of Their Historical and Linguistic Origins* oleh Ahmad 'Ali al-Imam. Diterbitkan oleh The International Institute of Islamic Thought, Virginia, 1998.
2. *The History of The Qur'anic Text From Revelation to Compilation: A Comparative Study With The Old And New Testaments* oleh Muhammad Mustafa al-'Azami. Diterbitkan oleh Islamic Academy, Leicester, U.K., 2003.

menulis dan menghimpun al-Qur'an. Ini kerana mereka adalah orang-orang yang telah mengorbankan jiwa, keluarga dan harta benda untuk membela Islam dan Rasulullah daripada ancaman musuh. Maka menghafal, menulis dan menghimpun al-Qur'an termasuk dalam pengorbanan tersebut.

- ⇒ Perselisihan yang timbul di kalangan segelintir umat Islam pada zaman pemerintahan Utsman bin 'Affan berpunca daripada perbezaan catitan peribadi para sahabat. Dalam mencatat al-Qur'an, ada sebahagian sahabat yang mencatat secara ringkas dan ada pula yang menambah nota tersendiri hasil daripada penjelasan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Catitan itu ada pula dalam bentuk berpisah-pisah. Catitan-catitan persendirian ini tiada tandingannya berbanding naskah lengkap al-Qur'an yang merupakan usaha sama majoriti sahabat pada zaman Abu Bakar.
- ⇒ Jika hafalan orang Arab, khususnya para sahabat, telah memelihara ketulenan al-Qur'an pada zaman awalnya, ketulenan al-Qur'an pada zaman terkemudian tetap terpelihara dengan adanya para penghafal al-Qur'an di pelbagai pelusuk dunia Islam. Mereka dapat mengenal apa-apa penukaran dalam ayat-ayat al-Qur'an, termasuklah yang disebabkan oleh kesilapan mesin cetak masa kini.

Al-Qur'an Sebagai Sumber Hukum.

Al-Qur'an memiliki banyak peranan untuk manusia seperti sumber panduan hidup, penjas tujuan hidup, mengisi jiwa yang kosong dan termasuklah

menerangkan apa yang memberi maslahat serta mengelak mudarat bagi manusia.⁴⁸ Yang terakhir inilah disebut sebagai hukum. Hukum itu sendiri terbahagi kepada beberapa jenis, antaranya:

- Hukum ibadah seperti kewajipan berpuasa: ***“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”***⁴⁹
- Hukum *Siyasah* atau politik: ***“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”***⁵⁰
- Hukum jenayah: ***“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”***⁵¹
- Hukum kekeluargaan: ***“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak***

⁴⁸ Lebih lanjut berkenaan peranan al-Qur'an bagi manusia, rujuk buku saya *Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005.

⁴⁹ Al-Baqarah 2:183.

⁵⁰ Al-Hajj 22:41.

⁵¹ Al-Maidah 5:38.

*menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.*⁵²

- Hukum hubungan sesama manusia dan alam: *Katakanlah: “Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar.....”*⁵³
- Hukum ekonomi, seperti larangan daripada mengamalkan sistem kapitalis: *“Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.”*⁵⁴

Apabila menjadikan al-Qur'an sebagai sumber hukum, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhatikan:

1. Kebanyakan hukum yang terkandung dalam al-Qur'an bersifat umum. Hal ini

⁵² Al-Baqarah 2:233

⁵³ al-A'raaf 7:33.

⁵⁴ al-Hasyr 57:07.

Lebih lanjut tentang perbezaan antara sistem ekonomi Islam dan Kapitalis serta Sosialis, rujuk risalah Shabnam Mokhtar & Siti Manisah Ngalm: *Penyelesaian Rabbani Bagi Masalah Ekonomi dalam Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 3)* yang diterbitkan oleh Jahabersa, Johor Bahru, 2005.

disengajakan supaya hukum tersebut sentiasa dapat dikaitkan dengan perbezaan masa dan tempat. Sebagai contoh ayat: “...*supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu*”, perkataan harta bersifat umum tanpa terhad kepada emas dan perak sahaja. Oleh itu apa sahaja harta, seperti wang ringgit, saham, projek hartanah dan lain-lain, termasuk dalam hukum ayat tersebut.

2. Ayat-ayat di dalam al-Qur'an terbahagi kepada dua bentuk:

- **Pertama** disebut sebagai *Ayat Muhkamat* dan ia adalah ayat-ayat yang mengandungi petunjuk hukum yang jelas di dalamnya. *Ayat Muhkamat* membentuk dasar kepada hukum-hukum di dalam al-Qur'an.
- **Kedua** disebut sebagai *Ayat Mutasyabihat* dan ia adalah ayat-ayat yang mengandungi petunjuk hukum yang samar-samar sehingga memungkinkan penafsiran hukum yang pelbagai daripadanya.

Maka kaedah mengeluarkan hukum antara kedua-dua bentuk ayat di atas adalah, *Ayat Mutasyabihat* ditafsir berdasarkan *Ayat Muhkamat*.

Kedua: Al-Sunnah.

Apakah al-Sunnah?

- Al-Sunnah bermaksud segala perkataan, perbuatan, persetujuan dan sifat-sifat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* seperti sifat akhlak dan fizikal baginda.
- Al-Sunnah diriwayatkan oleh para sahabat berdasarkan pendengaran dan

pemerhatian mereka. Apa yang diriwayatkan oleh para sahabat, ia dinamakan sebagai “Hadis”. Ringkasnya “Hadis” menceritakan “al-Sunnah”. Walaubagaimanapun terdapat sebahagian tokoh yang tidak membezakan antara “Hadis” dan “al-Sunnah”.

- Periwaiwatan tersebut bermula sejak Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* diutus menjadi Rasulullah sehinggalah baginda meninggal dunia. Oleh itu jumlah masa periwaiwatan tersebut adalah 22 tahun sepertimana al-Qur'an. Ada sebahagian ilnuan yang berpendapat periwaiwatan al-Sunnah bermula daripada saat baginda dilahirkan.
- Adapun sejarah penulisan hadis, ia boleh diringkaskan kepada beberapa peringkat yang utama seperti berikut:⁵⁵
 1. Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, tidak ada penulisan secara formal. Kebanyakan sahabat menghafal hadis manakala sebahagian yang lain menulisnya sebagai catitan peribadi. Terdapat sebuah riwayat daripada Rasulullah yang melarang penulisan hadis, akan tetapi larangan yang dimaksudkan adalah apabila hadis ditulis di atas lembaran yang sama

⁵⁵ Lebih lanjut, rujuk:

1. *Sahifah Hamman ibn Munabbih* oleh Muhammad Hamidullah. Diterbitkan oleh Apex Books, England, 1979.
2. *Hadith Literature: It's Origin, Development & Special Features* oleh Muhammad Zubayr Siddiqi. Diterbitkan oleh The Islamic Text Society, England, 1993.
3. *Hadis Nabawi dan Sejarah Kodifikasinya (Dirasat fi al-Hadith al-Nabawi wa Tarikh Tadwinih)* oleh Muhammad Mustafa Azami. Diterjemah oleh Ali Mustafa Yaqub dan diterbitkan oleh Pustaka Firdaus, Jakarta, 1994.

dengan al-Qur'an.

2. Selepas kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, lahir beberapa aliran yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang asal. Aliran-aliran ini ada yang sanggup membuat hadis tersendiri bagi membela aliran mereka. Suasana ini menyebabkan para tokoh umat Islam mula memberi perhatian kepada sumber sesebuah hadis, sama ada ia berbentuk hafalan atau catitan peribadi. Sumber hadis dapat dipastikan dengan menyemak siapakah orang yang meriwayatkan hadis dan daripada siapa dia meriwayatkan hadis tersebut. Rantaian periwayat-periwayat hadis ini dikenali sebagai sistem "Sanad".
3. Pada zaman pemerintahan 'Umar bin 'Abdul Aziz (101H), beliau merasakan perlu diusahakan pembukuan hadis selari dengan perkembangan ilmu yang pesat ketika itu. Maka sejak itu para tokoh yang mahir dalam bidang hadis mula memberi tumpuan kepada membukukan hadis secara formal.
4. Seterusnya, ilmu pembukuan hadis juga berkembang dengan pesat. Para tokoh hadis membukukan hadis secara formal dengan nama dan susunan yang tertentu seperti:
 - ⇒ **Al-Sahih**, yang menghimpun hadis-hadis yang sahih sahaja. Dua contoh yang masyhur ialah *Sahih al-Bukhari* oleh Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari (256H) dan *Sahih Muslim* oleh Imam Muslim bin Hajjaj al-Naisaburi (261H).
 - ⇒ **Al-Sunan** yang menghimpun hadis-hadis berdasarkan susunan bab

hukum-hukum fiqh seperti Kebersihan (*Thaharah*), Sembahyang, Puasa, Zakat, Haji dan sebagainya. Antara yang masyhur ialah *Sunan Abu Daud* oleh Imam Abu Daud Sulaiman al-‘Asy (275H), *Sunan Ibn Majah* oleh Imam Muhammad bin Yazid bin Majah (275H), *Sunan al-Tirmizi* oleh Imam Muhammad bin Isa al-Tirmizi (279H) dan *Sunan al-Nasa’i* oleh Imam Ahmad bin Shuaib al-Nasai (303H).

- ⇒ **Al-Musnad** yang menghimpunkan hadis-hadis berdasarkan nama sahabat yang meriwayatkannya. Nama-nama sahabat pula disusun mengikut tertib keutamaan mereka. Contoh yang terkenal ialah *Musnad Ahmad* oleh Imam Ahmad bin Hanbal al-Shaibani (241H).
- ⇒ **Al-Mu’jam** juga menghimpunkan hadis-hadis berdasarkan nama sahabat yang meriwayatkannya. Akan tetapi nama-nama sahabat tersebut disusun mengikut tertib abjad seperti sebuah kamus. Antara yang masyhur ialah *al-Mu’jam al-Kabir* oleh Imam Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub al-Thabarani (360H).
- ⇒ **Al-Musannaf** yang menghimpunkan juga pendapat sahabat dan tabiin selain daripada hadis-hadis Rasulullah. Dua contoh yang terkenal ialah *Musannaf ‘Abdul Razzaq* oleh Imam Abdurrazzaq bin Hammam as-Sa’nani (211H) dan *Musannaf Ibn Abi Syaibah* oleh Imam Abdullah bin Ahmad bin Abi Syaibah (235H).

Al-Sunnah Sebagai Sumber Hukum.

Sebagai salah sebuah sumber hukum Islam, al-Sunnah juga memiliki beberapa

ciri yang tersendiri, antaranya:⁵⁶

- Setiap hadis memiliki dua unsur utama: “Sanad” dan “Matan”. Sanad adalah rantai para periwayat hadis manakala matan adalah teks hadis itu sendiri. Berikut dikemukakan hadis pertama daripada kitab *Sahih al-Bukhari* bagi membezakan antara sanad dan matan:

حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا
يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْأَنْصَارِيُّ قَالَ أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ التَّيْمِيُّ أَنَّهُ
سَمِعَ عَلْقَمَةَ بْنَ وَقَّاصٍ اللَّيْثِيَّ يَقُولُ سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ
اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الْمِنْبَرِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى
دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

⇒ *Sanad* adalah:

⁵⁶

Lebih lanjut rujuk:

1. *Bagaimana Berinteraksi dengan al-Sunnah (Kaifa Nata 'amalu ma'a 'I-Sunnah al-Nabawiyah)* oleh Yusuf al-Qaradhawi. Diterjemah oleh Huda Mohsin & Jawiah Dakir dan diterbitkan oleh ABIM, Kuala Lumpur, 1994.
2. *As-Sunnah sebagai sumber Iptek dan Peradaban (As-Sunnah Mashdaran li al-Ma'rifah wa al-Hadharah)* oleh Yusuf al-Qaradhawi. Diterjemah oleh Setiawan Budi Utomo dan diterbitkan oleh Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 1998.
3. *The Authority and Importance of The Sunnah* oleh Jamaal al-Din M. Zarabozo. Diterbitkan oleh Al-Basheer Publications, Denver, 2000.

حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْأَنْصَارِيُّ قَالَ أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ التَّيْمِيُّ أَنَّهُ سَمِعَ عَلْقَمَةَ بْنَ وَقَّاصٍ اللَّيْثِيَّ يَقُولُ سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الْمِنْبَرِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:

Diceritakan kepada kami oleh al-Humaidi ‘Abdullah bin az-Zubair, (dia) berkata, diceritakan kepada kami oleh Sufyan, (dia) berkata, diceritakan kepada kami oleh Yahya bin Sa’id al-Anshari, (dia) berkata, dikhabarkan kepadaku oleh Muhammad bin Ibrahim at-Taimi bahawa dia mendengar ‘Alqamah bin Waqqash al-Laithi dia berkata, aku mendengar ‘Umar bin al-Khattab *radhiallahu ‘anh* di atas mimbar berkata, aku mendengar Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

⇒ *Matan* adalah:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

“Sesungguhnya setiap amal tidak lain adalah berdasarkan niat dan sesungguhnya bagi setiap amal manusia tidak lain adalah pahala bagi apa yang diniatkannya. Maka barangsiapa (niat) hijrahnya kerana dunia yang hendak diperolehnya atau kerana perempuan yang hendak dikahwininya, maka hijrahnya adalah untuk apa yang dia hijrahkannya.”

- Sebelum mengeluarkan hukum daripada matan hadis, hendaklah disemak bahawa ia memiliki sanad yang *sahih* atau *hasan*. Sesebuah sanad dinilai sahih apabila:
 1. Para periwayat yang membentuk rantai sanad tersebut benar-benar telah berhubung antara satu sama lain.
 2. Para periwayat itu sendiri memiliki ciri *Adalah*, iaitu seorang muslim yang

tulen agamanya, meninggalkan dosa-dosa besar serta perkara-perkara yang samar-samar atau yang mencemari maruahnya.

3. Para periwayat tersebut memiliki ciri *Dhabit*, iaitu kemampuan menyampaikan hadis, sama ada daripada hafalannya atau catitannya, secara jelas dan tepat.
4. Para periwayat tersebut bebas daripada sebarang *Illat*, iaitu apa-apa kekurangan tersembunyi yang boleh mencemari riwayat yang disampaikan.
5. Riwayat yang disampaikan tidak *Syadz*, iaitu tidak aneh atau bertentangan dengan ayat al-Qur'an atau hadis sahih yang lain.

Sesebuah sanad dinilai hasan apabila sifat *Dhabit* seseorang periwayat adalah sedikit rendah daripada kebiasaan.

- Dengan cara penilaian yang mendalam seperti ini, sesebuah hadis dapat dijamin ketulenannya sehingga dapat dijadikan sumber hukum yang sah. Sistem sanad memainkan peranan yang amat penting sehinggakan faktor “penulisan hadis secara formal 100 tahun selepas kewafatan Rasulullah” tidak memiliki apa-apa pengaruh terhadap ketulenannya.
- Oleh kerana hadis merupakan segala-gala yang diriwayatkan tentang sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka sunnah tersebut dibahagikan kepada dua kategori:
 1. *Sunnah Tasyri'*, iaitu sunnah yang dijadikan sumber hukum. Ia seterusnya terbahagi kepada beberapa jenis seperti hukum ibadah, hukum *siyasah*, hukum jenayah dan sebagainya. Jenis-jenis ini adalah sama seperti hukum-

hukum daripada al-Qur'an yang telah disebut sebelum ini.

2. *Sunnah Ghairu Tasyri'*, iaitu sunnah yang tidak dijadikan sumber hukum. Ini merujuk kepada tindak tanduk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai seorang manusia biasa. Maka cara baginda menyikat rambut, makanan kegemaran baginda dan unta atau kuda yang baginda tunggangi tidak menjadi sumber hukum Islam.

- Pada masa kini terdapat segelintir orang yang menolak sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai sumber hukum Islam. Mereka mendakwa bahawa sumber hukum Islam hanyalah al-Qur'an. Dakwaan ini adalah salah kerana menjadikan sunnah Rasulullah sebagai sumber hukum Islam adalah berdasarkan perintah Allah di dalam al-Qur'an, seperti ayat berikut yang bermaksud: ***"Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya, jika betul kamu orang-orang yang beriman."***⁵⁷ Lebih dari itu mentaati hukum-hukum daripada Rasulullah bererti mentaati Allah jua sebagaimana ayat berikut yang bermaksud: ***"Sesiapa yang taat kepada Rasul, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah."***⁵⁸

Demikian ciri-ciri dua sumber hukum yang utama (*primary*) bagi Islam. Sekali lagi ditegaskan, sekalipun perbincangan mengenai kedua-duanya dipisahkan, pemisahan tersebut hanyalah bagi memudahkan para pembaca sekalian mengenali

⁵⁷ al-Anfal 8:01.

⁵⁸ Al-Nisa' 4:80. Orang-orang yang menolak sunnah atau hadis Rasulullah sebagai sumber hukum memiliki hujah-hujah yang tersendiri. Namun hujah-hujah tersebut adalah lemah atau tersasar. Sila rujuk buku saya *20 Hujah Golongan Anti Hadis Dan Jawapannya* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2000.

setiap satu daripadanya dengan lebih jelas. Adapun peranannya sebagai sumber hukum, maka kedua-duanya adalah satu. Ia saling melengkapi dan saling menjelaskan antara satu sama lain, seperti saling mengkhususkan yang apa umum, membataskan yang apa mutlak dan memperincikan yang apa samar-samar.

Bahagian C: Sumber Hukum Islam Yang Lain.

Selain daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, Islam juga memiliki beberapa sumber hukum yang lain. Sumber ini berperanan memberikan hukum bagi sesuatu peristiwa yang baru timbul selari dengan perkembangan zaman, tempat dan peradaban. Sumber-sumber hukum ini diasaskan daripada al-Qur'an dan al-Sunnah jua. Dua daripadanya yang paling masyhur adalah Ijma' dan Qiyas.

Pertama: Ijma'

Apakah Ijma'?

Ijma' adalah persepakatan para mujtahid kaum Muslimin dalam satu masa sepeninggalan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* terhadap satu hukum mengenai satu peristiwa.⁵⁹ Selanjutnya:

- Yang dimaksudkan dengan “Para mujtahid” adalah para ilmuan yang telah menguasai ilmu-ilmu tertentu sehingga mampu mengeluarkan sesuatu hukum.
- Yang dimaksudkan dengan “sepeninggalan Rasulullah” ialah selepas

⁵⁹ *Dasar-Dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami* oleh Mukhtar Yahya dan Fatchurrahman (PT. Al-Ma'arif, Bandung, 1993), ms. 58.

kewafatan baginda. Adapun pada zaman baginda masih hidup, hukum bagi sesuatu peristiwa baru boleh dirujuk terus kepada baginda.

Ijma' Sebagai Sumber Hukum.

Sekalipun ijma' adalah persepakatan para mujtahid, apa yang mereka sepakati merupakan rincian daripada satu dasar yang telah sedia wujud dalam al-Qur'an dan/atau al-Sunnah. Contoh sebuah ijma' adalah larangan bagi orang yang menyewa satu barang kemudian dia menyewakan barang tersebut kepada orang lain dengan kadar sewaan yang lebih tinggi. Larangan ini merupakan pendapat seorang sahabat yang bernama 'Abdullah ibn 'Umar *radhiallahu 'anhuma* dan para sahabat yang lain tidak menentanginya, menunjukkan wujudnya ijma di atas pendapat tersebut.⁶⁰

Ijma' ini adalah perincian yang dibina di atas dasar ayat al-Qur'an yang bermaksud: ***"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu."***⁶¹

Persoalan yang lazim dibincangkan tentang ijma' sebagai salah satu sumber hukum Islam adalah kemungkinan untuk bertemunya para mujtahid kaum muslimin untuk membincangkan sesuatu peristiwa baru. Ini kerana dunia Islam yang luas menyukarkan para mujtahid tersebut untuk saling bertemu antara satu sama lain.

Walaupun bagaimanapun pada masa kini ia tidak lagi menjadi satu kesukaran

⁶⁰ Ibn Hazm – *al-Muhalla*, permasalahan no: 1314 sebagaimana disebut oleh Sa'di Abu Habieb dalam *Ensiklopedi Ijma' (Mausu'ah al-Ijma'*, diterjemahkan oleh Sahal Machfudz & Mustofa Bisri; Pustaka Firdaus, Jakarta, 1997), ms. 763.

⁶¹ Al-Nisa' 4:29.

kerana kemudahan pengangkutan zaman moden membolehkan para mujtahid untuk berhimpun pada satu tempat dan saling bertemu. Teknologi moden juga membolehkan para mujtahid saling bertemu tanpa meninggalkan tempat masing-masing, iaitu melalui *Video Conference*. Kemudahan-kemudahan seperti ini memungkinkan mereka saling bertemu, berbincang dan mencapai kesepakatan dalam sesuatu peristiwa baru.

Kedua: Qiyas

Apakah Qiyas?

Qiyas adalah mempersamakan hukum satu peristiwa yang tidak ada nas dengan hukum satu peristiwa yang sudah ada nasnya lantaran adanya persamaan *illat* antara kedua-dua peristiwa itu.⁶² Selanjutnya:

- Yang dimaksudkan dengan “nas” adalah al-Qur’an dan/atau al-Sunnah.
- Yang dimaksudkan dengan “*illat*” adalah sebab yang terkandung di sebalik sesuatu hukum yang sedia ada di dalam al-Qur’an dan/atau al-Sunnah.

Qiyas Sebagai Sumber Hukum.

Sepertimana *ijma’*, qiyas juga berperanan untuk mengeluarkan hukum bagi sesuatu persoalan baru di kalangan umat Islam. Syarat utama bagi qiyas adalah wujudnya persamaan *illat* antara hukum asal dan hukum baru.⁶³

⁶² *Dasar-Dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami*, ms. 66.

⁶³ Dalam kitab-kitab *Ushul al-Fiqh*, ia disebut sebagai *Far’u*. Namun untuk memudahkan kefahaman para pembaca, saya menggunakan istilah “Hukum Baru”.

Satu contoh hukum yang dikeluarkan berdasarkan qiyas adalah berkenaan urusanniaga pada waktu sembahyang Jumaat:

- **Hukum Asal** adalah jual-beli dilarang pada waktu sembahyang Jumaat, bermula daripada saat dilaungkan azan. Nasnya adalah ayat berikut yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli.”*⁶⁴
- **Illat** atau **sebab** tegahan daripada melakukan urusan jual-beli adalah kerana ia boleh menyebabkan orang lalai daripada pergi mengerjakan sembahyang Jumaat atau tidak memberi tumpuan ketika mendengar khutbah Jumaat dan ketika mendirikan sembahyang Jumaat.
- **Persoalan Baru** atau **Hukum Baru** adalah urusanniaga dalam pelbagai bentuk yang wujud pada masa kini turut ditegah seperti jual-beli saham, menandatangani kontrak, mengiklankan barangan dan *direct selling*. Ini kerana semua urusan-urusan tersebut juga menyebabkan orang lalai daripada pergi mengerjakan sembahyang Jumaat atau tidak memberi tumpuan ketika mendengar khutbah Jumaat dan ketika mendirikan sembahyang Jumaat.

Terdapat dua syarat tambahan yang perlu juga diperhatikan ketika menggunakan kaedah qiyas:

1. Qiyas tidak boleh digunakan untuk membuat ibadah yang baru. Ini kerana tidak boleh ada ibadah yang boleh menjadi “persoalan baru” dalam Islam.

⁶⁴

Al-Jumu‘ah 62:09.

Pengecualian adalah dalam faktor yang menghalang kesempurnaan ibadah, dimana qiyas boleh digunakan kerana penghalang tersebut boleh wujud dalam bentuk “persoalan baru” selari dengan peredaran zaman dan tempat. Contoh, hukum solat di atas kenderaan moden boleh diqiyaskan kepada hukum solat di atas unta kerana ia tidak melibatkan ibadah yang baru, cuma faktor penghalang yang baru. Kedua-duanya memiliki *‘illat* yang sama, iaitu kemudahan bagi sesiapa yang menghadapi kesukaran untuk melaksanakan solat secara berdiri.

2. Qiyas tidak boleh digunakan untuk memberi hukum kepada persoalan yang sudah sedia wujud pada zaman Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*. Qiyas hanya digunakan untuk “persoalan baru”, iaitu isu-isu yang wujud selepas terhentinya wahyu al-Qur’an dan wafatnya Rasulullah. Oleh itu tidak boleh mengqiyaskan hukum anjing dengan hukum khinzir kerana anjing sudah sedia wujud pada zaman Rasulullah dan baginda tidak menyatakan daging anjing adalah najis sebagaimana daging khinzir.

Kata Penutup.

Apabila berbincang berkenaan Sumber Hukum Islam, perkara penting yang perlu disedari adalah ia merupakan sesuatu yang perlu dipraktikkan. Jika ia dibiarkan sekadar perbincangan teori, maka matlamat hukum Islam sebagai penjamin hak asasi manusia tidak akan tercapai.

Dengan itu diharapkan agar apa yang telah disentuh dalam penulisan yang serba ringkas ini dapat diterjemahkan kepada sesuatu yang dipraktikkan dalam kehidupan harian. Tentu sahaja masih banyak ilmu yang perlu didalami tentang hukum Islam. Pentingnya, usaha tersebut hendaklah dilakukan dengan tujuan ingin

mempraktikkannya dalam kehidupan harian.

Di Sebalik Ancaman Islam Liberal

Sejak aliran pemikiran Islam Liberal dibongkarkan di Malaysia pada pertengahan tahun 2004, umat Islam mula memberi perhatian yang serius kepadanya. Ini adalah petanda yang baik, membuktikan bahawa kita memang prihatin kepada unsur-unsur yang mencemari dan menodai ketulenan Islam. Akan tetapi di sebalik keprihatinan tersebut, saya memerhatikan terdapat beberapa perkembangan yang kurang sihat yang perlu diluruskan. Di sebalik ancaman Islam Liberal, muncul ancaman-ancaman baru yang jika tidak ditangani dari awal, akan menjadi satu ancaman baru yang setaraf, bahkan mungkin lebih hebat, dari ancaman Islam Liberal itu sendiri.

Jangan Mudah Melabel Islam Liberal.

Satu ciri yang tidak asing sesama umat Islam adalah sikap “ringan mulut” dan “murah hati” dalam menuduh dan melabel sesama kita. Label: “Si anu Ikhwan (Ikhwan al-Muslimin)”, “si fulan Wahabi”, “mereka tareqat”, “dia tu dulu orang Arqam” dan pelbagai lagi adalah satu kebiasaan. Bahkan ia menjadi satu kelaziman bagi orang yang kononnya “lebih sikit” agamanya. Ya! Semakin beragama seseorang itu, semakin dia merasa dirinya layak untuk melabel sesama umat Islam.

Dengan terbongkarnya aliran “Islam Liberal”, golongan yang suka melabel mendapat satu lagi peluru berpandu yang dapat dilancarkan kepada sesama umat Islam. Apa sahaja yang kelihatan terbuka pada ukurannya, itulah Islam Liberal. Padahal ukuran terbuka dan tertutup itu sendiri amat relatif, bergantung kepada kadar

ilmu dan kesahihan ilmu tersebut dalam diri masing-masing.

Saya kerap mendengar tuduhan Islam Liberal dilancarkan ke sana sini, termasuk kepada diri saya sendiri. Apabila saya bertanya: “Apa tu Islam Liberal?” Mereka menjawab dengan agak terperanjat: “Ehh! Takkan kamu tak tahu!” Saya membalas: “Istilah Islam Liberal biasa saya dengar, tetapi apa dan bagaimana Islam Liberal, itulah yang saya ingin tahu.” Di sini mereka lazimnya terdiam beberapa saat, kemudian menjawab: “Yalah! Saya pun dengar-dengar sahaja orang sebut Islam Liberal. Apa dan bagaimana saya pun tak berapa pasti. Kamu tahu ke?”

Jawapan di atas tidak terhad kepada label Islam Liberal. Cuba tanya kepada orang-orang yang lazim melabel sesama umat Islam sebagai Ikhwan al-Muslimin, Haraki, Wahabi, Tabligh, Tareqat, pasti mereka tidak akan mampu memberi jawapan yang terperinci berkenaan apa dan bagaimana ciri-ciri yang ada di sebalik label tersebut.

Di sini saya bukan ingin membenarkan aliran Islam Liberal atau menegah para pembaca daripada bersikap prihatin kepada Islam Liberal. Yang ingin saya betulkan adalah sikap mudah melabel seseorang dengan Islam Liberal mahupun dengan apa-apa label yang lain. Sikap melabel sesama muslim dengan tujuan memburuk-burukkan mereka tanpa bukti atau hujah adalah sikap yang dilarang oleh Islam. Allah s.w.t. berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرُ قَوْمٌ مِنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِنْ نِسَاءٍ عَسَىٰ أَنْ يَكُنَّ خَيْرًا مِنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum

lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) mungkin puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) mungkin puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka;

Dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah dia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim. [al-Hujurat 49:11]

Justeru jangan mudah melabel sesama umat Islam melainkan kita sendiri mengetahui secara pasti apa yang dimaksudkan oleh label tersebut. Pengetahuan tersebut hendaklah berdasarkan dalil dan hujah, bukan sangkaan dan prejudis. Jangan melabel semata-mata kerana pendapat atau amalan seseorang itu berbeza dengan apa yang kita tahu dan amalkan. Kerana mungkin sahaja, yang dilabel itu lebih baik dan lebih benar dari diri kita sendiri. [Lebih lanjut tentang sebab kelahiran, apa dan bagaimana Islam Liberal, sila rujuk artikel saya *Membongkar Aliran Islam Liberal* dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah, Buku 1* (Jahabersa, Johor Bahru, 2004)].

Selain itu perlu dipertimbangkan sama ada sikap melabel itu bermanfaat atau tidak. Jika seseorang itu benar-benar salah berdasarkan ukuran dalil dan hujah, maka prioriti yang pertama bukan melabelnya secara negatif, tetapi mengajaknya untuk

berdialog atas tujuan saling menasihati dan menegur. Ingat! Kewajiban kita ialah saling berpesan kepada kebenaran dan kesabaran, bukan melabel kepada kefasikan dan kerosakan:

وَالْعَصْرِ (1) إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ (2) إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ (3).

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. [al-Asr 103: 1-3]

Jangan Kerana Islam Liberal, Kita Menjadi Islam Mega Literal.

Lawan kepada Islam Liberal adalah Islam Literal. Iaitu Islam yang dihayati secara jumud, beku, sempit, memberatkan, menakutkan dan membelenggu. Di sini ingin saya tarik perhatian para pembaca kepada dua perkara penting:

Pertama, antara sebab lahirnya Islam Liberal ialah sebagai satu tindakbalas meronta keluar daripada Islam yang biasa diajar kepada kita sejak kecil, iaitu Islam yang serba jumud, beku, sempit, kejam, memberatkan, menakutkan dan membelenggu. Oleh itu dalam keprihatinan kita kepada aliran Islam Liberal masa kini, kita juga perlu prihatin kepada sebab yang menghantar kepada lahirnya aliran tersebut, iaitu Islam Literal. Dalam susun kata yang lain, dalam rangka kita membetulkan aliran Islam Liberal, kita juga hendaklah membetulkan aliran Islam Literal.

Kedua, setiap kali muncul pemikiran yang ekstrim ke satu sudut, akan muncul

tindakbalas yang melahirkan pemikiran yang ekstrim ke sudut lain yang menentanginya. Demikian juga dalam kes aliran Islam Liberal, ia adalah satu pemikiran ekstrim yang menelanjangkan Islam. Namun dibimbangi akan muncul pula tindakbalas pemikiran ekstrim lain yang akan membungkus Islam sebagaimana konkrit membungkus besi dalam projek-projek pembinaan. Pemikiran ini akan bersifat lebih literal (baca: Mega Literal) daripada Islam Literal yang pada asalnya mengarah kepada kelahiran Islam Liberal.

Berdasarkan dua poin di atas, hendaklah kita meletakkan diri di pertengahan antara Islam Liberal dan Islam Literal. Mudah cerita, hendaklah kita berpegang kepada Islam yang tulen: Islam Original. Iaitu Islam yang serba mudah, lapang, toleran, dinamik, indah, penyayang, pemaaf, dan menggembirakan. Tentu sahaja semua ini memerlukan ilmu yang sahih dan pemikiran yang cemerlang, yang tidak dicemari dengan unsur liberal mahupun literal.

Haiwan Di Dalam Islam

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan laporan akhbar berkenaan seekor harimau yang dipotong-potong badannya kepada beberapa bahagian dan disimpan di dalam peti sejuk. Selain itu terdapat juga laporan berkenaan seekor anjing dan kucing peliharaan yang tidak dijaga oleh tuan masing-masing sehingga kedua-dua makhluk Allah tersebut diserangi dengan penyakit yang parah.

Apabila menyentuh tentang hal ehwal kebajikan haiwan, nampak seolah-olah hanya golongan bukan Islam yang memberi tumpuan kepadanya. Tumpuan umat Islam amat minimum, malah mungkin mendekati nilai sifar. Sebenarnya ajaran Islam tetap memberi tumpuan kepada hal ehwal kebajikan haiwan. Mereka semuanya adalah makhluk Allah sepertimana firman-Nya:

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرْوْنَهَا وَأَلْقَى فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ.

Dia (Allah) menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya; dan Dia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya bumi itu tidak menghayun-hayunkan kamu; dan Dia biakkan padanya pelbagai jenis binatang. Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat.
[Luqman 31:10]

Terdapat beberapa hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang memberi perhatian khusus kepada hal ehwal kebajikan haiwan. Hadis-hadis tersebut

menjanjikan ganjaran yang besar kepada sesiapa yang menjaga kebajikan haiwan dan ancaman yang berat bagi sesiapa yang meremehkannya. Antaranya ialah apa yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radhiallahu 'anh* bahawa baginda bersabda:

بَيْنَمَا كَلْبٌ يُطِيفُ بِرَكِيَّةٍ كَادَ يَقْتُلُهُ الْعَطَشُ إِذْ رَأَاهُ بَغِيٌّ مِنْ بَغَايَا بَنِي إِسْرَائِيلَ فَنَزَعَتْ مَوْقَهَا فَسَقَتْهُ فُغْفِرَ لَهَا بِهِ.

Ketika seekor anjing berpusing mengelilingi sebuah perigi dan hampir mati kerana dahaga, seorang pelacur daripada suku Bani Israil melihatnya. Lalu dia menanggalkan kasutnya dan memberi anjing tersebut minum dengannya. Maka Allah mengampunkan dia kerana perbuatannya itu. [Shahih al-Bukhari – no: 3467]

Pada satu ketika Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melintasi seekor unta yang kelihatan kempis perutnya kerana kelaparan. Lalu baginda bersabda:

اتَّقُوا اللَّهَ فِي هَذِهِ الْبَهَائِمِ الْمُعْجَمَةِ فَارْكَبُوهَا صَالِحَةً وَكُلُّوهَا صَالِحَةً.

Bertaqwalah kepada Allah terhadap haiwan-haiwan yang bisu ini. Tunggangilah ia dengan baik dan berilah ia makan dengan baik. [Dikeluarkan oleh Abu Daud dan disahihkan oleh al-Albani dalam Silsilah al-Ahadits al-Shahihah – no: 23]

Dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memberi amaran:

دَخَلَتْ امْرَأَةٌ النَّارَ فِي هَرَّةٍ رَبَطَتْهَا فَلَمْ تُطْعَمْهَا وَلَمْ تَدْعَهَا تَأْكُلْ مِنْ خَشَاشِ الْأَرْضِ.

Seorang wanita memasuki neraka disebabkan seekor kucing yang diikatnya. Dia tidak memberinya makan mahupun membebaskannya untuk makan serangga

di tanah. [Shahih al-Bukhari – no: 3318]

Menjaga kebajikan haiwan tidak sekadar pada masa hidup mereka, tetapi juga pada saat kita akan menyembelih mereka. Sudah menjadi salah satu daripada adab menyembelih untuk menggunakan pisau yang tajam agar haiwan tersebut dapat melaluinya dengan mudah. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ. فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ وَلْيُجِدْ أَعْدُكُمْ شِقْرَتُهُ فَلْيُرْحَ ذَبِيحَتُهُ.

Sesungguhnya Allah mewajibkan ihsan ke atas setiap sesuatu. Maka apabila kamu membunuh maka perbaikilah cara membunuh dan apabila kamu menyembelih maka perbaikilah cara sembelihan. Hendaklah salah seorang daripada kamu mengasah pisaunya dan biarkan haiwan sembelihan mati tanpa terseksa. [Shahih Muslim – no: 1955]

Berdasarkan pesanan Rasulullah: “*Sesungguhnya Allah mewajibkan ihsan ke atas setiap sesuatu*”, para sahabat dan umat Islam generasi awal sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal kebajikan haiwan. Ini kerana ia termasuk dalam keumuman sifat *ihsan* yang bermaksud kebaikan yang melebihi kebiasaan. Sayang sekali kewajipan bersifat *ihsan* ini jarang-jarang diperhatikan oleh umat Islam masa kini dalam pelbagai sudut kehidupan mereka, termasuklah dalam kes hal ehwal kebajikan haiwan.

Syaikh Nashr al-Din al-Albani *rahimahullah* menegaskan hakikat ini setelah mengemukakan beberapa hadis tentang kebajikan haiwan:

Inilah sebahagian daripada riwayat yang sempat aku temui sehingga sekarang. Ia menunjukkan perhatian besar yang diberikan oleh umat Islam

generasi awal hasil bimbingan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tentang penjagaan haiwan. Pada hakikatnya (apa yang saya kemukakan) hanyalah setitik daripada lautan yang luas. Ini semua menjelaskan bahawa Islamlah yang sebenarnya menggariskan asas penjagaan haiwan kepada manusia. Ini berbeza dengan sangkaan sebahagian orang yang jahil terhadap Islam bahawa kononnya asas penjagaan haiwan berasal daripada orang kafir. Yang benar ia adalah adab yang diambil guna daripada generasi umat Islam yang awal..... [*Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh, 1995), jld. 1, ms. 69]

Berdasarkan ayat al-Qur'an dan hadis di atas, hendaklah kita semua berusaha untuk memberi perhatian kepada hal ehwal kebajikan haiwan. Perhatian tersebut hendaklah dicurahkan kepada seluruh haiwan secara umum dan bukannya sekadar kucing kesayangan yang dipelihara di belakang rumah. Anjing dan khinzir tidak terkecuali daripada tuntutan ini. Sekalipun di satu sisi mereka dikategorikan sebagai najis berat, di sisi lain mereka tetap adalah makhluk Allah yang berhak menjalani kehidupan tersendiri sepertimana haiwan-haiwan lain. Adapun hukum-hukum khusus berkenaan anjing dan khinzir, sila rujukan artikel saya dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah, Buku 3 & 4* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

Pada kesempatan ini, ingin saya minta pihak-pihak yang memiliki kuasa agar menggubal undang-undang yang lebih terperinci berkenaan hal ehwal kebajikan haiwan. Hukuman yang lebih berat hendaklah disediakan kepada sesiapa yang didapati bersalah bertindak zalim kepada haiwan. Di samping itu masyarakat, terutamanya kita umat Islam, hendaklah memainkan peranan yang lebih aktif apabila berhadapan dengan kes-kes yang melibatkan kebajikan haiwan.

Lalang Oh Lalang!⁶⁵

Apabila kita menyentuh sifat jati diri, lazimnya sifat tersebut dibandingkan dengan lalang, iaitu sejenis tumbuhan yang hidup di merata tempat. “Jangan jadi seperti lalang yang melentuk ke sana ke sini apabila ditiup angin. Kita perlu memiliki jati diri yang tidak mudah melentuk umpama lalang!”, demikian pesanan yang selalu diberi.

Akan tetapi kali ini, dalam rangka memenuhi jemputan pihak Kolej Shah Putra, Kuantan, untuk membicara berkenaan **Jati Diri Umat Islam** pada Sabtu 9 September 2006, saya tidak akan membandingkan sifat jati diri dengan lalang. Sebaliknya saya akan mengumpamakan jati diri dengan lalang. Ya! Untuk umat Islam memiliki jati diri, kita perlu mencontohi lalang.

Di atas bukanlah satu kesilapan ejaan atau susunan ayat.

Agar kita lebih memahami bagaimana sifat jati diri boleh diumpamakan atau dicontohi dengan merujuk kepada lalang, marilah kita mengkaji lima sifat lalang yang begitu terserlah, sekali pun mungkin di antara pembaca ada yang tidak menyedarinya.

Lalang Tetap Kukuh Pada Dasarnya.

Benar bahawa lalang melentuk ke sana ke sini apabila ditiup angin. Namun perhatikan betapa kuat sekali pun angin yang bertiup, lalang tidak terlepas daripada

⁶⁵ Risalah ini merupakan kertas kerja saya dalam seminar *Mempertahankan Kedaulatan Islam Dan Negara Malaysia: Satu Tanggungjawab* yang diadakan di Kolej Shah Putra, Kuantan pada 9 September 2006.

dasarnya. Pokok mungkin tumbang, atap rumah mungkin terangkat, tetapi lalang tetap pada dasarnya. Ia tidak berganjak walau sedikit jua.

Ini adalah salah satu sifat lalang yang patut dimiliki oleh umat Islam yang berjati diri. Kita patut, bahkan wajib, memiliki dasar yang kuat dalam pegangan agama kita. Dasar ini tidak berganjak sekali pun ditiup oleh pelbagai arus yang ingin memusnahkannya. Ia tetap berdiri pada dasarnya dalam diri kita sekali pun arus yang menentanginya mampu menumbangkan pokok dan menerbangkan atap.

Terdapat beberapa dasar yang membentuk asas agama kita. Namun dalam kesempatan ini, memadai saya menyentuh dasar yang pertama, iaitu bahagian pertama daripada dua kalimah syahadah. Dasar ini menetapkan bahawa “Tidak ada tuhan selain Allah”. Berdasarkan “Tidak ada tuhan selain Allah”, maka kita umat Islam menetapkan bahawa tiada yang mampu melakukan peranan ketuhanan kecuali Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Iaitu tiada sesiapa atau apa-apa yang mampu mencipta dari tiada kepada ada, mengurus alam, mengetahui hal ghaib, menetapkan sesuatu kebaikan atau keburukan, mengabulkan doa, memberi pertolongan, menggubal syari’at dan sebagainya kecuali Allah *Azza wa Jalla*.

Berdasarkan dasar ini, kita memiliki jati kerohanian yang amat kukuh. Kita tidak kasih, berharap, takut, merujuk, taat dan bertujuan secara mutlak melainkan kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Ini berbeza dengan orang yang jati kerohaniannya amat lemah dimana dia sentiasa kasih, berharap, takut, merujuk, taat dan bertujuan kepada selain Allah. Akhirnya dia sentiasa lemah lagi hina kerana telah meletakkan makhluk sebagai tuhan bagi dirinya.

Lalang Mudah Melentuk Namun Tetap Berpaksi Pada Dasarnya.

Sifat lalang yang mudah melentuk tidak patut dipandang sebagai satu kelemahan. Ini kerana melentuk ke arah mana sekali pun, ia tetap berpaksi pada dasarnya. Berbeza dengan daun kering yang ditiup angin, ia terbang mengikuti angin dengan meninggalkan tempat asalnya. Ini barulah boleh dianggap sebagai satu kelemahan.

Sifat lalang yang kedua ini boleh kita rumuskan sebagai kukuh pada perkara dasar yang sememangnya tidak boleh berubah manakala fleksibel pada perkara cabang yang boleh disesuaikan dengan zaman dan tempat. Sifat ini adalah sesuatu yang patut dimiliki oleh umat Islam. Jati diri tidak bererti “besi diri”, iaitu kaku lagi lurus dalam semua perkara, tetapi berprinsip pada perkara yang dasar dan fleksibel pada perkara yang dibolehkan untuk bersikap fleksibel selagi mana ia tidak mengorbankan perkara yang dasar.

Satu contoh ialah etika berpakaian. Kita umat Islam memiliki beberapa dasar dalam etika berpakaian, iaitu:

1. Dipertengahan antara mewah dan buruk.
2. Tidak menyerupai fesyen yang memiliki nilai agama lain.
3. Tidak menyerupai fesyen jantina yang berbeza (*the opposite sex*).
4. Tebal, tidak nipis sehingga menampakkan tubuh.
5. Longgar, tidak ketat sehingga menampakkan struktur tubuh.
6. Tidak memakai wangian yang bertujuan menarik perhatian jantina yang berbeza.

7. Menutup aurat.

Semua dasar di atas adalah sama bagi lelaki dan wanita kecuali dasar keenam dimana batas aurat bagi lelaki dan wanita adalah berbeza. Maka apa jua fesyen yang dipakai, ia adalah fleksibel asalkan berpaksi kepada tujuh dasar di atas. Bagi muslimah umpamanya, fesyen baju kurung Melayu, jubah Arab, jubah Pakistan (jubah berseluar) dibolehkan. Akan tetapi fesyen jeans longgar tidak boleh kerana ia menampakkan perut serta pusat dan fesyen kebaya ketat tidak boleh kerana ia menampakkan bentuk badan.

Lalang Amat Sukar Dimusnahkan.

Sesiapa yang pernah ber-“interaksi” dengan lalang pasti akan mengetahui bahawa ia amat sukar untuk dimusnahkan. Jika dipotong ia tumbuh kembali, jika dicabut ia mentunas kembali. Pilihan yang ada ialah mencabut hingga ke akarnya atau menyembur racun lalang. Ini juga tidak menjamin keberhasilan yang 100%. Tidak jarang ia tetap tumbuh semula.

Sifat lalang ini wajib ada pada diri kita umat Islam. Kita tidak boleh putus asa, hampa, bersedih, mengalah atau melarikan diri daripada pelbagai arus yang bukan sahaja mencabar kita, tetapi seakan-akan ingin menenggelamkan kewujudan kita dan agama yang kita cintai. Maka sebagaimana lalang memiliki jati diri untuk terus hidup, kita umat Islam juga wajib memiliki jati diri yang jauh lebih kental untuk terus hidup menghadapi pelbagai arus yang menentang kita. Istilah putus asa, hampa, bersedih, mengalah atau melarikan diri tidak boleh wujud dalam kamus umat Islam.

Lalang Mudah Lagi Cepat Berkembang.

Lalang bukan sahaja sukar dimusnahkan, ia juga mudah lagi cepat berkembang. Pernah jumpa lalang yang tumbuh bersendirian? Tentu tidak. Ia mudah berkembang dan boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan tanah.

Sekali lagi, sifat ini perlu diteladani oleh umat Islam. Tidak cukup sekadar kita yang Islam, tetapi kita juga perlu berdakwah untuk mengembangkan Islam dan meletakkannya pada kedudukan yang tinggi lagi kukuh di dunia. Ini adalah amat penting supaya Islam dan umatnya sentiasa memiliki tempat di dunia ini, bahkan kembali menerajui tempat yang pertama berbanding umat yang lain.

Kita perlu sedar dan akur bahawa kedudukan hina yang dialami oleh umat Islam sekarang ini adalah disebabkan oleh kelemahan kita sendiri dan bukannya kekuatan umat lain. Badan yang lemah akan menjemput segala macam penyakit untuk menghinggapinya manakala badan yang kuat (sihat) akan mampu menahan apa jua penyakit. Penyakit sentiasa wujud, bezanya sama ada badan kita adalah lemah atau kuat.

Maka sebagaimana lalang bekerja keras untuk berkembang dalam pelbagai keadaan tanah, maka kita juga wajib bekerja keras untuk mendakwahkan Islam kepada pelbagai lapisan masyarakat dan suasana. Kita perlu berubah dari sifat pasif kepada aktif, lembab kepada cergas, jahil kepada berilmu, leka kepada berfikir, tidur kepada berjalan, berdiam kepada berbicara dan jumud kepada dinamik

Dakwah itu sendiri terbahagi kepada dua, yang pertama adalah menjemput orang bukan Islam kepada Islam. Kedua adalah mengajak umat Islam untuk meningkatkan penghayatan Islam mereka (*Islah*) berdasarkan ilmu dan amalan. Sama

ada yang pertama atau kedua, yang penting adalah cara dan hikmah dalam berdakwah. Tidak sedikit yang mengalami kegagalan dalam dakwah, bukan kerana kedegilan orang yang didakwahkan tetapi kesalahan dalam strategi berdakwah.

Lalang Mampu Memberi Pengaruh Kepada Manusia.

Cuba berjalan di kalangan lalang, pasti kulit kaki terasa miang. Wadus! Tumbuhan yang dianggap remeh oleh kebanyakan manusia mampu memberi pengaruh kepadanya? Ya! Begitulah hakikatnya. Tidak sekadar itu, lalang juga mampu memberi pengaruh dalam bentuk ia dapat dijadikan bahan membuat atap bagi pondok-pondok di kawasan pendalaman.

Pengajaran penting yang dapat diambil iktibar adalah, sekali pun dunia memandang kecil kepada Islam dan umatnya, kita masih mampu untuk menukar pandangan tersebut. Sikit-sikit lama-lama jadi bukit. Jika setiap daripada kita berusaha untuk memberi pengaruh yang positif kepada dunia dan manusia, pasti dunia akan mengubah pandangannya terhadap Islam dan kita. Akuilah bahawa dunia memandang kecil kepada Islam dan umatnya disebabkan oleh sikap kita sendiri yang selama ini amat minimum dalam memberi apa-apa pengaruh positif kepada dunia.

Pengaruh positif boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk, daripada sekecil-kecil senyuman yang terukir di bibir sehinggalah kepada misi keselamatan dan kebajikan dalam rangka menolong mangsa tragedi. Daripada mengangkat paku di jalan sehinggalah kepada menyelamatkan haiwan liar yang tersesat di bandar. Daripada mengajar matematik kepada anak-anak miskin sehinggalah kepada mencipta penemuan ilmiah bagi menyelesaikan penyakit atau masalah yang dihadapi oleh

manusia terkini. Senarai ini boleh berlanjutan tanpa batas.

Lalang Oh Lalang!

Di mana sahaja kita berada, ke mana sahaja kita pergi, sudah agak pasti kita akan menemui lalang. Jangan berpaling begitu sahaja, sebaliknya renungilah ia dan jadikanlah ia sebagai sumber iktibar mengukuhkan jati diri kita sebagai umat Islam. Sebagai manusia kita sering lupa atau terlanjur, maka lalang sentiasa ada untuk mengingatkan semula kejatian diri kita. Ingat! Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak mencipta sesuatu untuk sia-sia melainkan ia memiliki hikmah dan manfaat untuk kita.

Memasarkan Islam Pada Era Mutakhir
(Marketing Islam In The Present Time)⁶⁶

Pada zaman mutakhir ini, ramai orang terlibat dalam urusan pemasaran (*marketing*). Sebut sahaja *Multi Level Marketing, Direct Selling, Insurance, Trust Fund, Islamic Investment, EPF investment, holiday package*, kuih Hari Raya dan sebagainya, pasti ada sebahagian di kalangan pembaca atau kenalan pembaca yang menjadi agennya. Untuk menjadi agen pemasaran, seseorang itu perlu mengetahui strategi-strateginya (*marketing strategies*) agar produk yang dipasarkan, iaitu yang dijual, diyakini oleh pelanggan (*customer*) sehingga mereka membelinya. Tidak sekadar itu, hendaklah usaha pemasaran dilakukan dengan cara yang dapat menjamin pembeli tersebut menjadi pelanggan yang setia agar mereka menjadi pembeli tetap untuk produk-produk yang akan datang serta menyebarkan khabar tentang produk tersebut kepada orang-orang di sekelilingnya.

Untuk mencapai objektif ini, agen-agen pemasaran diberi kursus oleh syarikat pembuat produk tentang apa dan bagaimana melaksanakan strategi pemasaran yang efektif. Syarikat-syarikat tersebut juga memberi insentif yang menarik kepada mana-mana agen yang berjaya mencapai hasil pemasaran yang tinggi. Insentif ini berjaya menjadikan agen-agen tersebut bersungguh-sungguh mendalami strategi pemasaran dan mempraktikkannya secara berkesan apabila berhadapan dengan para pelanggan.

Saya sehingga kini tidak menjadi agen pemasaran kepada apa-apa syarikat

⁶⁶ Risalah ini merupakan kertas kerja saya dalam seminar *Muslim Professional Da'i*, anjuran Univ. Islam Antarabangsa M'sia, Bandar Indera Mahkota, Kuantan pada 11 Nov 2006

atau produk. Akan tetapi minat kepada pelbagai jurusan ilmu menyebabkan saya turut memberi perhatian kepada strategi-strategi pemasaran yang mereka gunakan. Satu hari saya terfikir, bolehkah strategi-strategi tersebut kita gunakan dalam berdakwah? Maksud saya, Islam sebagai produk manakala strategi pemasaran sebagai kaedah dakwah. Memandangkan strategi-strategi pemasaran tersebut benar-benar berjaya menyakinkan sesuatu produk kepada pelanggan, tanpa mengira sama ada produk tersebut berqualiti atau tidak, bermanfaat atau tidak, maka bagaimana pula jika kita menggunakan strategi yang sama untuk memasarkan produk yang benar-benar berqualiti lagi bermanfaat, iaitu Islam?

Untuk mencari jawapan kepada persoalan di atas, marilah kita mengkaji beberapa strategi pemasaran yang terkini dan melihat bagaimana ia boleh digunakan untuk mendakwahkan Islam. Untuk kajian ini, saya membandingkan antara seorang yang menjadi agen pemasaran produk vitamin dengan seorang yang ingin mendakwahkan Islam.

Strategi Pemasaran # 1: Kenalilah Produk Anda.

Langkah pertama dalam strategi pemasaran adalah mengenali produk yang bakal dipasarkan. Seorang agen pemasaran vitamin perlu mengenali produknya seperti negara pengilang, adakah ia mengandungi unsur-unsur haiwan (*animal by products*), adakah ia diuji keberkesanannya ke atas haiwan (*animal testing*), kepentingannya kepada manusia dan kesan sampingan – seandainya ada. Mengenali produk tidaklah dituntut sehingga ke tahap mengenali struktur kimianya, cara mengilang dan bagaimana tubuh badan memproses vitamin tersebut. Ringkasnya agen pemasaran

tidak dituntut mengenali produknya dari sudut seorang ahli kimia atau ahli farmasi, tetapi dari sudut yang bakal ditanya oleh pelanggan.

Demikian juga bagi seorang pendakwah Islam, dia perlu mengenali Islam terlebih dahulu. Mengenali Islam tidak bererti dia perlu menjadi seorang muftahid, mufti atau seseorang yang memiliki kelulusan khusus dalam jurusan agama. Akan tetapi mengenali Islam pada tahap yang memadai untuk menerangkannya kepada orang yang bakal didakwahkan. Sebagai contoh, jika dia mendakwahkan Islam kepada orang bukan Islam, dia perlu mengenali Islam dari sudut kepentingannya dalam membimbing manusia mengharungi cabaran-cabaran kehidupan yang serba kebendaan. Jika dia mendakwahkan solat kepada orang Islam yang enggan solat, dia perlu mengenali kepentingan solat dalam Islam dan efek positif yang bakal tercermin pada jiwa seseorang yang beristiqamah dengannya.

Dua catatan khusus sebelum mendakwahkan Islam berdasarkan strategi pemasaran ini:

- **Pertama**, hendaklah dia mengenali Islam berdasarkan dalil yang sahih, bukan mitos kosong atau hikayat turun temurun. Orang yang menjadi pendakwah Islam perlu sedar bahawa dia memainkan peranan sebagai duta yang mewakili Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Apabila dia menyampaikan sesuatu yang tidak berasal, atau tidak dapat dipastikan berasal daripada Allah dan Rasulullah, bererti dia berdusta di atas nama Allah dan Rasulullah. Ini adalah kesalahan yang besar. Firman Allah: ***“Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara-perkara yang dusta terhadap Allah.”*** [Maksud surah al-Ankabut, ayat 68] Sabda Rasulullah: ***“Jangan berdusta atas (nama)ku kerana***

sesungguhnya sesiapa yang berdusta atas (nama)ku, maka dia akan memasuki neraka.” [Maksud hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, *al-Lu’ Lu’ wa al-Marjan*, hadis no: 1]

- **Kedua**, hendaklah dia mendakwahkan Islam berdasarkan ilmu, iaitu berdasarkan keterangan dan bukti yang nyata, bukan cerita yang dibuat-buat atau ditokok tambah demi menarik hati pelanggan sepertimana yang lazim dilakukan oleh sebahagian agen pemasaran. Ini kerana Islam adalah agama yang berteraskan dalil dan hujah yang difahami berdasarkan metodologi ilmiah. Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berfirman, maksudnya: ***Katakanlah (wahai Muhammad): “Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia kepada agama Allah berdasarkan keterangan dan bukti yang nyata.”*** [Surah Yusuf, ayat 108]

Strategi Pemasaran # 2: Pasarkan Produk Anda Dengan Cara Yang Menarik Lagi Terkini.

It’s not what you sell but how you sell it! Demikian pesanan yang biasa disebut oleh guru-guru dalam strategi pemasaran. Seorang yang menjual vitamin mempunyai dua cara untuk memasarkannya. Pertama dengan cara yang biasa, iaitu apabila dia berkata kepada pelanggannya: “Vitamin adalah penting untuk tumbesaran dan kesihatan”. Kedua dengan cara yang menarik lagi terkini, umpama: “Makanan harian sahaja tidak mencukupi dalam suasana arus hidup yang serba dinamik lagi mencabar masa kini. Kita perlu melengkapkannya dengan vitamin agar minda dan fizik sentiasa di hadapan mendahului arus”. Sekali pun merujuk kepada produk yang sama,

kemungkinan seorang agen pemasaran untuk memperoleh keyakinan pelanggan berdasarkan ucapan yang kedua adalah jauh lebih tinggi berbanding ucapan yang pertama. Bandingkan pula apabila agen tersebut melengkapkan ucapan keduanya dengan brosur cetakan berqualiti tinggi yang berwarna dan fakta-fakta hasil kajian tentang kesan positif vitamin tersebut.

Seorang pendakwah juga perlu berubah cara dakwahnya daripada yang membosankan kepada sesuatu yang menarik. Cara membaca kitab secara duduk bersila perlu ditukar kepada bercakap secara bebas sambil berdiri atau berjalan. Cara pendakwah sahaja yang bercakap perlu dianjak kepada interaksi dua hala antara pendakwah dengan yang didakwah. Cara memakai pakaian yang lusuh perlu diubah kepada pakaian yang kemas lagi bersih. Cara penyampaian secara lisan sahaja perlu dikembangkan kepada penggunaan alat audio visual yang terkini. Cara penyampaian yang lurus perlu diselang-seli dengan cerita pengalaman, jenaka yang positif dan perumpamaan yang dapat mengukuhkan kefahaman.

Mempelbagaikan cara berdakwah adalah sesuatu yang lazim dilakukan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Baginda adakalanya duduk dan berdiri, bercakap serius dan berjenaka, bertanya soalan dan memberi perumpamaan. Baginda juga menggunakan bantuan alat audio visual, sekali pun pada zaman baginda alat tersebut hanyalah ranting kayu dan pasir. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan darjatnya dinilai hasan oleh Syaikh Syu'aib al-Arnauth (*al-Musnad*, hadis no: 4142), Abdullah bin Mas'ud *radhiallahu 'anh* menerangkan bahawa:

(Pada suatu ketika) Rasulullah shalallahu 'alaihi wasallam menggariskan kepada kami satu garisan (di atas pasir) lalu bersabda: "Inilah jalan Allah." Kemudian baginda menggariskan beberapa garisan di sebelah kanannya dan di

sebelah kirinya lalu bersabda: “Inilah jalan-jalan yang pada setiap jalan ada satu syaitan yang menyeru kepada jalan tersebut.” Kemudian baginda membacakan ayat: “Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (Agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah.” [Surah al-An’aam, ayat 153]

Seorang pendakwah juga perlu bijak dengan menyentuh isu-isu yang terkini apabila berdakwah. Sebagai contoh dalam suasana orang ramai yang begitu ketagih dengan kemajuan ilmu sains masa kini, mengaitkan keselarian penemuan sains dengan al-Qur’an akan memberi pengaruh yang positif kepada orang sedang didakwahkan. Demikian juga apabila mendakwahkan sesuatu ibadah kepada umat Islam. Dakwah “Syaikh aku boleh solat sambil terbang” perlu diubah kepada cara-cara bersolat dalam penerbangan. Ini kerana pada masa kini bukan syaikh tertentu sahaja yang boleh terbang (jika benar dia boleh terbang), tetapi semua orang boleh terbang: *“Now everybody can fly!”*.

Terdapat dua perkara yang perlu diperhatikan apabila berdakwah dengan strategi kedua ini:

- **Pertama**, dalam suasana seorang pendakwah bersikap kreatif untuk menjadikan dakwahnya menarik lagi terkini, dia perlu berwaspada agar tidak melanggar batas-batas syari’at Islam. Maksud saya, tidak boleh berdakwah dengan menggunakan sarana yang diharamkan sekali pun ia kelihatan menarik lagi terkini.
- **Kedua**, Dakwah yang menarik lagi terkini adakalanya mengundang kritikan

negatif daripada sebahagian agamawan yang jumud lagi kebelakang. Jangan jadikan kritikan mereka sebagai penghalang untuk meneruskan usaha dakwah yang menarik lagi terkini, sebaliknya gunalah ia untuk menukar kejumudan dan kebelakangan mereka.

Strategi Pemasaran # 3: Berada Di Hadapan Saingan-Saingan Produk Anda.

Setiap produk pasti memiliki persaingan (*competitors*). Justeru usaha pemasaran tidak akan berjaya selagi mana saingan-saingan tersebut dibiarkan berada di hadapan. Seorang agen pemasaran yang berjaya adalah mereka yang berada di hadapan saingannya, iaitu dengan cara mengenali saingan tersebut dan mampu menerangkan kepada pelanggan kelebihan produknya berbanding produk saingan. Contoh saingan-saingan kepada produk vitamin adalah produk dari jenama lain, pendapat yang mengatakan vitamin tidak bermanfaat dan pendapat yang mengatakan pil herba yang dibuat daripada ramuan tumbuhan adalah lebih berkesan dan selamat berbanding pil vitamin yang dibuat daripada rumusan kimia. Seorang agen pemasaran vitamin tidak akan berjaya selagi mana dia tidak berada di hadapan dalam menangani saingan-saingan tersebut.

Tidak ada satu zaman dimana Islam memiliki saingan yang begitu banyak melainkan pada zaman kini. Saingan yang menyerang Islam muncul dari luar dan dalam. Globalisasi, Kristianisasi, Kapitalisme, Individualisme, Hedonisme, Orientalisme, Feminisme, Terrorisme dan Hak Asasi Manusia adalah saingan-saingan yang menyerang Islam dari luar. Sementara Liberalisme, Literalisme, Pluralisme, Fanatisme serta aliran-aliran yang sesat seperti Syi'ah dan Golongan Anti Hadis

menjadi saingan-saingan Islam dari dalam.

Seorang pendakwah perlu berada di hadapan agar dia dapat menerangkan secara adil kepada orang yang sedang didakwahnya tentang kesyumulan Islam berbanding saingan-saingan tersebut. Ditekankan faktor “secara adil” kerana tidak semua yang terkandung dalam saingan-saingan tersebut merupakan saingan yang negatif kepada Islam dan umatnya. Di antaranya ada yang positif, sekali pun jumlahnya mungkin sedikit. Justeru seorang pendakwah perlu bijak mengadili saingan-saingannya dan memisahkan antara yang positif dan negatif. Sikap adil ditekankan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” [Surah al-Maidah, ayat 8]

Sebagai contoh, persaingan kepada Islam pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah kaum Nasrani (Kristian) yang beriktikad bahawa Nabi Isa (Jesus) adalah anak tuhan. Islam mendahului persaingan ini dengan penjelasan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bahawa Isa tidak lain adalah salah seorang rasul-Nya yang memiliki ibu dan memakan makanan seperti manusia biasa:

“Tiadalah Al-Masih Ibni Maryam itu melainkan seorang Rasul yang telah terdahulu sebelumnya beberapa orang Rasul, dan ibunya seorang perempuan yang

amat benar, mereka berdua memakan makanan (seperti kamu juga). Lihatlah bagaimana kami jelaskan kepada mereka (ahli kitab itu) keterangan-keterangan (yang tegas yang menunjukkan kesesatan mereka), kemudian lihatlah bagaimana mereka dipalingkan (oleh hawa nafsu mereka dari menerima kebenaran yang jelas nyata itu).” [Maksud surah al-Maidah, ayat 75]

Sekali pun Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengkritik kesalahan iktikad kaum Nasrani yang menjadi persaingan Islam ketika itu, Allah tetap mengiktiraf sikap mulia sebahagian kaum Nasrani dengan firman-Nya yang bermaksud: *“Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhanannya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik. Dan demi sesungguhnya engkau akan dapati orang-orang yang dekat sekali kasih mesranya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: “Bahawa kami ini ialah orang-orang Nasrani.” Yang demikian itu disebabkan ada di antara mereka pendita-pendita serta ahli-ahli ibadat dan kerana mereka pula tidak berlaku sombong.”* [Surah al-Maidah, ayat 82]

Oleh itu dalam usaha berada di hadapan persaingan, para pendakwah perlu bersikap adil antara mengkritik yang salah dan mengiktiraf yang benar. Selain itu terdapat dua hakikat tentang persaingan yang perlu kita sedari.

- **Pertama**, Persaingan tidak dapat disifarkan. Oleh itu kita tidak boleh melarikan diri daripada persaingan. Sebaliknya kita boleh mengurus persaingan, iaitu dengan cara mengenalinya dan berada di hadapannya (*Know your competitors and stay ahead of them*).
- **Kedua**, persaingan, jika dipandang dari sudut yang positif, boleh membawa

manfaat. Persaingan menyebabkan kita sentiasa bersiap sedia, bergerak pantas dan berdaya maju. Tanpa persaingan, kita akan menjadi leka, lembab dan pemalas. Justeru saingan-saingan kepada Islam ada kebaikannya dengan syarat umat Islam sendiri memiliki sikap yang positif terhadapnya.

Strategi Pemasaran # 4: Berikan Tawaran Yang Memikat.

Hampir tidak ada agen yang memasarkan produknya, melainkan dia cuba memikat hati pelanggan dengan tawaran yang memikat. Tawaran tersebut wujud dalam pelbagai bentuk, seperti harga diskaun, beli dua dapat satu percuma, potongan cukai, bonus, dividen dan seterusnya.

Memberi tawaran yang memikat bukanlah sesuatu yang asing dalam Islam. Berdakwah dengan cara yang memudahkan adalah salah satu bentuk tawaran yang diwajibkan oleh Islam. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berpesan: ***“Permudahkanlah dan jangan menyusahkan, gembirakanlah dan jangan menakutkan.”*** [Maksud hadis riwayat al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 69].

Justeru sikap sebahagian agamawan yang suka mengutamakan hukuman dan ancaman azab dalam berdakwah perlu diubah. Sebaliknya hendaklah diutamakan penerangan tentang Rahmat Allah kepada sekalian manusia, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: ***“Maka lihatlah olehmu kepada kesan-kesan rahmat Allah, bagaimana Dia menghidupkan bumi sesudah matinya (dengan tanaman-tanaman yang menghijau subur). Sesungguhnya Allah yang demikian kekuasaan-Nya, sudah tentu berkuasa menghidupkan orang-orang yang telah mati. Dan (ingatlah) Dia maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”*** [Surah al-Rum, ayat 50]

Demikian juga ketika berdakwah untuk membetulkan seorang muslim yang selama ini terjebak dalam pelbagai kemaksiatan, hendaklah didahului dengan tawaran Rahmat dan Keampunan Allah kepadanya: ***Katakanlah: "Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari Rahmat Allah kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia-lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*** [Maksud surah al-Zumar, ayat 53]

Strategi Pemasaran # 5: Bertahap-Tahap Dalam Memperoleh Keyakinan Pelanggan.

Memperoleh keyakinan pelanggan bukanlah sesuatu yang dapat dilakukan sekelip mata. Ia memerlukan penjelasan yang lemah lembut lagi bertahap-tahap. Penjelasan yang keras lagi menghasratkan persetujuan serta-merta hanya akan menyebabkan pelanggan menjauhkan diri dari agen dan produknya. Oleh kerana itu merupakan salah satu silibus yang baku dalam kursus-kursus pemasaran agar para agen bersikap lemah lembut dan bertahap-tahap dalam memperoleh keyakinan pelanggan apabila melakukan usaha pemasaran.

Strategi yang sama juga ditekankan oleh Islam. Sikap yang keras dan menghasratkan persetujuan serta merta hanya akan menjauhkan orang yang sedang didakwah daripada pendakwah dan Islam. Oleh kerana itu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pernah mengajar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk berlemah lembut ketika berdakwah: ***"Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada***

mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.” [Maksud surah Ali Imran, ayat 159]

Strategi bertahap-tahap pula dapat diperhatikan dalam ayat berikut: ***“Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga dia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).”*** [Maksud surah al-Taubah, ayat 6]

Dalam ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak memerintahkan umat Islam untuk memastikan orang musyrik yang meminta perlindungan daripada mereka agar serta merta memeluk Islam. Sebaliknya orang-orang musyrik tersebut hendaklah diberi ruang masa untuk mendengar tentang Islam dan berfikir tentangnya dalam suasana yang aman di bawah perlindungan umat Islam. Sikap bertahap-tahap tidak memiliki tarikh luput. Sebaliknya ia berterusan kerana tiada siapa yang tahu bila seseorang itu akan memeluk Islam atau bila seorang muslim yang lazim melakukan maksiat akan bertaubat dari kesalahannya.

Bertahap-tahap dalam berdakwah tidak sahaja dilihat dari sudut masa, tetapi juga dari sudut kemampuan orang yang sedang didakwahkan. Perbicaraan yang ringan atau berat hendaklah diubah suai mengikut tahap pengetahuan dan kadar kecerdasan orang yang sedang didakwahkan. Merupakan satu kepincangan dalam strategi berdakwah jika seseorang itu membicara jenis-jenis sanad hadis yang daif (*mursal, munqathi*’) jika orang yang didakwahkan itu masih belum jelas perbezaan antara

Islam dan agama-agama lain.

Strategi Pemasaran # 6: Aksi Lebih Berkesan Berbanding Perkataan.

Action speaks louder than words! Demikian antara pesanan yang jarang-jarang ditinggalkan dalam buku mahu pun kursus strategi pemasaran. Bayangkan seorang agen yang memasarkan produk vitamin padahal ketika begnya dibuka, jelas kelihatan beberapa jenis pil herba yang diambilnya sendiri. Atau ketika dia sedang sibuk menerangkan kepentingan kesihatan yang baik melalui pengambil vitamin, terhidu bau rokok dari mulutnya, menunjukkan agen itu sendiri tidak peduli tentang kesihatan dirinya. Aksi-aksi ini memberi kesan yang besar kepada pelanggan bahawa agen tersebut hanya bercakap padahal dia sendiri tidak percaya apa yang dicakapkan.

Kesalahan pemasaran seperti di atas telah juga disentuh oleh Islam. Seorang pendakwah dilarang semata-mata berdakwah padahal dia sendiri tidak mempraktikkan apa yang didakwahkan. Pendakwah seperti ini ditegur keras oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan firman-Nya: ***“Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.”*** [Maksud surah al-Saff, ayat 2-3]

Oleh itu setiap pendakwah hendaklah memastikan bahawa dia juga melakukan apa yang dia dakwahkan sekadar mampu. Ditambah syarat “sekadar mampu” kerana seorang pendakwah adalah juga manusia biasa yang adakalanya tidak mampu melakukan setiap sesuatu yang didakwahkan. Namun dia terus menyampaikan dakwah kepada orang lain kerana mungkin yang didakwah lebih mampu daripada

yang berdakwah. Seorang pendakwah yang kesibukan dan keletihan dengan kuliah di sana-sini mungkin tidak sempat untuk melakukan solat-solat sunat di samping solat fardhu. Namun hal ini tidak patut menjadi penghalang untuk dia mendakwahkan keutamaan solat sunat kepada orang lain kerana mungkin orang yang didakwahkan mempunyai banyak waktu lapang berbanding dirinya sehingga dapat melakukan solat-solat tersebut.

Strategi Pemasaran # 7: Memelihara Hubungan Bersama Pelanggan.

Pemasaran yang efektif adalah pemasaran yang melibatkan hubungan yang baik antara agen, pelanggan dan produk. Hubungan ini berlangsung sebelum, semasa dan sesudah urusan pemasaran. Termasuk dalam kategori hubungan yang baik adalah sikap agen yang berani menerima soalan, terbuka menerima kritikan dan bersabar atas kerenah pelanggan. Hubungan ini terjalin dengan baik sepanjang masa dan tidak terbatas kepada peringkat sebelum dan semasa urusan pemasaran. Ini kerana agen yang melupakan pelanggan pasti akan dilupakan oleh pelanggan.

Saya sendiri sebelum ini pernah didatangi oleh agen pemasaran produk-produk tertentu. Mereka tidak terus memasarkan produk kepada saya melainkan setelah beberapa kali bertemu dan bersembang hal-hal umum, seolah-olah ingin menjalin tali persahabatan. Hanya apabila mereka dapati saya selesa bersama mereka, barulah mereka menerangkan tentang produk yang sedang mereka pasarkan. Namun apabila saya menyatakan bahawa saya tidak minat, mereka terus terpeluwap ke udara menghilangkan diri.

Ini adalah satu kesalahan , paling kurang dari dua sudut:

- **Pertama**, ia adalah satu sikap hipokrit, yakni tidak ikhlas dalam menjalin tali persahabatan.
- **Kedua**, sesuatu yang saya tidak minat pada awalnya mungkin akan berubah pada masa kemudian. Merupakan satu kerugian kepada agen tersebut seandainya saya berminat kepada produk yang dipasarkannya pada masa kemudian.

Jika kita mengkaji sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, kita akan menemui bahawa baginda sentiasa menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat, sama ada yang memeluk Islam atau tidak. Pengecualian hanya kepada mereka yang menentang Islam dan menzalimi umatnya.

Antara hubungan yang baginda pelihara ialah keterbukaan menerima soalan, sebegitu banyak sehingga sebahagian daripada soalan tersebut dirakamkan dalam al-Qur'an sebagai: "Mereka bertanya kepada kamu wahai Muhammad mengenai...". Antaranya ialah ayat 189 surah al-Baqarah yang bermaksud: ***Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(Peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat Haji.***"

Baginda juga memelihara hubungan dengan cara mengambil berat tentang hal ehwal umatnya, merasai kesusahan dan saw kegembiraan yang mereka alami. Ringkasnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* turun ke padang dan sentiasa berada di padang bersama umatnya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengisahkan sikap Rasulullah yang mulia ini: ***"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi***

sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.” [Maksud surah al-Taubah, ayat 128]

Para pendakwah perlu mencontohi sikap Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di atas. Mereka perlu terbuka menerima soalan dan tidak memandangnya sebagai sesuatu yang mempertikai status mereka. Mereka perlu duduk bersama umat dan tetap duduk bersama umat untuk merasai asam garam kehidupan. Mereka tidak patut duduk di pejabat berhawa dingin dan menulis fatwa yang tidak berpijak pada dunia realiti. Mereka perlu berani menerima kritikan dan memandang kritikan tersebut secara positif kerana ia akhirnya akan memperbaiki diri mereka sendiri. Dengan sikap positif yang terbuka menerima maklum balas daripada orang yang didakwahkan, Islam yang dipasarkan akan diterima dengan baik oleh orang ramai.

Demikian tujuh strategi pemasaran yang lazim digunakan oleh agen-agen pemasaran yang berjaya. Berdasarkan perbandingan, kajian, penjelasan dan contoh yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa strategi pemasaran tersebut boleh juga diguna pakai untuk memasarkan Islam. Bahkan tidak berlebihan jika saya simpulkan bahawa ia amat sesuai digunakan oleh para pendakwah untuk memasarkan Islam pada era mutakhir ini. Strategi-strategi ini menepati keumuman kaedah berdakwah yang digariskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya: ***“Serulah ke jalan Tuhan-mu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhan-mu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang***

yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” [Maksud surah al-Nahl, ayat 125]

Sebelum berpisah, para pendakwah Islam juga dijanjikan insentif di atas usaha mereka, selagi mana usaha tersebut menepati kaedah-kaedah berdakwah yang digariskan oleh ayat 125 surah al-Nahl di atas. Insentif tersebut adalah pengiktirafan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bahawa apa yang mereka usahakan itu memiliki nilai kebaikan yang tiada tandingannya. Firman Allah: ***Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang shalih, sambil berkata: “Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!”*** [Maksud surah al-Fussilat, ayat 33]

Seperkara lain yang perlu diketahui, yang membezakan antara agen pemasaran dengan pendakwah Islam, adalah seorang agen pemasaran sentiasa mengharapkan upah atau komisen duniawi dari usahanya memasarkan sesuatu produk. Berbeza dengan seorang pendakwah Islam, dia tidak mengharapkan apa-apa upah atau komisen melainkan apa yang bakal dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepadanya: ***“Dan aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah mengenai apa yang aku sampaikan (dari Tuhanku); balasanku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan sekalian alam.”*** [Maksud surah al-Syu'ara, ayat 109] Ini adalah sunnah semua para Nabi dan Rasul Allah, dan ia menjadi sunnah kepada para pendakwah yang menjadi pewaris para Nabi dan Rasul tersebut.

**Perkara Ke-12 Yang Mencemari Kemurnian Tauhid:
Menjadikan Jamaah Sendiri Sebagai Agama.⁶⁷**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ (31) مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيعًا
كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ (32).

Dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah, iaitu orang-orang yang memecah-belahkan agama mereka dan mereka menjadi beberapa golongan. Tiap-tiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada golongan mereka. [al-Rum, ayat 31-32]⁶⁸

Ayat di atas melarang umat Islam daripada keyakinan atau tindakan yang memecah-belahkan agama. Sebelum melanjutkan penjelasan tentang pecah-belah bagaimana yang dimaksudkan, ingin saya jelaskan terlebih dahulu dua persoalan yang penting berkenaan ayat di atas, iaitu:

Pertama:

Adakah perbicaraan ayat di atas ditujukan kepada orang Islam atau orang

⁶⁷ Risalah ini merupakan sambungan dari buku saya *11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid*, terbitan Jahabersa, Johor Bahru. Dalam buku ini saya menyenaraikan 11 keyakinan dan/atau perbuatan yang lazim berlaku di kalangan umat Islam tanah air yang dapat membawa kepada kesalahan syirik.

⁶⁸ Ini adalah terjemahan yang lebih tepat yang saya ambil daripada *al-Qur'an Dan Terjemahannya*, terbitan Yayasan Penyelenggara Penterjemah & Penafsir al-Qur'an, Indonesia.

musyrikin? Soalan ini dapat dirujuk jawapannya pada permulaan ayat 31, iaitu:

مُنِيبِينَ إِلَيْهِ وَاتَّقُوهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ.

Hendaklah kamu (wahai Muhammad dan umatmu) sentiasa rujuk kembali kepada Allah (dengan mengerjakan amal soleh) serta bertaqwalah kamu kepada-Nya; dan kerjakanlah solat dengan betul sempurna; Dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah. [al-Rum 30:31]

Dengan merujuk kepada keseluruhan ayat 31 surah al-Rum, dapat difahami bahawa perbicaraan ayat ditujukan kepada umat Islam, iaitu umat Muhammad *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang rujuk kembali kepada Allah, bertaqwa kepada-Nya dan mendirikan solat kepada-Nya. Maka perkataan “**kamu**” pada lanjutan ayat “...**dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah**” merujuk kepada umat Islam dan bukannya orang *musyrikin*.

Kedua:

Jika di kalangan umat Islam ada yang berkeyakinan atau bertindak memecah-belahkan agama Islam dan menjadikan umatnya beberapa golongan, adakah mereka menjadi seumpama orang *musyrikin* atau benar-benar menjadi orang *musyrikin*? Sebagai jawapan bagi persoalan ini, bandingkan ayat 31-32 surah al-Rum di atas dengan ayat:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ.

Dan janganlah kamu menjadi seumpama orang-orang yang telah berceri-

berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), Dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar. [Ali Imran 3:105]

Kedua-dua ayat (Ali Imran 105 & al-Rum 31-32) merujuk kepada keyakinan atau tindakan yang memecah-belahkan agama. Hanya ayat 105 surah Ali Imran bersifat mengumpamakan manakala ayat 31-32 bersifat menjadikan. Dalam susunan yang lain, ayat 105 surah Ali Imran melarang umat Islam daripada menjadi seumpama orang-orang *musyrikin* yang memecah-belahkan agama mereka. Ini diikuti dengan ayat 31-32 surah al-Rum, dimana jika umat Islam tetap memecah-belahkan agama Islam dan membentuk golongan-golongan tertentu, maka menjadilah mereka orang-orang *musyrikin*.

Secara lebih mendalam, kesemua ayat di atas melarang kita umat Islam daripada berkeyakinan atau bertindak untuk memecah-belahkan agama Islam dan membentuk golongan-golongan tertentu. Ia merupakan satu kesalahan yang besar, sehingga ke tahap Allah membebaskan Rasulullah daripada sebarang tanggungjawab atau urusan dalam pemecahan tersebut. Seolah-olah, mereka yang berpecah kepada beberapa golongan tidak lagi menjadi umat Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا لَسْتَ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ إِنَّمَا أَمْرُهُمْ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ يُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ.

Bahawasanya orang-orang yang mencerai-beraikan agama mereka dan mereka menjadi berpuak-puak, tiadalah engkau (Wahai Muhammad) terkait

sedikitpun dalam (perbuatan) mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. Kemudian Dia akan menerangkan kepada mereka (pada Hari Kiamat kelak), apa yang telah mereka lakukan (dan membalasnya). [al-An'aam 6:159]

Seterusnya penjelasan kita akan bertumpu kepada persoalan, pemecahan bagaimanakah yang menyebabkan umat Islam terkeluar dari golongan umat Muhammad dan menjadi orang-orang yang menyekutukan Allah (*musyrikin*)?

Bagi menjelaskan persoalan ini, saya akan menggunakan contoh fenomena “jamaah-jamaah” yang banyak wujud di kalangan umat Islam tanah air, khasnya di kalangan para penuntut pusat pengajian tinggi. “Jamaah-jamaah” ini merupakan istilah baru kepada “golongan-golongan” atau “puak-puak” yang dimaksudkan dalam ayat-ayat di atas. Sebelum menerangkan bagaimana kaitan jamaah-jamaah tersebut dengan ayat 31-32 surah al-Rum di atas, terlebih dahulu saya ingin menerangkan hukum kewujudan berbilang jamaah dalam Islam.

Hukum Berjamaah Dalam Islam.

Para ilmuan memiliki perbincangan yang mendalam tentang hukum jamaah-jamaah dalam Islam. Secara mudah perbincangan mereka berkesimpulan kepada dua pendapat:

- **Pendapat Pertama:** Tidak boleh memiliki berbilang jamaah dalam Islam. Hanya satu jamaah yang dibolehkan dan jamaah itu ialah keseluruhan umat Islam itu sendiri. Ini berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an di atas dan banyak hadis-hadis yang melarang perpecahan. Lebih dari itu ia selari dengan maksud

perkataan “jamaah”, iaitu persatuan yang lawannya adalah perpecahan. Berbilang jamaah adalah satu fenomena perpecahan yang menyalahi maksud perkataan “jamaah” itu sendiri. Fenomena ini tidak sahaja terbukti salah dari sudut perkataan, tetapi dari sudut apa yang berlaku di antara jamaah-jamaah dalam dunia Islam masa kini.

- **Pendapat Kedua:** Dbolehkan berbilang jamaah selagi mana setiap jamaah hanya berperanan sebagai sarana untuk kebaikan Islam dan umatnya. Berbilang jamaah membolehkan gerakan dan usaha umat Islam berjalan dalam suasana yang terancang lagi tersusun, dengan setiap jamaah memberi tumpuan kepada bidang yang mereka miliki kemahiran di dalamnya. Namun jamaah yang berbilang hanyalah dari sudut sarana dan kemahiran manakala tujuan dan matlamat adalah untuk keseluruhan umat Islam itu sendiri. Justeru pada hakikatnya tidak ada perpecahan di antara jamaah yang berbilang-bilang.

Melalui risalah ini, saya tidak bermaksud untuk memberi tumpuan kepada menganalisa dan menguatkan salah satu dari dua pendapat di atas. Sebaliknya perkara yang ingin saya tumpukan adalah, jika seseorang itu memilih pendapat yang kedua, apakah adab-adab yang perlu diperhatikan agar peranannya dalam sesuatu jamaah tidak menjerumuskan dirinya ke dalam keyakinan atau tindakan yang mencemari kemurnian tauhidnya sehingga tergolong dalam perbicaraan ayat 31-32 surah al-Rum? Dalam erti kata lain, apakah ciri-ciri ahli jamaah yang menjadikan jamaahnya sebagai agama?

Ciri-Ciri Ahli Jamaah Yang Menjadikan Jamaahnya Sebagai Agama.

Berikut ini disenaraikan tujuh contoh keyakinan atau tindakan para ahli jamaah yang menjadikan jamaahnya sebagai agama dan seterusnya memasukkan dirinya ke dalam perbincangan ayat 31-32 surah al-Rum di atas.

1. Berkeyakinan bahawa jamaah yang dipimpin atau dianggotai adalah yang terbaik berbanding jamaah-jamaah yang lain.
2. Tidak terkesan apabila Islam atau jamaah-jamaah lain dikritik, tetapi menjadi amat marah apabila jamaah sendiri dikritik, tanpa mengira sama ada kritikan tersebut adalah benar atau tidak.
3. Acuh tak acuh apabila mendengar kes murtad di kalangan umat Islam, tetapi amat prihatin jika ada di kalangan ahli jamaah yang memohon untuk keluar daripada jamaah. Mereka digelar sebagai *bughat* (pembelot), *mutasakitun* (yang gugur) dan sebagainya.
4. Tidak ambil peduli terhadap umat Islam yang tidak melaksanakan perintah larangan agama, tetapi amat memberi perhatian kepada ahli yang tidak melaksanakan perintah larangan jamaah. Kadangkala digunakan istilah *Futur*, iaitu orang yang awalnya bersemangat tetapi kemdiannya senyap atau lembik dalam aktiviti jamaahnya.
5. Merasa gembira jika ahli jamaah adalah ramai dan sebaliknya merasa kecewa jika ahli jamaah adalah sedikit apabila dibanding dengan jamaah-jamaah lain. Oleh kerana itu didapati aktiviti berlumba-lumba untuk mengkader, iaitu mencari dan menarik “orang baru” ke dalam jamaah merupakan agenda utama ahli yang senior. Aktiviti ini begitu hebat sehingga setiap kali semester baru

dibuka di pusat-pusat pengajian tinggi, saya menerima banyak emel dan sms yang bertanya: “Banyak jamaah yang sedang menarik saya, saya nak masuk yang mana?”

6. Aktiviti hanya dibataskan kepada sesuatu yang berkaitan dengan jamaah. Seseorang ahli tidak akan menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh jamaah lain sekali pun dia memiliki kelapangan dan kemahiran dalam aktiviti yang dianjurkan oleh jamaah lain tersebut. Menyertai aktiviti jamaah lain dipandang sebagai mengkhianati jamaah sendiri.

Sikap ini adakalanya berlanjutan kepada pelbagai urusan sehingga ke tahap seseorang ahli jamaah hanya akan mencari calon pasangan hidup dari sesama ahli jamaah sahaja. Seterusnya ibubapa daripada sesuatu jamaah hanya mencalonkan anaknya kepada anak ibubapa daripada jamaah yang sama, sekali pun anak-anak mereka tidak menganggotai jamaah tersebut.

7. Amir jamaah yang mengeluarkan perintah yang bertentangan dengan perintah Allah dan Rasul-Nya. Juga bagi ahli yang mentaati amir yang mengeluarkan perintah sedemikian. Salah satu contoh yang biasa saya terima aduannya daripada para pelajar pusat pengajian tinggi adalah larangan yang dikeluarkan oleh amir jamaah kepada mereka untuk tidak menghadiri kuliah-kuliah agama yang disampaikan oleh penceramah yang tidak berasal dari jamaah yang sama. Sungguh ini adalah satu perintah yang menghalang seseorang dari jalan Allah, sebagaimana firman-Nya:

أَلَا لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ (18) الَّذِينَ يَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا.

Ketahuiilah (sesungguhnya) laknat Allah tertimpa kepada orang-orang yang zalim! (Iaitu) orang-orang yang menghalang dirinya sendiri dan orang lain dari jalan Allah dan berusaha supaya jalan itu menjadi bengkok terpesong.
[Hud 11:18-22]

Demikian tujuh contoh keyakinan atau tindakan yang lazim berlaku di kalangan **segelintir** amir atau ahli jamaah di kalangan jamaah-jamaah yang berbeza. Keyakinan atau tindakan seperti inilah yang dirujuk oleh ayat 31-32 surah al-Rum, dimana masing-masing para ahli jamaah ***memecah-belahkan agama mereka dan mereka menjadi beberapa*** jamaah, dengan setiap jamaah ***merasa bangga dengan apa yang ada pada jamaah mereka***.

Seterusnya apabila segala kebaikan, keprihatinan, ketaatan, kesetiaan, kesukaan, kecintaan, kemarahan, kekecewaan, kebencian dan sebagainya tidak lagi ditujukan kepada Allah tetapi kepada jamaah sendiri, maka terjadilah penyekutuan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Mudah-mudahan, jamaah tersebut telah menjadi satu tandingan yang sama kedudukan, bahkan adakalanya lebih tinggi daripada Allah. Jamaah tersebut telah menjadi satu agama tersendiri yang menyaingi agama Allah, iaitu Islam. Di sinilah berlakukan penyekutuan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Adakah Semua Jamaah Dan Ahlinya Musyrikin?

Tidak. Tujuh keyakinan atau tindakan yang saya senaraikan di atas hanyalah sebagai contoh. Sengaja saya mengemukakannya agar para ahli jamaah dapat berwaspada terhadapnya dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memelihara diri daripadanya. Saya yakin ramai yang menyertai jamaah memiliki

matlamat yang betul, iaitu jamaah hanyalah sebagai saranan manakala matlamatnya adalah menghasilkan manfaat kepada Islam dan umatnya.

Seandainya contoh-contoh di atas benar-benar berlaku, saya yakin ia hanya tindakan segelintir ahli yang fanatik. Fenomena ini tidak terbatas kepada jamaah-jamaah di kalangan para pelajar pusat pengajian tinggi Malaysia, tetapi berlaku juga di negara-negara umat Islam yang lain. Ia juga berlaku di timur tengah sebagaimana yang disentuh oleh Syaikh Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti. Ketika membicarakan tanggungjawab dakwah dan jihad di kalangan umat Islam, beliau berkata:

Sesungguhnya dakwah yang difahami dan diterapkan oleh majoriti kelompok (jamaah) Islam sekarang ini tidak lebih dari aktiviti sekitar anggota kelompok (jamaah) masing-masing.

...Jika anda perhatikan secara saksama, nescaya anda akan menyaksikan dinding pemisah yang tinggi yang memisahkan antara kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) yang melancarkan aktiviti gerakan seperti yang kami kemukakan sebelumnya. Pada dasarnya di antara mereka itu tidak terjadi proses dakwah, diskusi atau tukar fikiran. Justeru anda menyaksikan sebaliknya, iaitu muncul pelbagai macam kelompok dengan pelbagai macam aliran dan pemikiran yang merosak. Kemudian masing-masing kelompok (jamaah) berusaha mencari pengaruh, berlumba-lumba mendatangi perkampungan untuk menyebarkan pemikiran dan aliran mereka...

Semua ini terjadi pada saat para pemerhati Islam atau kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) Islam sedang memberi tumpuan kepada kegiatan

gerakan mereka yang khusus di kalangan mereka. Sehingga dengan demikian itu mereka sudah merasa senang dan puas hati, dimana dengan aktiviti gerakan itu mereka sudah merasa (seolah) berperanan sebagai seorang da'i (untuk kebaikan Islam dan umatnya).

Dengan penghuraian di atas, penulis tidaklah bermaksud merendahkan aktiviti kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) Islam, tetapi yang penulis maksudkan adalah bahawa aktiviti gerakan ini merupakan satu hal sedangkan dakwah ke jalan Allah merupakan satu hal lain dimana masing-masing istilah tidak dapat disamakan.

Meski pun aktiviti yang dilakukan oleh kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) tersebut adalah baik dan bermanfaat, namun demikian mereka tidak memainkan peranan yang diwajibkan, iaitu mengajak manusia ke jalan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

...Layak untuk kami kemukakan di sini, bahawa masyarakat Islam, sekali pun kaya dengan pelbagai aktiviti gerakan kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) Islam, namun sebenarnya sungguh miskin dalam aktiviti dalam bidang dakwah. Sejauh yang kami saksikan dari beberapa medan dakwah ke jalan Allah dan pengenalan Islam di beberapa tempat, kegiatan tersebut tidak lepas dari keadaan atau tindakan yang bersifat memenuhi kepentingan peribadi dan bukan untuk memenuhi kepentingan yang lebih besar atau memberi solusi (dalam menghadapi cabaran-cabaran Islam dan umatnya).⁶⁹

⁶⁹ Nukilan berpisah dari buku *al-Jihad fi al-Islam: Kaifa Nafhamuhu wa Kaifa Numarisuhu?* (edisi terjemahan oleh M. Abdul Ghofar atas judul *Fiqh Jihad: Upaya Mewujudkan Darul Islam*

Beberapa Poin Tambahan Tentang Jamaah-Jamaah Dalam Islam.

Pada kesempatan ini, ingin saya menggariskan beberapa poin tambahan berkenaan jamaah-jamaah dalam Islam:

Pertama:

Menyertai jamaah hanyalah salah satu pilihan (*option*) untuk seseorang berusaha demi kebaikan Islam dan umatnya. Berjamaah bukanlah satu-satunya pilihan. Jika seseorang itu merasakan dia dapat membawa manfaat yang lebih kepada Islam dan umatnya tanpa menyertai jamaah, maka dipersilakan. Secara zahir dia kelihatan berseorangan, tetapi pada hakikatnya dia tetap berjamaah, iaitu berjamaah dengan keseluruhan umat Islam.

Kedua:

Berjamaah memiliki beberapa kelebihan sebagaimana bersendirian juga memiliki beberapa kelebihan. Saya memiliki beberapa rakan yang dahulunya amat aktif dalam jamaah. Bahkan di kalangan mereka ada yang menjawat kedudukan yang amat tinggi seperti amir dan timbalan amir. Namun kini mereka keluar dari jamaah tersebut dan menjadi seorang yang “bersendirian”. Akan tetapi dengan bersendirian, mereka mendapat beberapa kelebihan, seperti perasaan bersama keseluruhan umat Islam, pandangan luas di luar kotak (*able to think out of the box*) dan wawasan yang jauh lagi matang.

Antara Konsep Dan Pelaksanaan; Pustaka an-Nabaa', Jakarta, 2001), ms. 33-34 dengan beberapa suntingan bahasa.

Ketiga:

“Nak sertai jamaah yang mana?” Demikian soalan yang lazim saya terima daripada para pelajar pusat pengajian tinggi. Jawapan saya: “Tak perlu sertai mana-mana jamaah buat masa ini. Sebaliknya berikan tumpuan kepada jurusan yang sedang dipelajari manakala waktu selebihnya ditumpukan untuk mendalami agama Islam secara ilmiah.” Terdapat tiga alasan mengapa saya menjawab sedemikian:

1. Berjamaah lazimnya hanya “hangat-hangat tahi ayam” ketika di pusat pengajian tinggi. Ramai yang bersemangat dalam jamaah masing-masing ketika di pusat pengajian tinggi, kemudiannya luntur hingga hampir ke nilai sifar setelah tamat pengajian.

Maka memberi tumpuan kepada jurusan yang sedang diambil adalah lebih utama kerana ia memberi manfaat kepada Islam dan umatnya dalam jangka masa yang panjang. Ingat! Islam dan umatnya sangat memerlukan profesional muslim dalam pelbagai bidang dan lapangan.

2. Ramai yang ingin menyertai jamaah tanpa ilmu. Lalu mereka tidak tahu jamaah mana yang hendak disertai, apa yang hendak dilakukan dalam jamaah dan bagaimana adab berjamaah.

Oleh sebab itu saya menekankan agar dituntut ilmu agama secara ilmiah terlebih dahulu. Dengan bekalan ilmu, mudah bagi seseorang untuk memilih sama ada untuk menyertai jamaah atau tidak. Selanjutnya jika dia memilih untuk menyertai jamaah, dia dapat memilih jamaah yang secocok dengan kemahirannya serta tahu apa yang bermanfaat untuk dilakukannya kepada

Islam dan umat melalui jamaah tersebut.

Paling penting, dia tahu adab-adab berjamaah sehingga terpelihara daripada termasuk dalam perbincangan ayat 31-32 surah al-Rum.

3. Antara sebab seseorang itu ingin menyertai sesuatu jamaah adalah kerana ingin belajar tentang Islam dan ingin melakukan sesuatu yang bermanfaat kepada Islam dan umatnya. Akan tetapi hakikat yang ditemui setelah menyertai sesuatu jamaah bukanlah seperti yang diharapkan.

Keinginan untuk belajar tentang Islam berubah menjadi kursus-kursus (*tamrin*) tentang jamaah, menghafal silibus jamaah, dibasuh untuk tetap setia kepada jamaah (*Wala! Wala!*) dan diterapkan keyakinan untuk mengunggulkan jamaah sendiri ke atas jamaah-jamaah lain. Pelajaran tentang Islam sekali-sekala memang ada, iaitu melalui usrah-usrah yang dipimpin oleh *naqib* atau *naqibah* yang, maaf kata, ilmu tentang jenis-jenis air pun masih belum tentu betul.

Melakukan sesuatu yang bermanfaat kepada Islam dan umatnya? Ya! Sebut saja aktiviti menampal poster, mengkader ahli baru, mundar mandir secara *sirr* (rahsia) untuk menghadiri mesyuarat serta *tamrin* (padahal seluruh warga kampus mengetahuinya) dan saling mengintip antara jamaah.

Demikian hakikat yang berlaku antara jamaah-jamaah, sehingga para tukang kebun dan penyapu lantai yang bekerja di pusat-pusat pengajian tinggi tertanya-tanya sesama mereka: “Betul ke jamaah-jamaah itu dipimpin dan dianggotai oleh para pelajar peringkat diploma, sarjana dan yang lebih tinggi?” Berhenti, fikir dan renung! Apakah peranan anda di pusat pengajian tinggi?

Adakah anda kuli yang diperhambakan atau anda mahasiswa dan mahasiswi yang bakal membawa manfaat kepada Islam dan umatnya? Saya pasti jawabannya bukanlah yang pertama. Maka berfikir dan bertindaklah sebagai seorang mahasiswa dan mahasiswi. Tidak perlu terburu-buru menyertai mana-mana jamaah. Jika anda ingin menyertai sesuatu jamaah, kaji dan analisa terlebih dahulu jamaah-jamaah yang ada, kemudian sertailah jamaah yang menghargai kedudukan anda.

Ada pun keinginan untuk belajar tentang Islam, belajarlah dengan sesiapa jua yang mampu menyampaikan Islam secara ilmiah dan benar, tanpa mengira dia dari jamaah apa dan mana.

Keempat:

Sesuatu jamaah hanya akan dapat menghasilkan manfaat yang maksimum kepada Islam dan umatnya jika ahli-ahli jamaah saling memberi pandangan dan teguran. Ide-ide yang cemerlang amat perlu agar jamaah dapat bergerak cemerlang dalam mencapai matlamat dan tujuannya. Teguran adalah penting agar kesilapan atau kekurangan jamaah serta para ahlinya dapat diperbetulkan. Tidak ada jamaah yang maksum.

Sikap saling memberi pandangan dan teguran hendaklah berlaku secara terbuka antara orang atasan jamaah dan ahli-ahli bawahannya. Tidak patut sesuatu pandangan atau teguran ditolak oleh orang atasan semata-mata kerana yang menyampaikannya adalah orang bawahan atau wanita.

Seandainya sesuatu pandangan atau teguran ditolak oleh orang atasan dengan

alasan yang tidak munasabah, ahli-ahli bawahan tidak perlu membodohkan diri untuk tetap berada dalam jamaah tersebut. Ingat! Tujuan anda dalam jamaah adalah untuk manfaat Islam dan umatnya, bukan mencari keredhaan orang-orang atasan jamaah tersebut. Tidak sepatutnya ahli jamaah yang cerdas memenjarakan ide-ide mereka yang cemerlang dan teguran-teguran yang benar semata-mata kerana orang yang diberi janji taat setia (*bai'ah*) tidak memiliki ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang.

Kelima:

Fenomena berbilang jamaah hanya akan dapat menghasilkan manfaat yang maksimum kepada Islam dan umatnya jika mereka saling bekerja sama. Tidak sepatutnya setiap jamaah mahu pun ahlinya duduk dalam kepompong tersendiri sahaja. Sebaliknya dinding kepompong hendaklah dirobohkan dan usaha dimulakan agar setiap jamaah dapat berbincang, bertukar pandangan dan bekerja sama antara satu sama lain.

Keenam:

Saya mendapat maklumbalas bahawa ada **segelintir** jamaah yang menggunakan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menerangkan kepentingan berjamaah untuk menarik ahli-ahli baru, memaksa ahli-ahli tersebut agar tetap setia dalam jamaah dan mendakwa jamaahnya sahajalah yang benar. Antara hadis yang dimaksudkan adalah:

أَلَا إِنَّ مِنْ قَبْلَكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِثْلَةً، وَإِنَّ

هَذِهِ الْمِلَّةُ سَتَفْتَرِقُ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ: ثِنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.

*Ketahuilah bahawa orang-orang sebelum kamu daripada Ahli Kitab telah berpecah kepada tujuh puluh dua kumpulan, dan sesungguhnya kumpulan ini (umat Islam) akan berpecah kepada tujuh puluh tiga (kumpulan), tujuh puluh dua daripadanya akan masuk neraka dan hanya satu daripadanya akan masuk syurga, iaitu al-Jamaah.*⁷⁰

ثَلَاثَةٌ لَا يُسْأَلُ عَنْهُمْ: رَجُلٌ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ، وَعَصَى إِمَامَهُ وَمَاتَ عَاصِيًّا....

*Tiga orang, jangan engkau bertanya tentang mereka: (1) seseorang yang memisahkan dirinya dari jamaah dan menderhakai imamnya dan mati dalam keadaan menderhaka...*⁷¹

فَإِنَّ يَدَ اللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ، وَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ يَرْتَكِضُ.

*Sesungguhnya tangan Allah bersama al-Jamaah dan sesungguhnya Syaitan berlari bersama orang yang memecah-belahkan al-Jamaah.*⁷²

Penggunaan hadis-hadis di atas dan lain-lain yang semakna dengannya atas

⁷⁰ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Daud, lihat *Sunan Abu Daud* – no: 442). Rujuk *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah*, hadis no: 203.

⁷¹ **Sahih:** Sebahagian hadis yang dikeluarkan oleh Ibn Hibban ia disahihkan oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*, hadis no: 4559.

⁷² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dan dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*, hadis no: 4557; demikian juga oleh al-Albani dalam *Sahih al-Jamii' al-Sagheir*, hadis no: 3621.

tujuan menarik ahli-ahli baru, memaksa ahli-ahli tersebut agar tetap setia dalam jamaah dan mendakwa jamaahnya sahajalah yang benar adalah satu kesalahan yang besar. Ini kerana *al-Jamaah* yang dimaksudkan dalam hadis tersebut adalah keseluruhan umat Islam. Dalam erti kata lain, hadis-hadis di atas menerangkan kepentingan untuk umat Islam bersatu (berjamaah) dan jika ada khalifah yang hak, hendaklah kita bersatu (berjamaah) dengan khalifah tersebut.⁷³

Hadis-hadis di atas tidak bermaksud jamaah-jamaah tertentu dengan amir-amirnya. Sesiapa yang menggunakan hadis-hadis di atas dan lain-lain yang semakna dengannya atas tujuan jamaahnya yang tersendiri, sungguh dia termasuk dalam kategori orang yang berdusta atas nama Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*. Dalam sebuah hadis yang sudah dihafal dan diketahui oleh semua orang, Rasulullah bersabda, maksudnya: ***“Jangan berdusta atas (nama)ku kerana sesungguhnya sesiapa yang berdusta atas (nama)ku, maka dia akan memasuki neraka.”***⁷⁴

Terdapat empat kategori orang yang berdusta atas nama Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

1. Orang yang mencipta sesuatu hadis lalu dia menyandarkannya kepada Rasulullah.
2. Orang yang menyampaikan sesuatu hadis tanpa dia sendiri mengetahui sama ada ia sahih atau tidak berasal daripada Rasulullah.
3. Orang yang mengatakan “Hadis ini sahih, Hadis itu *dha’if*” dan sebagainya

⁷³ Penjelasan lanjut tentang hadis-hadis tersebut boleh dirujuk d bahagian akhir buku saya *Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

⁷⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim, *al-Lu’ Lu’ wa al-Marjan*, hadis no: 1.

padahal dia sendiri tidak tahu menilai darjat hadis tersebut atau mengetahuinya daripada penilaian mana-mana ahli hadis yang muktabar.

4. Orang yang menyampaikan sesuatu hadis lalu ditarik maknanya jauh daripada makna asal yang ingin disampaikan oleh Rasulullah.

Orang-orang yang menggunakan hadis-hadis di atas dan lain-lain yang semakna dengannya atas tujuan jamaahnya yang tersendiri termasuk dalam kategori keempat di atas. Harapnya jamaah-jamaah Islam tidak terbabit dalam penggunaan hadis-hadis berkenaan kepentingan berjamaah untuk tujuan jamaahnya sendiri. Ada pun maklumbalas yang saya terima, harap ia adalah kes terpencil dan kesilapan tersebut akan segera diperbetulkan.

Demikian enam poin tambahan yang ingin saya sampaikan dalam kesempatan ini. Akhir kata, berjamaah atau tidak, dan jamaah yang mana, ia terpulang kepada penilaian setiap individu. Yang penting, jika anda memilih untuk menyertai mana-mana jamaah, pastikan anda memiliki adab, matlamat dan prioriti yang betul. Jika tulisan saya di atas menyesakkan dada, renungilah. Adakah saya yang menyesakkan dada anda atau anda yang selama ini menyesakkan dada sendiri?

Tahukah Anda Akan Orang Yang Mendustakan Agama?

Apabila ditanya soalan di atas, kemungkinan besar ramai yang akan menjawab: "Para peguam yang membela orang murtad, para aktivis Islam Liberal, golongan Anti Hadis....." dan seterusnya. Yang pasti ia bukan kita kerana kita mendirikan solat lima kali sehari, berpuasa pada bulan Ramadan, mengeluarkan zakat harta dan menunaikan haji. Justeru kita bukan di kalangan mereka yang mendustakan agama.

Sebenarnya yang bertanya soalan di atas adalah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melalui firman-Nya yang bermaksud: ***Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi Hari Pembalasan)?*** [al-Maun 107:1] Jawapannya yang mengikuti persoalan ini sangat jauh berbeza daripada apa yang disangkakan oleh kebanyakan kita. Ia bukan para peguam atau aktivis di atas dan ia juga bukan orang yang sengaja enggan solat, enggan puasa. Ini kerana jawapan-jawapan tersebut sudah diketahui ramai. Namun Allah menjawab dengan sesuatu yang jarang-jarang diberi perhatian oleh umat Islam, iaitu:

Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, Dan dia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. [al-Maun 107:2-3]

Demikian dua sifat orang-orang yang mendustakan agama dan Hari Pembalasan. Pertama adalah mereka yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim. Kedua adalah mereka yang tidak mengajak orang ramai melakukan kebajikan kepada mereka yang kurang bernasib baik, khasnya orang miskin.

Demikian dua kategori yang pada pengamatan saya, memang kurang diberi perhatian oleh umat Islam masa kini. Di antara dua kategori tersebut, saya

ingin memberi tumpuan kepada kategori pertama agar ia menjadi nasihat serta bimbingan kepada diri saya dan para pembaca sekalian.

Berbuat baik kepada anak yatim termasuk kesempurnaan tauhid.

Dalam surah al-Nisa, ayat 36, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman: ***Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik (ihsan) kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim***

Setelah memerintahkan kita beribadah kepada-Nya dan larangan daripada menyekutukan-Nya dengan apa jua, Allah Subhanahu wa Ta'ala melanjutkan kepada perintah berbuat ihsan kepada ibubapa, kaum kerabat dan anak yatim. Paling kurang terdapat dua pengajaran penting daripada ayat ini.

Pertama, ciri-ciri seorang Muslim yang mentauhidkan Allah tidak cukup sekadar beribadah kepadanya dan menjauhi perkara-perkara syirik, tetapi ia perlu disempurnakan dengan menjaga hubungan dengan sesama manusia. Hubungan ini dimulai dengan ibubapanya, kaum kerabatnya, anak yatim dan seterusnya. Seseorang yang tidak menjaga hubungan ini, bererti tauhidnya kepada Allah masih belum sempurna.

Kedua, hubungan yang perlu dijaga bukan sekadar kebiasaan, tetapi dengan kebaikan yang melebihi kebiasaan. Demikian maksud perkataan "ihsan" sebagaimana yang diterangkan oleh para ahli tafsir. Sifat ihsan ini lebih mudah difahami dengan cara kita mengandaikan anak yatim tersebut adalah anak kita sendiri yang pada satu ketika kita tinggalkannya kepada seseorang untuk menjaganya. Sudah tentu kita mahu agar orang tersebut melayan anak kita tidak sekadar kebiasaan tetapi dengan penuh kasih sayang, belaian dan perhatian. Andaian ini disebut sendiri oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam ayat berikut:

Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang dhaif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran). [al-Nisa' 4:09]

Justeru berdasarkan ayat-ayat di atas, dapat kita ketahui betapa pentingnya Islam memandang kepada anak yatim. Bagaimana kita berinteraksi dengan anak yatim bakal menentukan kedudukan di Hari Pembalasan, sama ada syurga atau neraka. Mudahnya, anak yatim mampu menolak kita ke neraka atau menarik kita ke syurga. Jika ke syurga, tidak cukup sekadar syurga tetapi kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana janji baginda: ***Aku dan orang yang menanggung anak yatim di syurga adalah seperti ini...baginda mengisyaratkan jari telunjuk dengan jari tengahnya.*** [Shahih al-Bukhari, hadis no: 6005]

Menyentuh tentang bagaimana kita berinteraksi dengan anak yatim, terdapat beberapa perkara yang saya rasa perlu diketengahkan.

Pertama: Boleh memarahi anak yatim dalam rangka mendidiknya.

Sebahagian orang ada yang berpandangan bahawa kita dilarang daripada memarahi anak yatim. Memarahi anak yatim dipandang sebagai menindas dan berlaku zalim, yang dilarang oleh ayat pertama dan kedua surah al-Maun di atas. Ini sebenarnya adalah satu salah faham. Larangan di atas ditujukan kepada mereka yang memandang hina anak yatim, lalu memarahinya kerana dia adalah anak yatim. Orang sebeginilah yang merupakan pendusta agama dan Hari

Pembalasan.

Selain dari itu, sebagai langkah terakhir dalam proses pendidikan, kita dibolehkan memarahi anak yatim sebagaimana anak-anak yang biasa. Jika anak yatim tersebut tetap malas, degil dan nakal setelah nasihat yang hikmah lagi bijaksana sudah disampaikan, maka memarahinya dibolehkan dalam rangka mendidiknya.

Ditekankan, bahawa kebolehan memarahi anak hanya sebagai langkah terakhir dan ia dilakukan dalam proses pendidikan. Memarahi anak secara kerap tidak akan membawa manfaat kepada proses pendidikan, malah merosakkannya. Di sini kita perlu berada dipertengahan antara dua ekstrim dalam pendidikan anak, iaitu di antara mereka yang asyik memarahi anak dan mereka yang asyik memanjakan anak.

Kedua: Anak yatim tidak mewarisi kesalahan ibubapanya.

Salah satu kepercayaan kurafat yang merupakan aqidah sebahagian besar masyarakat Islam kita adalah dosa warisan. Iaitu seseorang anak akan mewarisi dosa kesalahan yang dilakukan oleh ibubapanya. Jika kita membaca di akhbar laporan anak kecil yang sakit sekian-sekian memerlukan derma untuk menanggung kos perubatan, akan ada di kalangan kita yang ke hadapan menghulurkan derma: "Inilah adalah kesan daripada kesalahan ibubanya satu masa dahulu". Berbeza dengan kaum bukan Islam, mereka ke hadapan dengan mengambil pen dan menulis cek sumbangan RM sekian-sekian.

Anak yatim tidak terlepas daripada menjadi mangsa aqidah kurafat ini. Saya biasa menemui orang yang memandang hina kepada anak yatim dengan alasan kerana mereka adalah produk hubungan terlanjur sebelum bernikah. Ada juga yang pada mulanya diam, namun apabila melihat kerenah anak yatim yang

malas, kebelakang dalam pelajaran atau nakal, mereka memberi komen: "Inilah kesan-kesan kesalahan ibubapanya yang telah terlanjur". Padahal tidak semua anak yatim berasal daripada hubungan yang terlanjur.

Terlebih penting, sekali pun anak yatim tersebut berasal daripada hubungan yang terlanjur, mereka tidak sedikit jua mewarisi kesalahan "ibubapa" mereka. Ini kerana konsep dosa warisan, iaitu konsep dosa yang diperoleh secara *automatic* oleh anak daripada kesalahan ibubapanya, adalah aqidah yang berasal dari agama lain. Bagi Islam, setiap individu adalah dengan pahala atau dosanya sendiri tanpa dizalimi dengan cara dibebani secara *automatic* oleh dosa orang lain, termasuk ibubapanya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada Hari Kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka dia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dizalimi (sedikitpun). [al-An'aam 6:160]

Demikian juga tidak ada konsep "pahala warisan" dalam Islam sehingga seorang anak secara *automatic* mendapat pahala daripada amal kebajikan ibubapanya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri telah berpesan kepada kaum kerabatnya bahawa mereka tidak mewarisi pahala daripadanya di hadapan Allah kelak: ***Wahai Fathimah! Peliharalah diri engkau daripada api neraka. Sesungguhnya aku tidak memiliki apa-apa kekuasaan di hadapan Allah kecuali bahawa bagi kalian kekerabatan yang akan aku sambung dengan kalian.*** [Shahih Muslim, hadis no: 204]

Oleh itu kita semua perlu membersihkan aqidah kurafat "dosa dan pahala warisan" yang diyakini selama ini. Merujuk kepada anak yatim, mereka tidak mewarisi apa-apa dosa dan kesalahan daripada keterlanjuran "ibubapa" mereka. Seandainya anak yatim tersebut malas, kebelakang dalam pelajaran atau nakal,

maka ia adalah sifat fitrah mereka sebagai kanak-kanak. Ia tiada kaitan langsung dengan status diri mereka sebagai anak yatim.

Ketiga: Bijak dalam mengurus harta anak yatim.

Menyentuh persoalan harta anak yatim, ada empat ayat yang perlu kita kaji dan fahami:

Pertama: ***Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.*** [al-Nisa' 4:10]

Kedua: ***Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri).*** [al-An'aam 6:152 dan al-Isra' 17:34]

Ketiga: ***Dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah dia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang fakir maka bolehlah dia memakannya dengan cara yang sepatutnya.*** [al-Nisa 4:06]

Keempat: ***Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah: "Memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya", dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu; dan Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendaki tentulah Dia memberatkan kamu (dengan mengharamkan bercampur gaul dengan***

mereka). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. [al-Baqarah 2:220]

Ayat pertama mengharamkan penggunaan harta anak yatim oleh mereka yang menjaga secara khusus dan umat Islam secara umum. Ia membentuk hukum dasar bagi harta anak yatim, iaitu kita dilarang daripada menggunakannya. Namun terhadap pelarangan ini terdapat pengecualian (ayat kedua), iaitu apabila seseorang itu ingin menjaga keselamatan harta tersebut dengan menyimpannya dalam bank, atau mengembangkan harta tersebut melalui pelaburan, maka ia dibolehkan selagi mana dipastikan bahawa kemungkinan meraih keuntungan adalah jauh lebih tinggi daripada kemungkinan mendapat kerugian.

Pengecualian kedua merujuk kepada ayat ketiga (al-Nisa 4:06) dimana seorang penjaga anak yatim yang fakir dibolehkan mengambil sebahagian harta anak yatim untuk menampung kos penjagaannya. Pengambilan ini hendaklah dilakukan secara amanah dan pada kadar yang berpatutan. Setiap sen yang diambilnya akan diaudit semula oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada Hari Akhirat nanti.

Imam Ibn Katsir *rahimahullah* ketika membicara ayat keempat (al-Baqarah 2:220) mengemukakan beberapa riwayat bahawa apabila turun ayat pertama dan kedua di atas, para sahabat mengalami kesukaran untuk membezakan antara harta mereka dan harta anak yatim dalam hal-hal yang mudah bercampur. Antaranya berkenaan makanan, dimana dipisahkan antara makanan anak yatim dan makanan mereka. Jika makanan anak yatim ada yang terlebih, mereka tidak berani menyentuhnya sehingga makanan tersebut akhirnya rosak dan dibuang begitu sahaja.

Kesukaran ini kemudian dipermudahkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dimana mereka disuruh untuk tidak begitu ketat apabila berinteraksi dengan

harta anak yatim dalam hal-hal yang mudah bercampur. Para penjaga anak yatim tidak dituntut sehingga ke tahap memisah dan membezakan sesuatu perkara untuk kegunaan mereka atau kegunaan anak yatim. Sebaliknya dibolehkan menggunakannya secara bersama: ***"...jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu..."*** Namun semua ini hendaklah tetap dilakukan dengan sikap amanah kerana: ***"...Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya..."***

Keempat: Anak-anak yatim memerlukan keihsanan kita sepanjang tahun.

Berbuat ihsan kepada anak yatim tidak secukup sekadar sebulan. Maksud saya, *alhamdulillah*, memang ada sebahagian umat Islam yang prihatin berbuat ihsan kepada anak yatim. Namun kelihatannya keihsanan tersebut hanya dicurahkan dalam bulan Ramadhan. Ya! Dalam bulan Ramadan anak-anak yatim dicurahi dengan pelbagai jamuan berbuka puasa dan baju Raya.

Akan tetapi selepas bulan Ramadhan, anak-anak yatim kembali daripada Nasi Tomato dan Ayam Kurma kepada nasi keras dan ikan kering. Baju-baju yang diberi dipakai seharian berulang kali. Paling memberi kesan kepada mereka adalah kembalinya daripada perasaan diterima masyarakat kepada perasaan dipinggiri masyarakat.

Justeru bagi mereka yang berbuat ihsan kepada anak yatim pada bulan Ramadhan, lanjutkanlah ia pada bulan-bulan selepas Ramadhan, sepanjang tahun. Bagi mereka yang baru hendak mencuba-cuba berbuat ihsan kepada anak yatim, maka tak perlu tunggu pada bulan Ramadhan. Lakukanlah ia pada bila-bila masa anda berkesempatan. Firman Allah:

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka

ke timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, Hari Akhirat, segala malaikat, segala Kitab, dan sekalian Nabi; serta mendermanya seseorang akan hartanya sedang dia menyayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang yang terlantar dalam perjalanan, orang-orang yang meminta dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi;

Dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, kesakitan dan dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa. [al-Baqarah 2:177]

Antara Fahaman Wahabi dan Fenomena Murtad

Tanggal 27 November 2006 genaplah setahun laporan muka utama akhbar Mingguan Malaysia yang berjudul “Fahaman Wahabi Menular”. Kebanyakan kenyataan dalam laporan tersebut adalah tidak tepat sebagaimana yang telah dijelaskan oleh sahabat saya, Mohd. Yaakub bin Mohd. Yunus dalam bukunya *Fahaman Wahabi Menular: Satu Analisis Terhadap Dakwaan Yang Ditimbulkan Oleh Akhbar Utusan Malaysia* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2006. Namun ada dua kenyataan yang tepat dalam laporan tersebut.

- **Pertama:** Laporan tersebut menyatakan bahawa fahaman Wahabi sedang menular. Ini tepat, bahkan yang lebih jitu adalah fahaman Wahabi *memang sungguh-sungguh sedang* menular. Ia seumpama arus tsunami yang menenggelamkan pelbagai fahaman, pengaruh, jamaah dan aliran lain yang ada di Malaysia.
- **Kedua:** Laporan tersebut menyatakan bahawa fahaman Wahabi mendapat tempat di kalangan cerdik pandai umat Islam. Ini tepat, tetapi realiti masa kini ini membuktikan bahawa fahaman Wahabi juga sudah mendapat tempat di kalangan mereka yang pelbagai lapisan dan latarbelakang.

Apa Dan Kenapa Wahabi?

Saya biasa ditanya, apakah fahaman Wahabi. Jawapan saya mudah sahaja: Ia adalah pemikiran dan amalan Islam yang berdasarkan dalil dan hujah yang berbeza dengan kebiasaan pemikiran dan amalan masyarakat Malaysia. Soalan seterusnya,

kenapa fahaman Wahabi secara meluas mendapat tempat di kalangan umat Islam? Terdapat beberapa jawapan bagi persoalan ini:

Pertama: Fahaman ini memandang Islam sebagai suatu agama yang berdasarkan ilmu. Oleh itu ia tidak membicarakan Islam melainkan dengan metodologi ilmiah yang tinggi lagi berdisiplin. Fahaman ini menolak bicara Islam yang berdasarkan mitos, khayalan, cerita-cerita dongeng dan apa-apa yang seumpama. Dalam suasana umat Islam yang semakin meningkat kedudukan mereka dari sudut ilmu, mereka mula beralih kepada Islam yang berdasarkan ilmu, yakni dalil dan hujah.

Kedua: Fahaman ini meningkatkan lagi penghayatan umat Islam terhadap agama Islam. Jika sebelum ini umat hanya mengenal Islam berdasarkan hafalan “fardhu ain”, kini umat mula mengenal Islam berdasarkan dalil dan hujah. Umat Islam mula mengenal kenapa mereka beribadah dengan tatacara sekian-sekian, hikmah di sebalik sesuatu ibadah, tujuan di sebalik sesuatu hukum dan objektif yang ingin dicapai oleh syari’at kepada manusia.

Ketiga: Fahaman ini memberi penekanan kepada usaha tajdid, iaitu usaha membersihkan agama Islam dari pelbagai pencemaran sehingga ia kembali tulen. Ketulenan ini adalah sesuatu yang benar-benar asing kepada masyarakat sehingga mereka menganggap ia adalah sesuatu yang baru, sekali pun ia sebenarnya sudah wujud sejak lebih 1400 tahun yang lalu. Usaha tajdid memberi nafas yang baru kepada umat Islam. Mereka mula melihat keindahan, kemudahan dan kesyumulan Islam sebagaimana yang dilihat oleh generasi pertama yang menerimanya secara tulen daripada Rasulullah s.a.w..

Keempat: Fahaman ini menyentuh isu-isu terkini lagi relevan dengan suasana

umat Islam. Sebagai contoh, apabila fahaman yang lain masih memberi perhatian kepada hukum berwudhu' dengan air perigi, fahaman ini memberi perhatian kepada hukum berwudhu' dalam kapalterbang. Apabila fahaman lain memberi perhatian kepada cara berzikir di atas pokok, fahaman ini memberi perhatian kepada cara beribadah di atas kenderaan moden seperti LRT, Monorail, Komuter dan sebagainya. Oleh itu tidak asing juga apabila didapati antara yang kehadapan dalam menangani isu-isu liberalisme, pluralisme, feminisme dan athiesisme adalah tokoh-tokoh yang disandarkan kepada fahaman ini.

Kelima: Fahaman ini tidak membataskan ahli-ahlinya kepada jamaah tertentu. Tidak ada sistem mendaftar keahlian, berbai'ah kepada amir, perlantikan ahli jawatan kuasa tahunan dan lain-lain yang biasa ditemui dalam jamaah-jamaah Islam. Seseorang itu boleh sahaja mengikuti fahaman ini dan pada waktu yang sama terus bergiat aktif dengan jamaah yang dianggotainya. Hanya saja fahaman ini mengingatkan umat Islam agar membetulkan tujuan mereka bergiat aktif di dalam sesuatu jamaah. Hendaklah tujuan tersebut demi kebaikan Islam dan umatnya, bukan demi memelihara maruah jamaah dan menjaga kedudukannya sebagai yang terbaik berbanding jamaah-jamaah yang lain.

Di Mana Salahnya Dengan Fahaman Wahabi?

Secara umum, tidak ada yang salah dengan fahaman Wahabi kecuali namanya. Memang, ada segelintir orang yang mengikuti fahaman ini dengan semangat yang mendahului ilmu dan kematangan sehingga mereka berlebih-lebihan dalam mengkritik dan mencela. Namun tindakan segelintir tidak boleh dijadikan hujah untuk menghitamkan keseluruhan fahaman ini dan majoriti yang mengikutinya berdasarkan

ilmu dan kematangan.

Fahaman Wahabi bukanlah sesuatu yang asing dalam Islam atau terkeluar dari *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Malah ia lebih mendekati Islam yang sebenar dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang tulen. Terkecuali adalah nama “Wahabi” yang disandarkan kepada fahaman ini, ia adalah nama yang sengaja digunakan oleh **sebahagian** agamawan sebagai senjata untuk menakutkan orang ramai dan menjauhkan mereka daripada fahaman yang murni ini. Kenapakah perlu ditakut dan dijauhkan orang ramai daripada fahaman ini? Paling kurang ada dua sebab utama:

Sebab Pertama: Apabila fahaman ini membicarakan Islam berdasarkan metodologi ilmiah, akan terbongkar kesilapan, kedongengan dan kepalsuan apa yang selama ini disampaikan oleh para agamawan tersebut. Dalam menghadapi suasana ini, para agamawan terbahagi kepada dua kategori:

- Pertama adalah mereka yang bekerjaya dalam jurusan agama berdasarkan sikap jujur lagi amanah. Mereka membetulkan apa yang pernah disampaikan sebelum ini seandainya ia sememangnya tidak tepat.
- Kedua adalah mereka yang bekerjaya dalam jurusan agama kerana maruah dan status. Mereka sukar untuk mengakui bahawa apa yang mereka sampaikan sebelum ini adalah tidak tepat. Maka mereka mencari helah untuk menakutkan orang ramai dan menjauhkan mereka dari kebenaran tersebut. Helah tersebut adalah: “Berhati-hatilah dengan fahaman Wahabi kerana ia terkeluar dari *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.....”

Sebab Kedua: Fahaman ini benar-benar mendapat sambutan daripada umat Islam sehingga kuliah-kuliah pimpinan tokohnya dibanjiri oleh hadirin daripada pelbagai latarbelakang. Suasana ini bertolak belakang dengan kuliah-kuliah pimpinan

para agamawan yang semakin lengang sehingga akhirnya ia dibatalkan oleh pihak penganjur. Dalam menghadapi suasana ini, sekali lagi para agamawan terbahagi kepada dua kategori:

- Pertama adalah mereka yang memiliki sikap yang positif dimana dengan sikap tersebut mereka berusaha untuk mempertingkatkan mutu kuliah yang disampaikan, selari dengan kehendak para hadirin.
- Kedua adalah mereka yang memiliki sikap yang negatif dimana mereka enggan mempertingkatkan mutu kuliah yang disampaikan. Pada waktu yang sama mereka tidak boleh berdiam diri kerana semua ini melibatkan sumber pendapatan mereka. Dengan berkurangnya jemputan, berkuranglah juga pendapatan. Maka mereka perlu mencari helah untuk menjanakan kembali sumber pendapatan dengan berkata: “Berhati-hatilah dengan kuliah orang-orang Wahabi, mereka itu ditaja oleh pihak Barat.....”

Fenomena Murtad: Ada Sesuatu Yang Tertinggal?

Sejak beberapa bulan yang lepas, umat Islam Malaysia dikejutkan dengan fenomena murtad. Tidak sekadar itu, ia dihangatkan dengan usaha pihak-pihak tertentu yang ingin menukar perundangan negara bagi menghalalkan fenomena murtad. Semua ini menyebabkan umat Islam tanah air daripada pelbagai lapisan bangun memberi tumpuan kepada fenomena murtad. Pelbagai seminar, media cetak dan forum di internet memberi tumpuan kepada fenomena ini secara meluas dan mendalam.

Saya sendiri, sekadar termampu, turut mengikuti perbincangan berkaitan fenomena murtad. Namun sekadar apa yang dapat diikuti, saya dapati tumpuan hanya diberikan kepada menghukum orang yang murtad dan menjaga akta hukuman tersebut

agar ia tidak dimansuhkan atau diubah-suai. Saya rasa ada sesuatu lain yang ketinggalan daripada perbincangan atau tumpuan tersebut.

Sebelum saya menjelaskan apa yang “tertinggal”, izinkan saya memberi satu contoh terlebih dahulu. Umpamakan sebuah kolej pengajian tinggi yang memiliki 1000 penuntut. Dalam peperiksaan akhir semester, 200 daripada penuntutnya gagal. Dalam menghadapi fenomena kegagalan yang agak besar jumlahnya, adakah pihak pengurusan kolej akan memberi tumpuan kepada menggugurkan para penuntut tersebut atau memberi tumpuan kepada faktor yang menyebabkan para penuntut tersebut gagal? Saya yakin para pembaca sekalian akan memilih jawapan yang kedua. Adakah para pensyarahnya cuai? Adakah suasana bilik kuliah tidak konduktif untuk belajar? Adakah buku-buku kuliah tidak mencukupi? Adakah soalan peperiksaan terkeluar dari silibus? Adakah para penuntut itu sendiri memiliki masalah peribadi yang mengganggu pembelajaran mereka? Dan begitulah seterusnya. Ringkasnya dalam menghadapi fenomena kegagalan ini, kita sepatutnya memberi tumpuan kepada persoalan “kenapa” gagal dan bukannya bagaimana “menghukum” mereka yang gagal.

Kembali kepada fenomena murtad, saya tidak menafikan kepentingan hukum dan status akta hukuman tersebut dalam perundangan negara. Namun ada sesuatu yang saya rasa turut memiliki kepentingan yang telah tertinggal daripada perbincangan mengenai fenomena murtad. Iaitu: Kenapakah seseorang itu ingin murtad? Betulkan saya, tetapi benarkah jika saya katakan persoalan “kenapa” murtad telah tertinggal daripada tumpuan dan perbincangan tentang fenomena murtad?

Adakah mereka ingin murtad kerana menganggap Islam adalah agama ciptaan manusia sebagaimana agama lain? Kenapakah mereka tidak dapat melihat keindahan Islam sehingga ingin murtad? Adakah mereka ingin murtad kerana selama ini diajar

Allah adalah tuhan yang suka menghukum dan mengazab? Adakah mereka ingin murtad kerana selama ini dibebani dengan hukum-hukum yang pada asalnya tidak wujud dalam al-Qur'an dan al-Sunnah? Adakah mereka ingin murtad kerana menganggap Islam tidak lagi relevan untuk menangani isu-isu mutakhir? Adakah para muslimah ingin murtad kerana menganggap Islam menzalimi mereka sebagai seorang wanita? Kenapakah mereka ingin memilih agama-agama masa kini, iaitu isme-isme ciptaan manusia dan meninggalkan agama yang diturunkan oleh Allah yang mencipta manusia itu sendiri?

Demikian beberapa persoalan yang patut diberi tumpuan dalam menangani fenomena murtad. Memberi tumpuan kepada “hukum” murtad tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi, kerana mereka yang ingin murtad akan terus bertambah selagi mana persoalan “kenapa” murtad tidak diberi tumpuan.

Antara Fahaman Wahabi Dan Fenomena Murtad.

Mungkinkah ada kaitan antara fahaman Wahabi dan fenomena murtad? Jika dikaji persoalan-persoalan “kenapa” ingin murtad, akan diketahui bahawa fahaman yang mampu menjawab persoalan tersebut adalah fahaman Wahabi. Ini bukanlah satu kenyataan yang berlebih-lebihan. Banyak orang yang telah meningkat penghayatannya tentang Islam kerana fahaman ini. Banyak orang yang telah meningkat kecintaannya kepada Allah dan Rasulullah kerana fahaman ini. Banyak orang yang telah sedar keunggulan Islam di atas pelbagai agama atau isme lain kerana fahaman ini. Banyak orang yang telah menemui jawapan bagi persoalan yang tersimpan dalam jiwanya sejak kecil melalui fahaman ini. Oleh itu jika kita benar-benar ingin menangani fenomena murtad, hendaklah kita memberi tumpuan kepada

fahaman ini sebagai salah satu jalan penyelesaian.

Kepada mereka yang belum kenal fahaman Wahabi atau selama ini telah diperdaya dengan helah memburuk-burukkan fahaman Wahabi, maka sudah masanya anda bersikap adil kepada diri anda sendiri dan melakukan anjakan paradigma untuk mula mengkaji dan mengenalnya. Anda tidak perlu menggelar diri anda: “Saya seorang Wahabi”, tetapi bersiap-sedialah digelar “Wahabi” semata-mata kerana pemikiran dan amalan anda yang berdasarkan dalil dan hujah sudah berbeza dengan kebiasaan pemikiran dan amalan masyarakat.

Kepada mereka yang menakut-nakutkan orang ramai daripada fahaman Wahabi, ketahuilah bahawa anda sebenarnya menghalang orang ramai daripada jalan Allah dan menjadikan jalan tersebut seolah-olah bengkok lagi sesat. Orang seperti anda telah disentuh oleh Allah s.w.t. dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Ketahuilah (sesungguhnya) laknat Allah tertimpa kepada orang-orang yang zalim! (Iaitu) orang-orang yang menghalang dirinya sendiri dan orang lain dari jalan Allah dan berusaha supaya jalan itu menjadi bengkok terpesong, sedang mereka pula ingkarkan Hari Akhirat. Mereka itu tidak akan dapat melemahkan kekuasaan Allah daripada menimpakan mereka dengan azab di dunia, dan tidak ada pula bagi mereka yang lain dari Allah sesiapaupun yang dapat menolong melepaskan mereka dari seksa-Nya. Azab untuk mereka akan digandakan (kerana mereka sangat bencikan jalan Allah), sehingga mereka tidak tahan mendengarnya dan tidak pula suka melihat tanda-tanda kebenarannya. Merekalah orang-orang yang merugikan diri sendiri dan hilang lenyaplah dari mereka apa yang mereka ada-adakan. Tidak syak lagi, bahawa sesungguhnya merekalah yang paling rugi pada Hari Akhirat kelak.” [Hud 11, ayat 18-22]

Selangkah Ke Arah Memahami al-Sunnah
Dua Langkah Ke Arah Akhlak Yang Menepati al-Sunnah⁷⁵

Satu arus mutakhir yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa jua yang bersikap jujur terhadap dirinya adalah arus kesungguhan umat Islam untuk mempelajari dan mempraktikkan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sebut sahaja tentang wudhu', mandi, sembahyang, puasa, Hari Raya, zikir dan lain-lain, umat Islam tanah air bersungguh-sungguh ingin mengetahui apa dan bagaimana sunnah Rasulullah terhadapnya, kemudian mereka berlumba-lumba untuk mempraktikkannya.

Kesungguhan ini tidak terbatas kepada amal ibadah sahaja. Mereka memperluaskannya kepada pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan dengan sunnah Rasulullah, seperti ilmu hadis bagi membezakan antara sunnah yang sahih dan yang tidak sahih, ilmu usul fiqh bagi membezakan antara sunnah yang termasuk dalam syari'at Islam dan yang tidak termasuk dalam syari'at Islam serta ilmu bagi membezakan antara sunnah dan bid'ah.

Memang, sekali sekala timbul kecaman daripada pihak atau individu tertentu untuk menghalang atau mengubah haluan arus al-Sunnah ini. Namun kecaman mereka tidak lain hanya menderaskan arus ini, sebegitu deras sehingga akhirnya menenggelamkan kecaman-kecaman tersebut.

⁷⁵

Tulisan ini merupakan kertas kerja sisipan kepada seminar *Selangkah Ke Arah Memahami al-Sunnah* yang diadakan pada 3 Disember 2006 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Petaling Jaya.

Sesuatu Yang Tertinggal Daripada Arus al-Sunnah Mutakhir.

Merujuk kepada arus yang sedang mengalir pantas di tanah air mutakhir ini, pada pengamatan saya terdapat satu bab daripada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang tertinggal, atau sekurang-kurangnya jarang diberi perhatian. Bab tersebut adalah akhlak yang mulia.

Saya perhatikan:

- Ada yang sembahyangnya menepati *Sifat Solat Nabi Dari Takbir Hingga Salam*, tetapi kerja di pejabat menepati sifat orang malas dari lapan pagi hingga lima petang.
- Ada yang selepas sembahyang zikirnya dengan suara yang perlahan, tetapi dalam bilik kuliah suaranya paling kuat menyebarkan gosip berkenaan pensyarah dan pelajar.
- Ada yang berdisiplin menjaga waktu ketika berpuasa, iaitu mengakhirkan waktu sahur dan mengawalkan waktu berbuka, tetapi tidak berdisiplin dalam menjaga waktu temujanji.
- Ada yang terang-terangan memberi peringatan tentang kesalahan riba, tetapi sengaja melengahkan pembayaran, atau pura-pura lupa, apabila berhutang tanpa riba daripada rakan perniagaannya.
- Ada yang tegas dengan hanya menerima hadis daripada para perawi yang jujur lagi dipercayai, tetapi dia sendiri tidak jujur dan tidak boleh dipercayai apabila berinteraksi dengan orang lain.
- Ada yang bersungguh-sungguh mempelajari ilmu berkaitan al-Sunnah, tetapi

tidak tahu sunnah-sunnah Rasulullah apabila menjadi tetamu atau tuan rumah.

- Ada yang mulutnya tidak pernah kering daripada perbincangan sunnah dan bid'ah, tetapi ibubapanya dibiarkan kekeringan di kampung.

Sebenarnya akhlak yang mulia memiliki kedudukan yang amat penting dalam Islam secara umum dan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* secara khusus. Keutamaan memiliki akhlak yang mulia terserlah apabila Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menonjolkan kemuliaan akhlak Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan menyuruh sesiapa yang menginginkan keredhaan Allah dan balasan baik pada Hari Akhirat agar meneladani akhlak tersebut. Allah menonjolkan akhlak Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, berdasarkan ayat:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ.

Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia.⁷⁶

Allah menyuruh kita meneladani akhlak Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berdasarkan ayat:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا.

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah

⁷⁶

al-Qalam 68:04

*banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).*⁷⁷

Tidak sekadar itu, Rasulullah juga menerangkan bahawa antara tujuan utama baginda diutus ialah untuk menyempurnakan manusia dengan akhlak yang shalih. Baginda bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

*Sesungguhnya aku diutus tidak lain untuk menyempurnakan akhlak yang shalih.*⁷⁸

Oleh kerana itu dalam banyak hadis-hadisnya, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* amat memberi penekanan kepada akhlak yang mulia. Antaranya, akhlak yang mulia mencerminkan kesempurnaan iman:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا.

*Mukmin yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya.*⁷⁹

Akhlak yang mulia merupakan ibadah yang paling memberatkan timbangan amal:

مَا مِنْ شَيْءٍ أَثْقَلُ فِي الْمِيزَانِ مِنْ حُسْنِ الْخُلُقِ.

⁷⁷ al-Ahzab 33:21

⁷⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Adab al-Mufrad* (Muassasah al-Rayyan, Beirut, 2004), hadis no: 273.

⁷⁹ **Hasan Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* (Maktabah al-Ma‘arif, Riyadh, 2000) – hadis no: 1162.

Tiada sesuatu yang lebih memberatkan timbangan (pada Hari Akhirat) berbanding akhlak yang baik.⁸⁰

Orang yang memiliki akhlak yang mulia menjadi orang yang dicintai oleh Allah:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الرَّفِيقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ.

Sesungguhnya Allah menyukai sikap lemah lembut dalam segala urusan.⁸¹

Dalam riwayat yang lain, para sahabat *radhiallahu anhu* pernah bertanya: “***Siapakah orang yang paling dicintai oleh Allah?***” Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* menjawab: “***Orang yang paling baik akhlaknya.***”⁸²

Orang yang memiliki akhlak yang mulia juga menjadi orang yang dicintai oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* dan menduduki tempat yang hampir dengan baginda di Hari Akhirat:

⁸⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* (Maktabah al-Ma‘arif, Riyadh, 2000) – hadis no: 4799.

⁸¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* (diteliti oleh Fu‘ad ‘Abd al-Baqi; edisi cdrom *Mausu‘ah al-Hadits al-Syarif* v2.1, www.harf.com) – hadis no: 2165.

⁸² **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani dan dikemukakan oleh al-Hafiz al-Haitsami dalam *Majma al-Zawa‘id* dan beliau berkata: “Riwayat al-Thabarani dan para perawinya adalah perawi yang sahih.” Rujuk *Bughyah al-Ra‘id fi Tahqiq Majma’ al-Zawa‘id wa Manba’ al-Fawa‘id* (diteliti oleh ‘Abd Allah Muhammad al-Darwish; Dar al-Fikr, Beirut, 1994) – hadis no: 12691. Sebelum itu ia juga dikemukakan oleh al-Hafiz al-Dimyathi dalam *al-Matjar al-Rabih* dan beliau berkata: “Riwayat al-Thabarani dengan isnad yang menepati syarat sahih.” Hadis ini juga disahihkan oleh Zakaria bin Ghulam al-Pakistani, peneliti kitab *al-Matjar al-Rabih*. Rujuk *Shahih al-Matjar al-Rabih fi Tsawab al-‘Amal al-Shalih* (Dar Ibn Hazm, Beirut, 2001) – hadis no: 908.

إِنَّ مِنْ أَحَبِّكُمْ إِلَيَّ وَأَقْرَبَكُمْ مِنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَحَاسِنُكُمْ أَخْلَاقًا وَإِنَّ أَبْغَضَكُمْ إِلَيَّ وَأَبْعَدَكُمْ مِنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ الثَّرْتَارُونَ وَالْمُتَشَدِّقُونَ وَالْمُتَفَيِّهُونَ.

*Sesungguhnya orang yang paling aku cintai di antara kalian dan yang paling hampir tempat duduknya dengan aku pada Hari Kiamat adalah orang yang paling baik akhlaknya. Dan sesungguhnya orang yang paling tidak aku sukai dan paling jauh tempat duduknya dari aku pada Hari Kiamat adalah orang yang banyak berbicara, bermulut besar dan sombong.*⁸³

Akhlak yang mulia menghiasi seseorang:

إِنَّ الرِّفْقَ لَا يَكُونُ فِي شَيْءٍ إِلَّا زَانَهُ وَلَا يُنْزَعُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا شَانُهُ.

*Sesungguhnya tidaklah sikap lemah lembut terdapat pada sesuatu melainkan ia menghiasinya dan tidaklah ia (sikap lemah lembut) tercabut dari sesuatu melainkan ia memburukkannya.*⁸⁴

Akhlak yang mulia merupakan salah satu faktor untuk memperoleh kejayaan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala:

إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرِّفْقَ وَيُعْطِي عَلَى الرِّفْقِ مَا لَا يُعْطِي عَلَى الْعُنْفِ وَمَا لَا يُعْطِي عَلَى مَا سِوَاهُ.

Sesungguhnya Allah Maha Pelembut dan menyukai sikap lemah lembut,

⁸³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2018.

⁸⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2594.

Dia memberi terhadap kelembutan apa yang tidak diberi terhadap kekasaran dan tidak memberi apa jua (terhadap sikap yang menyelisihi kelembutan).⁸⁵

Jika hadis-hadis di atas hanya menerangkan keutamaan akhlak yang mulia secara umum, berikut dikemukakan beberapa hadis yang bersifat khusus:

- **Akhlak kepada ibubapa:**

Rasullullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

رَضِيَ الرَّبُّ فِي رَضَى الْوَالِدِ وَسَخَطُ الرَّبِّ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ.

Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa.⁸⁶

- **Akhlak kepada jiran:**

Rasullullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ لَا يَأْمَنُ جَارُهُ بَوَائِقِهِ.

Tidak akan masuk syurga sesiapa yang jirannya tidak aman dari gangguannya.⁸⁷

- **Akhlak kepada sesama umat:**

Rasullullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

⁸⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2593.

⁸⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh, 1995) – hadis no: 515.

⁸⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 46.

لَا تَحْقِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوفِ شَيْئًا وَلَوْ أَنْ تَلْقَى أَخَاكَ بِوَجْهِ طَلْقٍ.

*Jangan sekali-kali meremehkan sesuatu kebaikan walau pun sekadar bermuka manis apabila bertemu dengan saudara kamu.*⁸⁸

- Akhlak dalam mengajar agama:

Rasullullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى رَضِيَ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ الْيُسْرَ وَكَرَهُ لَهَا الْعُسْرَ.

*Sesungguhnya Allah Ta'ala meredhai kemudahan untuk umat ini dan membenci kesukaran untuknya.*⁸⁹ Sehubungan dengan ini, dalam sebuah hadisnya yang masyhur baginda berpesan, maksudnya: “*Permudahkanlah dan jangan menyusahkan, gembirakanlah dan jangan menakutkan.*”⁹⁰

- Akhlak dalam kerjaya:

Rasullullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُثِقَنَهُ.

Sesungguhnya Allah Ta'ala menyukai apabila seseorang kalian bekerja, dia

⁸⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2626.

⁸⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani dan dikemuka serta disahihkan oleh al-Sayuthi dalam *al-Jami' al-Shagheir* – hadis no: 1742. Ia juga dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami' al-Shagheir* (al-Maktab al-Islami, Beirut, 1988) – hadis no: 1769.

⁹⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* (diteliti oleh Fu'ad 'Abd al-Baqi; edisi cdrom *Mausu'ah al-Hadits al-Syarif v2.1*, www.harf.com) – hadis no: 69.

*bekerja dengan cemerlang.*⁹¹

- Akhlak dalam berbicara:

Rasullullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.

*Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, hendaklah dia berkata-kata yang baik atau diam.*⁹²

- Akhlak dalam menjual beli:

Rasullullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى وَإِذَا اقْتَضَى.

*Semoga Allah merahmati orang yang berlebih kurang apabila menjual, apabila membeli dan apabila meminta bayaran hutang.*⁹³

Demikian tujuh contoh hadis-hadis berkaitan akhlak mulia yang secara khusus merujuk kepada sesuatu perhubungan. Dua perkara yang perlu dicatatkan:

1. Perhatikan bahawa hadis-hadis di atas mengaitkan akhlak yang mulia dengan keredhaan Allah, kesempurnaan iman dan balasan pada Hari Akhirat. Semua ini menunjukkan bahawa akhlak yang mulia bukan sesuatu yang memiliki kedudukan “biasa-biasa” dalam Islam, melainkan kedudukan amat penting

⁹¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Baihaqi dan dinilai sahih oleh Mokhtar Ahmad Nadwi dalam semakannya ke atas *Syu'ab al-Iman* (Dar al-Salafiyyah, Bombay, 1988) – hadis no: 4930.

⁹² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 47.

⁹³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 2076.

sehingga ke tahap mempengaruhi kedudukan seseorang di sisi Allah, Islam dan Hari Akhirat.

2. Setiap satu daripada tujuh contoh di atas memiliki perbincangan yang amat luas. Para ilmuwan Islam telah menulis karya-karya khusus mengenainya. Ada yang khusus mengenai akhlak terhadap ibubapa, khusus mengenai hubungan dengan jiran, khusus mengenai adab sesama manusia sama ada Islam, bukan Islam tetapi neutral dan yang memusuhi Islam, adab-adab berdakwah, akhlak di tempat kerja, adab-adab lisan dan seterusnya. Sebahagian daripada karya-karya ini amat tebal lagi besar, menandingi karya dalam bab solat atau puasa. Semua ini menunjukkan bahawa akhlak adalah salah satu jurusan tersendiri dalam Islam yang perlu diraih ilmunya, teori dan praktikal, oleh kita semua.

Cara Meraih Akhlak Mulia.

Berdasarkan hadis-hadis di atas, maka menjadi satu keperluan agar umat Islam yang bersungguh-sungguh untuk mempelajari dan mempraktikkan al-Sunnah memberi perhatian yang sewajarnya kepada bab akhlak. Tidaklah sempurna ikutan seseorang kepada sunnah Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* jika dia mengabaikan bab akhlak. Terdapat beberapa cara untuk mempelajari dan mempraktikkan akhlak yang mulia. Berikut dijelaskan cara-cara tersebut.

Pertama:

Akhlak yang mulia bukanlah sesuatu yang terjadi secara tersendiri. Ia memerlukan ilmu dan latihan. Oleh itu sebagaimana kita meluangkan masa dan tenaga

untuk mempelajari wudhu, sembahyang dan puasa, kita juga perlu meluangkan masa dan tenaga untuk mempelajari akhlak yang mulia.

Selain itu akhlak yang mulia bukanlah teori semata-mata, ia adalah amalan praktikal. Maka akhlak mulia yang dipelajari perlu dipraktikkan melalui latihan dan penerapan yang bertahap-tahap.

Tidak perlu menyertai mana-mana tareqat atau mendalami jurusan tasawuf untuk belajar dan berlatih meraih akhlak yang mulia. Ini kerana, sejauh pengamatan saya, tidak ada tareqat atau jurusan tasawuf pada masa kini yang berjaya mendidik dan melatih anak muridnya dengan akhlak yang mulia. Mungkin ada yang berjaya, tetapi ia amat terpencil dan belum saya temui.⁹⁴

Kedua:

Melazimkan diri bersahabat dengan orang yang berakhlak mulia sangat membantu untuk kita belajar dan melatih diri dengan akhlak tersebut. Pengaruh sahabat kepada diri seseorang amatlah besar dan ini digambarkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai berikut:

إِنَّمَا مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالْجَلِيسِ السَّوِّءِ كَحَامِلِ الْمِسْكِ وَنَافِخِ الْكِيرِ
فَحَامِلُ الْمِسْكِ إِمَّا أَنْ يُحْذِيكَ وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً

⁹⁴

Kenyataan di atas berdasarkan interaksi saya bersama ratusan orang yang menyandarkan diri kepada tareqat dan tasawuf, tetapi pada waktu yang sama merupakan orang yang paling biadap terhadap Allah, Rasul-Nya dan sesama manusia. Saya tidak memusuhi tasawuf mahu pun membenci para tokohnya, tetapi sekadar mencerminkan hakikat sebenar tasawuf pada masa kini. Bezakan, bahawa musuh sebenar bagi tasawuf bukanlah para pengkritiknya, tetapi orang-orang yang mencipta pelbagai bid'ah dan kurafat lalu menyandarkannya kepada ilmu tasawuf atau sesuatu tareqat.

وَنَافِخُ الْكَيْرِ إِمَّا أَنْ يُحْرِقَ ثِيَابَكَ وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا خَبِيثَةً.

Sesungguhnya perumpamaan teman yang salih dan teman yang buruk hanyalah seumpama pembawa minyak wangi dan peniup tungku api seorang tukang besi. Bagi pembawa minyak wangi, boleh jadi sama ada dia memberinya kepada kamu (minyak wangi) atau kamu membeli daripadanya (minyak wangi) atau kamu mendapat bau harum daripadanya. Bagi peniup tungku api seorang tukang besi, boleh jadi sama ada ia akan membakar pakaian kamu (kerana kesan tiupan api) atau kamu mendapat bau yang tidak sedap daripadanya (bau besi).⁹⁵

Ketiga:

Poin di atas tidaklah bererti kita mengabaikan sahabat-sahabat lain seandainya mereka memiliki akhlak yang kurang baik. Ini kerana Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* pernah berpesan:

الْمُؤْمِنُ الَّذِي يُخَالِطُ النَّاسَ وَيَصْبِرُ عَلَى أَدَاهُمْ أَعْظَمُ أَجْرًا مِنَ الَّذِي لَا يُخَالِطُهُمْ وَلَا يَصْبِرُ عَلَى أَدَاهُمْ.

Orang mukmin yang bergaul dengan manusia dan bersabar terhadap perbuatan mereka yang menyakitkan lebih besar pahalanya berbanding orang mukmin yang tidak bergaul dengan manusia dan tidak bersabar terhadap perbuatan mereka yang menyakitkan.⁹⁶

⁹⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 2628.

⁹⁶ **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan sanadnya dinilai sahih oleh Syu‘aib al-Arna‘uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad* (Muassasah al-Risalah, Beirut, 1996) – hadis no: 5022.

Oleh itu hendaklah kita menjadi sahabat yang seumpama “*pembawa minyak wangi*” apabila berinteraksi dengan sahabat-sahabat yang kurang baik akhlaknya. Semoga dengan itu mereka sedikit sebanyak dapat menerima bau harum daripada kita.

Sikap yang sama, iaitu akhlak yang baik, hendaklah ditonjolkan apabila berinteraksi dengan orang yang bukan sahaja memiliki akhlak yang kurang baik, tetapi memusuhi kita dengan akhlak yang menggerunkan. Maka sikap kita adalah sepertimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam ayat berikut:

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ.

*Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.*⁹⁷

Keempat:

Akhlak yang mulia adalah seumpama sesuatu yang hidup. Adakalanya ia menyerlah, adakalanya ia tersembunyi dan adakalanya terlepas lari. Justeru sekali pun kita cuba beriltizam dengan akhlak yang mulia, kita tidak boleh nafikan hakikat bahawa adakalanya ia bersembunyi sehingga kita terlupa tentangnya atau ia terlepas sehingga kita bertindak dengan sesuatu yang tidak menepati ciri akhlak mulia. Oleh itu hendaklah kita sentiasa mengukur pembawaan diri dan membetulkannya seandai

⁹⁷

al-Fussilat 41:34

akhlak yang mulia tersebut bersembunyi atau terlepas.

Jika hal di atas dapat berlaku kepada kita, maka ia juga dapat berlaku kepada orang lain. Maka maafkanlah mereka dan perbetulkanlah mereka dengan cara yang baik lagi hikmah.

Kedua-dua perkara ini, iaitu membetul diri sendiri dan memaafkan orang lain disebut oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ
لِلْمُتَّقِينَ أَعَدَّتْ (133) الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاطِمِينَ الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ
النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ (134) وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ
ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرِ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا
فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ (135) أُولَٰئِكَ جَزَاؤُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ تَجْرِي
مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَنِعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ (136).

Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang seluas segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa;

Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik;

Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun

akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).

Orang-orang yang demikian sifatnya, balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka dan Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan yang demikian itulah sebaik-baik balasan (bagi) orang-orang yang beramal.⁹⁸

Kelima:

Semua usaha tidak akan sempurna tanpa doa dan usaha untuk mempelajari serta mempratikkan akhlak mulia juga tidak akan sempurna tanpa doa. Terdapat beberapa hadis yang mengajar doa meraih akhlak yang mulia, satu daripadanya yang ringkas tetapi padat adalah:

اللَّهُمَّ أَحْسَنْتَ خَلْقِي فَأَحْسِنْ خُلُقِي.

Ya Allah! Engkaulah sebaik-baik pencipta, maka perbaikilah akhlak aku.⁹⁹

Selangkah Ke Arah Memahami al-Sunnah, Dua Langkah Ke Arah Akhlak Yang Menepati al-Sunnah.

Usaha untuk memahami al-Sunnah tidak boleh meminggirkan usaha untuk

⁹⁸ Ali Imran 3:133-136

⁹⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad* (Muassasah al-Risalah, Beirut, 2001) – hadis no: 24392.

mempelajari dan mempraktikkan akhlak yang mulia. Paling kurang terdapat tiga sebab yang utama:

1. Akhlak yang mulia merupakan sebahagian daripada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Meminggirkan bab akhlak bererti mengambil sebahagian sunnah dan meninggalkan sebahagian yang lain. Ini sinonim dengan tindakan *Ahl al-Bid'ah* dan orang-orang yang enggan mengikuti sunnah, iaitu mengambil sunnah sekadar yang menepati citarasa mereka dan meninggalkan sunnah yang selainnya.
2. Akhlak yang menepati sunnah Rasulullah lebih jelas terserlah kepada orang awam daripada ibadah yang menepati sunnah Rasulullah. Hakikat ini menyebabkan orang awam yang sebelum ini belum mengenali sunnah baginda berubah kepada ingin mengenali, mempelajari dan mempraktikkannya. Ini tidak terhad kepada bab akhlak sahaja tetapi meluas kepada bab lain seperti aqidah, ibadah, muamalah dan sebagainya.

Justeru akhlak yang mulia adalah daya penarik kepada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ia secara tidak langsung menjadi sumber petunjuk yang diseru oleh seseorang, sebagaimana hadis berikut:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا.

Sesiapa yang menyeru kepada petunjuk maka baginya pahala sepertimana pahala orang-orang yang mengikutinya tanpa dikurangi sedikit jua pahala

*mereka.*¹⁰⁰

3. Jika akhlak yang baik menjadi penyebab kepada orang awam untuk mendekati sunnah Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*, maka demikian juga sebaliknya. Akhlak yang buruk daripada orang-orang yang mendakwa dirinya “pengikut sunnah” akan menyebabkan orang awam menjauhkan diri daripada sunnah, sama ada dalam bab akhlak mahu pun selainnya seperti aqidah, ibadah dan muamalah. Ini berlaku bukan kerana mereka membenci sunnah Rasulullah, tetapi benci kepada orang yang menjadi “agen” kepada sunnah Rasulullah.

Betapa ramai orang yang pada asalnya belum mengenali sunnah Rasulullah, berubah menjadi orang yang menjauhinya kerana terkesan dengan akhlak buruk sebahagian para “pengikut sunnah”. Di sini akhlak yang buruk daripada sebahagian para “pengikut sunnah” secara tidak langsung menjadi penyeru kepada kesesatan:

وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبِعَهُ لَا يَنْقُصُ
ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا.

*Sesiapa yang menyeru kepada kesesatan maka ke atasnya dosa sepertimana dosa orang-orang yang mengikutinya tanpa dikurangi sedikit jua dosa mereka.*¹⁰¹

¹⁰⁰ **Sahih:** Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2674.

¹⁰¹ **Sahih:** Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2674.

Poin kedua dan ketiga di atas menyebabkan kita, sebagai orang-orang yang berusaha untuk memahami al-Sunnah, perlu memberi perhatian yang lebih kepada bab akhlak berbanding bab yang lain. Seinggakan jika dikatakan “selangkah” untuk memahami al-Sunnah, maka “dua langkah” diperlukan untuk mempelajari dan mempraktikkan akhlak yang menepati al-Sunnah.

Ramadhan Sepanjang Tahun.¹⁰²

Dalam sebuah hadis berstatus hasan sahih yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah (1690), Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: **"Berapa ramai orang yang berpuasa, dia tidak mendapat apa-apa dari puasanya kecuali rasa lapar"**. Hadis yang bernada agak sinis ini pasti menyebabkan kita terfikir: Mungkinkah ada sesuatu yang jauh lebih besar yang ingin dicapai oleh ibadah puasa selain menahan diri dari lapar dan dahaga?

Cemerlang
+
Karisma
+
Jati diri
+
Akhlak mulia
+
Disiplin
+
Cerdas intelek (IQ)
+
Cerdas emosi (EQ)
+
Cerdas rohani (SQ)
=
Super muslim.

Memandangkan Rasulullah s.a.w. telah bersabda sedemikian, tentu saja jawapannya adalah "Ya!" Ini kerana baginda tidak akan menyampaikan sesuatu yang sia-sia melainkan memiliki mesej yang penting di sebaliknya. Maka apakah yang ingin dicapai di sebalik ibadah puasa?

Sedar atau tidak, puasa secara khusus dan bulan Ramadhan secara umum memiliki beberapa hikmah yang amat agung. Antara hikmah tersebut adalah ia melatih dan menonjolkan potensi bahawa kita sebenarnya mampu menjadi Super Muslim. Potensi ini kemudiannya dimanfaatkan tidak sekadar dalam bulan Ramadhan tetapi sepanjang tahun. Potensi ini dicaj semula pada Ramadhan yang akan datang dan begitulah ia berulang

¹⁰² Risalah ini merupakan kertas kerja sisipan yang diedarkan semasa forum *Ramadhan: Kedatanganmu Dinanti, Pemergianmu Ditangisi* yang di adakan pada 5 Oktober 2006 di Intec, UiTM, Seksyen 18, Shah Alam. Kertas kerja ini kemudiannya saya bentangkan sebagai nota kuliah di beberapa pusat pengajian tinggi sempena bulan Ramadhan tahun 1427H/2006M.

pada tahun-tahun seterusnya.

Super Muslim yang saya maksudkan merangkumi semua ciri-ciri hebat yang patut dimiliki oleh seorang muslim. Cemerlang + karisma + jati diri + akhlak mulia + disiplin + cerdas intelek (IQ) + cerdas emosi (EQ) + cerdas rohani (SQ) = Super Muslim. Potensi apakah yang ingin dilatih dan ditonjolkan melalui ibadah puasa dalam bulan Ramadhan. Untuk mengetahui jawapannya, marilah kita merenung secara ringkas aktiviti puasa dalam sehari.

05.00AM-05.45AM

Pada waktu ini kita bangun untuk bersahur. Sahur adalah salah satu syiar yang penting dalam ibadah puasa bagi umat Islam. Ia membezakan puasa kita dengan puasa kaum lain, sumber keberkatan daripada Allah s.w.t. serta selawat daripada para malaikat. Waktu sahur bukanlah pada lewat malam tetapi pada awal pagi, iaitu beberapa ketika yang amat dekat kepada masuknya waktu Subuh. Sahur tidak semestinya dengan makanan yang berat, minimum seteguk air.

Potensi sepanjang tahun di sebalik amalan sahur: Ia mengajar kita untuk beribadah mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. dan bukannya sunnah masyarakat tempatan. Kedua, ia melatih kita untuk berdisiplin bangun pada awal pagi dan bukannya pada 6.45 pagi, sekadar cukup untuk mengejar solat Subuh pada akhir waktu.

Super Muslim adalah seorang yang cerdas daya inteletiknya sehingga mampu membezakan antara sunnah Rasulullah dan sunnah masyarakat. Super Muslim juga adalah seorang yang berdisiplin dalam memanfaatkan setiap saat yang Allah kurniakan dalam kehidupan di alam ini. Tidak dapat dibayangkan seseorang itu dapat menjadi Super Muslim jika dia tidak berdisiplin menjaga waktu tidurnya.

09.00AM-11.00AM

Pada waktu ini lazimnya kita bersarapan atau mengambil waktu rehat sebentar untuk minum kopi. Namun pada bulan Ramadhan kita tidak melakukannya. Ya, kita sedang berpuasa. Di sini perlu kita sedar bahawa potensi yang ingin dilatih dan ditonjolkan oleh ibadah puasa bukan sekadar menahan diri dari makan dan minum, tetapi jauh lebih besar dari itu. Ia adalah potensi menahan diri daripada apa yang diinginkan oleh nafsu dan apa yang kebiasaannya dilakukan oleh diri kita. Keinginan nafsu dan kebiasaan diri adalah pelbagai, seperti nafsu merokok, kebiasaan membeli-belah, nafsu dengki sesama umat Islam, kebiasaan berburuk sangka, nafsu malas dan kebiasaan menghabiskan minimum satu jam membaca akhbar harian.

Super Muslim bukanlah seorang yang mentaati mahupun membuang nafsunya, tetapi adalah seorang yang mampu memimpin nafsunya kepada melakukan apa yang bermanfaat dan meninggalkan apa yang sia-sia. Sekali-sekali memang terlanjur mengikut nafsu, namun sikap menilai dan membetulkan menjadi kebiasaan bagi dirinya. Super Muslim juga adalah seorang yang melazimkan diri dengan kebiasaan yang baik (*good habits*) dan menjauhkan dirinya daripada kebiasaan yang buruk lagi sia-sia (*bad habits*). Tidak ada kebiasaan buruk yang tidak boleh ditukar kepada kebiasaan baik.

12.00PM-02.00PM

Ini adalah waktu rehat makan tengahari (lunch break). Sambil makan, adakalanya – atau lazimnya – timbul sembang-sembang obrolan (*gossip*) mengenai rakan sepejabat, ketua syarikat, ahli politik, penyanyi, pelakon dan sebagainya. Akan tetapi dalam bulan Ramadhan kita berhenti dan diam, mengingatkan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: **"Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan bohong, malah melakukannya, maka Allah tidak**

menganggap perlu bagi dia meninggalkan makan dan minumannya."

Demikian amaran baginda dalam sebuah hadis riwayat Imam al-Bukhari (1903). Berbohong tidak sekadar menyampaikan cerita yang kita tahu dusta, tetapi juga menyampaikan cerita yang kita sendiri tidak tahu apakah ia benar atau palsu.

Antara potensi penting yang terlatih dan menonjol daripada ibadah puasa ialah kesedaran bahawa kita sebenarnya mampu mengawal mulut daripada sembang obrolan. Pada masa kini ia tidak sekadar mengawal mulut, tetapi juga mengawal jari daripada menghantar sms dan emel yang seumpama.

Namun untuk menjadi Super Muslim, kawalan mulut dan jari bukan sekadar kepada cerita obrolan, tetapi meluas kepada apa jua yang sebenarnya tidak bermanfaat kepada agama dan umat. Super Muslim menjadikan pesan Rasulullah s.a.w. berikut ini sebagai salah satu prinsipnya yang utama: ***"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, hendaklah dia berkata-kata yang baik atau diam."*** [Muslim (47)].

03.00PM-06.30PM

Agaknya inilah waktu yang paling mencabar ketika berpuasa. Pada waktu ini badan terasa lemah, tekak terasa kering, minda terasa tumpul, emosi terasa di luar kawalan dan kelopak mata terasa berat. Akan tetapi bak kata pepatah Barat: *"When the going gets tough, the tough gets going!"*, maka demikianlah juga ciri-ciri seorang Super Muslim.

Jika kita merenung kembali kepada sirah Rasulullah s.a.w., akan didapati kebanyakan peperangan berlaku dalam bulan Ramadhan. Tidak sekadar itu, cabaran mereka dilengkapi suasana padang pasir yang disinari dengan matahari yang terik lagi panas. Semua ini tidak menghalang mereka untuk menegakkan kalimah Allah di mukabumi.

Perang yang berbeza juga menonjolkan kecerdasan emosi yang berbeza kepada Rasulullah dan para sahabat. Dalam Perang Badar umpamanya, emosi yang cerdas memberi mereka keyakinan untuk menghadapi musuh yang tiga kali ganda lebih ramai jumlahnya dan lebih canggih kelengkapannya. Sebaliknya dalam perang pembukaan Kota Mekah, emosi yang cerdas memberi mereka sikap pemaaf dan rendah diri kepada warga Mekah yang telah tewas, sekali pun satu ketika yang lalu warga Mekah tersebut amat memusuhi dan menzalimi mereka. Emosi yang cerdas seperti ini mampu ditonjolkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat dalam suasana cabaran sedang berpuasa.

Jika Rasulullah s.a.w dan para sahabat mampu melakukannya, kita juga mampu. Sekali pun inilah waktu yang paling mencabar, ia sebenarnya membongkar potensi kita yang sebenar sehingga mampu melakukan misi yang lebih mencabar. Ingat! Seorang Super Muslim tidak mengalah kepada cabaran, sebaliknya menjadikan cabaran sebagai suasana untuk bertukar dari bateri biasa kepada bateri Duracell.

08.30PM-10.00PM

Kejayaan berpuasa dari fajar hingga maghrib memang sesuatu yang patut diraikan. Akan tetapi bagi kita umat Islam, meraikan sesuatu kejayaan bukanlah dengan cara yang biasa dilakukan oleh umat bukan Islam. Sebaliknya kejayaan tersebut diraikan dengan perasaan lebih bersyukur dan tunduk kepada Allah s.w.t.. Ini kerana kita umat Islam memiliki satu lagi faktor kecerdasan yang tidak dimiliki oleh umat lain, iaitu kecerdasan rohani. Dengan kecerdasan ini, kita akur bahawa bagaimana hebat sekali pun kejayaan yang kita peroleh, Allah tetap lebih hebat. Bahkan dengan kehebatan yang tiada tolok ukurannya di sisi manusia.

Maka setelah sehari berjaya berpuasa, Super Muslim meraikannya dengan memperbanyakkan sujud kepada Allah s.w.t., iaitu melalui solat Isyak dan

Tarawih secara berjamaah. Di sini terdapat dua potensi yang terserlah. Pertama, potensi melaksanakan solat fardhu secara berjamaah. *Alhamdulillah* dalam bulan Ramadhan surau dan masjid dipenuhi dengan orang ramai bersolat jamaah: Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Ini menunjukkan bahawa kita sebenarnya memiliki potensi melaksanakan solat fardhu secara berjamaah. Potensi ini tidak sepatutnya berlaku dalam bulan Ramadhan, tetapi sepanjang tahun.

Kedua, potensi melaksanakan solat sunat. Kemampuan Super Muslim melaksanakan solat Tarawih dalam bulan Ramadhan menonjolkan satu potensi yang hebat, iaitu kemampuan melaksanakan solat-solat sunat sekali pun letih setelah sepanjang hari menahan makan dan minum. Di luar bulan Ramadhan solat Tarawih tidak ada, tetapi terdapat pelbagai solat sunat lain yang ditunjukkan oleh sunnah yang sahih.

Demikian secara ringkas beberapa potensi yang dilatih dan ditonjolkan oleh ibadah puasa dalam bulan Ramadhan. Potensi-potensi ini tidak terhad kepada beberapa contoh di atas sahaja. Potensi mendisiplinkan diri bangun pada awal pagi, memimpin nafsu kepada yang bermanfaat, tidak berkata-kata atau menaip kecuali yang baik untuk agama dan umat, menguatkan kecerdasan emosi dengan bertambahnya cabaran dan merendahkan diri kepada Allah sebagai bukti kecerdasan rohani dimiliki oleh semua orang, hanya ia tersembunyi di sebalik diri sendiri. Melalui ibadah puasa dan bulan Ramadhan, kita dapat mengenal potensi tersebut dan berusaha untuk mengasahnya agar menjadi lebih baik, lebih super dari tahun ke tahun.

Perkara yang lebih penting, potensi-potensi ini bukan untuk dimanfaatkan dalam bulan Ramadhan sahaja, tetapi sepanjang tahun. *If you can do it in one month, then you can do it for the rest of the year!* Inilah yang saya maksudkan dengan "Ramadhan Sepanjang Tahun". Ayuh! Carilah potensi anda pada Ramadhan ini dan jadilah Super Muslim sepanjang tahun.

Jom Berhari Raya (*'Ted Al-Fithri*) Bersama Rasulullah.

Mohd. Yaakub Mohd. Yunus & Hafiz Firdaus Abdullah¹⁰³

Definisi *'Ted Al-Fithri*

Secara bahasa *'Ted* adalah sesuatu yang berlaku secara berulang-ulang atau suatu hari yang terjadi perkumpulan. Menurut Ibnul 'Arabi *rahimahullah*: Hari raya disebut *'Ted*, kerana hari itu kembali muncul setiap tahun dan membawa kegembiraan baru.¹⁰⁴

Fithri atau fitrah pula bermaksud sediakala atau sifat asal. Justeru itu Hari Raya *'Ted al-Fithri* adalah salah satu dari hari kebesaran umat Islam yang disambut pada tanggal 1 Syawal setiap tahun bagi menyambut kejayaan umat Islam setelah berjaya menyempurnakan ibadah sepanjang bulan Ramadan *al-Mubarak* dan kembali kepada fitrah iaitu sifat asal manusia yang dibenarkan makan dan minum sepanjang hari. Menurut al-'Allamah Ibnu 'Abidin *rahimahullah*:

Disebut *'Ted*, kerana pada hari itu Allah *Ta'ala* memiliki berbagai macam kebaikan yang akan kembali kepada hamba-hambanya setiap hari, yang di antaranya (tidak berpuasa) setelah adanya larangan makan dan minum (pada bulan

¹⁰³ Risalah ini asalnya susunan sahabat saya Mohd. Yaakub bin Mohd. Yunus. Kemudian saya (Hafiz Firdaus) meringkaskannya agar sesuai dijadikan sebagai risalah atau nota kuliah. Pada waktu yang sama saya menambah beberapa penjelasan yang dirasakan perlu agar ia lebih relevan dengan amalan masyarakat kita. Penjelasan tambahan ini saya letak di bahagian notakaki.

¹⁰⁴ Dinukil dari kitab *Meneladani Rasulullah Shallallahu 'alaihi Wasallam Dalam Berhari Raya* ditulis oleh Syaikh 'Ali Hassan bin 'Ali al-Halabi al-Atsari (edisi terjemahan oleh M. Abdul Ghoffar E.M., Pustaka Imam Asy-Syafi'i, Jakarta 2005), ms. 11.

Ramadan), zakat fitrah, ... Dan kerana kebiasaan yang berlaku pada hari tersebut adalah kegembiraan, kebahagiaan, keceriaan dan *hubur* (kenikmatan).¹⁰⁵

Dalil disyari'atkan *'Ied al-Fithri* sebagai hari kebesaran bagi umat Islam adalah sebagaimana dikhabarkan oleh Anas bin Malik *radhiallahu 'anh*, dia berkata: *Nabi shallallahu 'alaihi wasallam pernah datang ke Madinah sedangkan penduduknya memiliki dua Hari Raya yang pada keduanya mereka bermain-main (bergembira) di masa jahiliyyah, maka baginda bersabda: "Aku datang kepada kalian sedangkan kalian memiliki dua hari (raya) yang menjadi medan permainan kalian pada masa jahiliyyah. Dan sesungguhnya Allah telah menggantikan keduanya dengan yang lebih baik iaitu Hari Raya 'Ied al-Adha dan 'Ied al-Fithri."*¹⁰⁶

Amalan-Amalan Yang Disunnahkan Pada Hari Raya 'Ied Al-Fithir

Bertakbir

Bertakbir pada tarikh 1 Syawal bersempena *'Ied al-Fithri* merupakan suatu amalan yang disyari'atkan. Ini sebagaimana Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ.

¹⁰⁵ Dinukil dari kitab *Meneladani Rasulullah Shallallahu 'alaihi Wasallam Dalam Berhari Raya* ditulis oleh Syaikh 'Ali Hassan bin 'Ali al-Halabi al-Atsari, ms. 11.

¹⁰⁶ Hadis riwayat Imam al-Nasa'i, di dalam *Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Sholah*, hadis no: 959.

Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah (dengan bertakbir) kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.¹⁰⁷

Tentang jangka masa untuk bertakbir Syaikh al-Islam Ibnu Taymiyyah *rahimahullah* berkata: Takbir pada hari *'Id al-Fithri* dimulai ketika terlihatnya *hila* (anak bulan), dan berakhir dengan selesainya *'Id* iaitu ketika imam selesai dari khutbah, (demikian) menurut pandangan yang benar.¹⁰⁸ Perihal lafaz takbir raya maka terdapat beberapa riwayat dari para sahabat *radhiallahu 'anhum* yang di antaranya adalah:

- Ibnu Mas'ud *radhiallahu 'anh* pernah mengucapkan:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Laa ilaha illallah, Wallahu Akbar, Allahu Akbar wa Lillahilhamd. (Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan yang berhak diibadahi kecuali hanya Allah semata, dan Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, dan segala puji hanya bagi Allah).¹⁰⁹

Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anh* pernah mengucapkan:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ أَخْلُ، اللَّهُ أَكْبَرُ عَلَى مَا هَدَانَا.

¹⁰⁷ al-Baqarah (2) : 185

¹⁰⁸ *Majmu' Fatawa*, jilid 24 ms. 220 dan 221. Penulis nukil daripada artikel bertajuk *Bimbingan Berhari Raya Idul Fithri* yang disusun oleh Abu Sulaiman Aris S yang diterbitkan oleh *Majalah As-Sunnah* Edisi 07/VIII/1425H/2004M, ms. 39.

¹⁰⁹ Hadis riwayat Imam Ibnu Abu Syaibah di dalam *Mushannaf*, hadis no: 5649.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar wa Lillahilhamd, Allahu Akbar wa A-khallu, Allahu Akbar ‘alaa maa hadaana. (Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar segala puji hanya bagi Allah, Allah Maha Besar lagi Maha Agung, Allah Maha Besar di atas petunjuk yang telah diberikan kepada kita).¹¹⁰

Salman al-Farisi *radhiallahu 'anh* pula berkata:

كَبَرُوا اللَّهَ: اللَّهُ أَكْبَرُ, اللَّهُ أَكْبَرُ, اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا.

Agungkanlah Allah dengan menyebut Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Kabira (Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar).¹¹¹

Ketika dalam perjalanan ke tempat solat *Ted*, disunnahkan juga untuk kita bertakbir sehinggalah apabila solat akan didirikan. Menurut Syaikh Muhammad Nashiruddeen al-Albani *rahimahullah*: ... disyari'atkan apa yang dikerjakan oleh kaum Muslimin berupa takbir dengan suara lantang selama di dalam perjalanan menuju tempat pelaksanaan solat (*musholla*), meskipun banyak dari mereka mulai meremehkan sunnah ini.¹¹²

Bertakbir sejak mula keluar dari rumah adalah untuk menyerlahkan *syi'ar* Islam di seluruh perjalanan yang ditempuhi untuk menuju ke tempat solat. Syaikh Wahid Abdussalam Bali telah berkata:

¹¹⁰ Hadis riwayat Imam al-Baihaqi di dalam *Sunan al-Kubra* (III/315)

¹¹¹ Hadis riwayat Imam al-Baihaqi di dalam *Sunan al-Kubra* (III/316)

¹¹² Dinukil dari kitab *Meneladani Rasulullah Shallallahu 'alaihi Wasallam Dalam Berhari Raya* ditulis oleh Syaikh 'Ali Hassan bin 'Ali al-Halabi al-Atsari, ms. 32.

... setiap muslim bertakbir sejak keluar dari rumahnya sehingga sampai ke tempat solat, dengan mengeraskan suaranya, sebagai memaklumkan *syi'ar* Islam yang agung ini.

ذَلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dialah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin.¹¹³

Ibnu Abi Syaibah meriwayatkan dengan sanad sahih dari al-Zuhri *rahimahullah*: Bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* keluar pada Hari Raya *al-Fithri* dengan bertakbir hingga sampai di tempat solat.¹¹⁴

Tentang tatacara takbir yakni dengan suara yang kuat, maka ianya tidak berbeza antara '*Ied al-Fithri* atau '*Ied al-Adha* (Hari Raya Haji). Menurut al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah*:

Sa'id bin Manshur meriwayatkan dengan sanad yang *maushul*¹¹⁵, dari Ubaid bin Umair, dia berkata: "Bahawa 'Umar ketika sedang berada di dalam khemahnya di Mina selalu mengumandangkan takbir, begitu pula dengan orang-orang yang

¹¹³ al-Hajj (22) : 32

¹¹⁴ Syaikh Wahid Abdussalam Bali, *474 Kesalahan Dalam Akidah & Ibadah Beserta Koreksinya* (edisi terjemahan oleh Ahmad Syaikh, Darul Haq, Jakarta 2005), ms. 415-416.

¹¹⁵ Sanad yang *maushul* (bersambung) bermaksud sanadnya bersambung sampai kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.

berada di dalam masjid dan orang-orang yang berada di pasar, hingga kota Mina bergemuruh dengan suara takbir.”¹¹⁶

Mandi Di Pagi ‘*Ted*

Disunnahkan untuk mandi di pagi Hari Raya iaitu sebelum berangkat menuju ke tempat pelaksanaan solat ‘*Ted al-Fithri*. Menurut Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah*: Baginda (*shallallahu ‘alaihi wasallam*) mandi sebelum berangkat mengerjakan solat ‘*Ted*.¹¹⁷

Ali bin Abi Thalib *radhiallahu ‘anh* pernah ditanya tentang mandi; apakah perlu mandi setiap hari? Maka beliau menjawab: *Tidak perlu. Namun, yang perlu mandi*

¹¹⁶ Al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih al-Bukhari*, Tahqiq Syaikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz, (Edisi terjemahan oleh Amiruddin, Pustaka Azzam, Jakarta 2004) Jilid 5, ms. 315. Selepas ini kitab ini hanya akan disebut sebagai *Fathul Baari* sahaja.

Hafiz Firdaus: Ada pun cara bertakbir, maka ia adalah umum sebagaimana keumuman dalil yang menganjurkannya. Oleh itu bertakbir boleh secara bersendirian atau berkumpulan, sama ada secara serentak atau dipimpin oleh seseorang. Semuanya bergantung kepada suasana ketika sedang bertakbir. Yang dilarang adalah menetap atau mengkhususkan cara bertakbir kepada satu cara sahaja sehingga orang ramai menganggap ia adalah satu-satunya cara untuk bertakbir.

Ada pun lafaz takbir yang pelbagai pada masa kini, yang lebih utama adalah lafaz takbir yang diriwayatkan daripada para sahabat sebagaimana yang dikemukakan di atas. Sekali pun dalam riwayat-riwayat tersebut tidak dinyatakan bahawa ia berasal daripada Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*, dalam kaedah usul fiqh sedia diterangkan bahawa perbuatan sahabat dalam ibadah memiliki nilai *marfu’*, iaitu berasal daripada Rasulullah, sekali pun mereka tidak menyandarkan secara jelas kepada baginda.

¹¹⁷ Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *Mukhtasar Zaadul Ma’ad Bekal Menuju Ke Akherat*, (edisi terjemahan oleh Kathur Suhardi, Pustaka Azzam, Jakarta 1999), ms. 48. Di mukasurat seterusnya kitab ini hanya akan disebut sebagai *Zaadul Ma’ad* sahaja.

ialah pada hari Jumaat, hari 'Arafah, hari 'Ied al-Adha dan 'Ied al-Fithri.¹¹⁸ Menurut Imam al-Nawawi *rahimahullah* pula di dalam kitab *Majmu'*nya (jilid 1, ms. 7): Imam al-Syafi'i dan rakan-rakannya mengatakan: "Untuk melaksanakan solat 'Ied al-Fithri dan 'Ied al-Adha dianjurkan mandi. Tidak ada perbezaan pendapat di dalam masalah ini."¹¹⁹

Tatacara mandi sunat di pagi Hari Raya ini adalah sama dengan tatacara mandi wajib (*janabah*).

Makan Sebelum Solat 'Ied Al-Fithri

Disunnahkan untuk menjamah makanan sebelum berangkat menunaikan Solat 'Ied al-Fithri.¹²⁰ Ini bertujuan untuk menutup segala andaian bahawa dibenarkan berpuasa pada hari 'Ied. Menurut al-Muhallab *rahimahullah*: Adapun hikmah makan sebelum solat 'Ied adalah agar seseorang tidak berpendapat bahawa dia harus berpuasa sampai melaksanakan solat 'Ied. Maka seakan-akan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ingin menutup prasangka semacam ini.¹²¹

¹¹⁸ Hadis riwayat Imam al-Syafi'i di dalam *Musnad al-Syafi'i*, I/118-119.

¹¹⁹ Dinukil dari artikel karangan Abu Ihsan al-Atsari bertajuk *Mendulang Sunnah Nabi Pada Hari Raya 'Iedul Fitri* yang diterbitkan oleh majalah As-Sunnah, edisi 08/VII/1424H/2003M, ms. 23.

¹²⁰ Namun begitu untuk Hari Raya 'Ied al-Adha adalah disunnahkan untuk makan setelah dilaksanakan solat 'Ied. Imam al-Syafi'i *rahimahullah* berkata: Diriwayatkan dari Ibnu Musayyib dia berkata: "Kaum muslimin makan pada Hari Raya 'Ied al-Fithri sebelum mereka berangkat ke tempat solat, namun mereka tidak melakukan hal itu pada Hari Raya 'Ied al-Adha." (*Ringkasan Kitab Al-Umm* (perINGKAS dan pentahqiq oleh Hussain Abdul Hamid Abu Nashir Nail, edisi terjemahan oleh Mohammad Yasir Abd Mutholib, Pustaka Azzam, 2004, Jakarta) jilid 1, ms. 326.)

¹²¹ Dinukil dari *Fathul Baari*, jilid 5, ms. 272.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* makan kurma dalam jumlah yang ganjil di pagi *'Ted*. Dari Anas bin Malik (radhiallahu 'anh), dia berkata: ***“Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tidak pergi (ke musholla) pada pagi 'Ted al-Fithri hingga baginda makan beberapa buah kurma.” Murajja' bin Raja' berkata: “'Ubaidillah menceritakan kepadaku bahawa Anas berkata: “Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam memakannya di dalam jumlah yang ganjil.”***¹²²

Memakai Pakaian Yang Indah

Disunnahkan untuk kita menghiaskan diri dengan pakaian yang indah-indah pada Hari Raya. Imam al-Syafi'i *rahimahullah* berkata: Saya lebih menyukai seseorang memakai pakaian terbaik yang dia miliki pada hari-hari raya iaitu hari Jumaat, dua hari raya (iatu *'Ted al-Adha* dan *'Ted al-Fithri*), dan tempat-tempat keramaian. Hendaklah dia memakai baju yang bersih dan memakai wangi-wangian.¹²³

Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* berkata: Baginda (*shallallahu 'alaihi wasallam*) mengenakan pakaian yang paling indah ketika keluar untuk solat *'Ted*. Bahkan baginda mempunyai pakaian khusus yang digunakan hanya untuk solat Jumaat dan *'Ted*.¹²⁴

¹²² Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-'Tadaini*, hadis no: 953.

¹²³ Imam al-Syafi'i, *Ringkasan Kitab Al-Umm*, jilid 1, ms. 327.

¹²⁴ Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *Za'adul Maad*, ms. 48.

Hafiz Firdaus: Bezakan antara pakaian yang indah dengan pakaian yang baru. Ada yang memahami anjuran memakai yang indah bererti membeli pakaian yang baru. Ini kemudiannya diperluaskan kepada membeli pelbagai kelengkapan rumah yang baru seperti langsir, sofa, meja makan, permaidani dan sebagainya. Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* hanya menganjurkan

Berjalan Kaki Menuju Tempat Dikerjakan Solat 'Ied

Dianjurkan berjalan kaki menuju tempat dikerjakan solat 'Ied jika tidak memberatkan. Ini sebagaimana yang diwayatkan dari Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh*: **Termasuk sunnah, iaitu engkau berjalan kaki menuju tempat solat 'Ied dan memakan sesuatu sebelum berangkat.**¹²⁵ Imam al-Syafi'i *rahimahullah* juga menjelaskan di dalam kitab *al-Umm*: Kami mendengar dari al-Zuhri bahawa dia berkata: "Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah naik kenderaan baik ketika solat 'Ied ataupun solat jenazah."¹²⁶

Mengikuti Jalan Yang Berbeza Ketika Pergi Dan Kembali Dari Mengerjakan Solat 'Ied

Disunnahkan bagi kita mengikuti jalan yang berbeza ketika pergi dan kembali dari mengerjakan solat 'Ied. Jabir bin 'Abdullah *radhiallahu 'anh* berkata: **Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melalui jalan yang berbeza pada hari 'Ied.**¹²⁷ Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* berkata:

Baginda (*shallallahu 'alaihi wasallam*) selalu menempuh jalan yang berbeza ketika berangkat dan ketika pulang dari tempat solat 'Ied. Ada yang berpendapat,

pakaian yang indah dimana ia tidak semestinya baru dibeli. Ada pun membeli pelbagai pakaian dan kelengkapan rumah yang baru, ia adalah satu tindakan yang menjauhi sunnah baginda, kerana sudah masuk dalam kategori pembaziran dan menunjuk-nunjuk.

¹²⁵ Hadis riwayat Imam al-Tirmidhi di dalam *Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Jamaah*, hadis no: 487.

¹²⁶ Dinukil dari *Fathul Baari*, jilid 5, ms. 286.

¹²⁷ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-'Iedaini*, hadis no: 986.

hal ini dilakukan agar dapat bersalaman dengan orang-orang yang melalui dua jalan tersebut. Ada pula yang berpendapat untuk memberikan barakah kepada mereka. Ada yang berpendapat untuk memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan di kedua jalan tersebut. Ada yang berpendapat untuk menampakkan *syi'ar* Islam di jalan-jalan. Pendapat yang lebih menepati kebenaran adalah agar perjalanan yang ditempuh lebih jauh (banyak langkahnya). Orang yang berjalan ke masjid atau tempat solat, maka salah satu langkah kakinya akan meninggikan darjatnya, sedangkan langkah kaki yang lain akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya.¹²⁸

Menurut al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah*: Imam al-Syafi'i (*rahimahullah*) di dalam kitabnya *al-Umm* mengatakan bahawa seorang imam dan makmum disunnahkan untuk mengikuti jalan yang berbeza dengan jalan waktu pergi ketika pulang dari solat 'Ied. Demikian juga pendapat majoriti pengikut mazhab Syafi'i.¹²⁹

Tempat Pelaksanaan Solat 'Ied Adalah Di Musholla

Mengerjakan solat 'Ied *al-Fithri* di *musholla* merupakan satu amalan yang hampir tidak dilakukan di Malaysia melainkan beberapa kelompok kecil manusia yang benar-benar kuat berpegang kepada sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Apakah itu *musholla* dan apakah perbezaannya dengan masjid? Al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* menjelaskan:

¹²⁸ Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *Za'adul Maad*, ms. 49.

¹²⁹ Al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari*, jilid 5, ms.341.

Adapun perbezaan di antara *musholla* dan masjid adalah bahawa *musholla* berada di tempat terbuka (seperti padang) sehingga khatib dapat melihat semua hadirin. Sedangkan masjid berada di dalam sebuah tempat (bangunan) yang tertutup, sehingga terkadang seorang khatib hanya dapat melihat sebahagian sahaja para hadirin. Shalat 'Ied disunnahkan untuk dilakukan di *musholla*, dan tidak dilakukan di masjid kecuali apabila di dalam keadaan darurat (seperti hujan, angin kencang dan lainnya).¹³⁰

Dalil yang menunjukkan disunnahkan untuk mengerjakan solat 'Ied di *musholla* adalah sebuah hadis dari Abu Sa'id al-Khudri (*radhiallahu 'anh*), dia berkata: ***Pada hari 'Ied al-Fithri dan 'Ied al-Adha, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam keluar menuju musholla. Ketika itu yang pertama baginda lakukan adalah solat 'Ied.***¹³¹

Ketahuilah bahawa solat di Masjid Nabawi adalah 1000 kali lebih baik dari bersolat di masjid-masjid lain. Ini sebagaimana sabda baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*: ***Solat di masjidku ini (iaitu Masjid Nabawi) adalah lebih baik dari seribu kali solat di masjid lainnya kecuali Masjidil Haram (di Mekah al-Mukarramah).***¹³² Namun ternyata, meskipun dengan keutamaan sebesar ini Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tetap memerintahkan para sahabat *radhiallahu 'anhum* untuk mendirikan solat 'Ied al-Fithri di *musholla*. Ibnu Qudamah *rahimahullah* di dalam *al-Mughni* (jilid 3, ms. 260) berkata:

¹³⁰ Al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari*, jilid 5, ms.282.

¹³¹ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-'Iedaini*, hadis no: 956.

¹³² Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-Jamaah*, hadis no: 1190.

Mengerjakan solat '*Ted*' di *musholla* adalah sunnah, kerana dahulu Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* keluar ke tanah lapang dan meninggalkan masjidnya (iaitu Masjid Nabawi). Demikian pula para *khulafa' al-Rasyidin*. Dan ini merupakan kesepakatan kaum muslimin. Mereka telah sepakat di setiap zaman dan tempat untuk keluar ke tanah lapang ketika solat '*Ted*'.¹³³

Tentang hikmah diselenggarakan solat '*Ted*' di *musholla*, Syaikh Abu Ubaidah Masyhur bin Hasan telah berkata:

Sesungguhnya mengerjakan dua solat '*Ted*' di tanah lapang (*musholla*) memiliki hikmah yang besar. Di antaranya adalah seluruh kaum muslimin setidaknya boleh berkumpul bersama dua kali selama setahun. Semua orang dari penjuru negeri berkumpul di sebuah tempat, baik lelaki, perempuan mahupun kanak-kanak. Mereka semua menghadap Allah dengan hati yang penuh konsentrasi, dikumpulkan dengan satu kalimat (kalimat tauhid), solat di belakang seorang imam, membaca *takbir* dan *tahlil* bersama dan berdoa kepada Allah dengan penuh ikhlas. Seakan-akan hati mereka terikat menjadi satu, merasa bahagia dan mensyukuri nikmat Allah yang telah dilimpahkan kepada mereka. Dengan demikian, Hari Raya benar-benar memiliki erti yang agung bagi mereka.¹³⁴

Menurut Syaikh Wahid Abdussalam pula: Para *ulama'* telah mengemukakan sejumlah hikmahnya:

¹³³ Penulis nukil dari artikel bertajuk *Bimbingan Berhari Raya Idul Fithri* yang disusun oleh Abu Sulaiman Aris S, ms. 40.

¹³⁴ Syaikh Abu Ubaidah Masyhur bin Hasan, *Koreksi Total Ritual Shalat*, (edisi terjemahan oleh W. Djunaedi S, Pustaka Azzam, Jakarta 2001), ms. 394.

- a) Berkumpulnya kaum muslimin di satu tempat untuk menampakkan kejayaan kaum muslimin.
- b) Berkumpulnya kaum muslimin di tempat terbuka yang terlihat awal dan akhirnya disertai *takbir* dan *tahlil*, dapat menguatkan keimanan dan memantapkan keyakinan.
- c) Keluarnya kaum muslimin di satu tempat, dewasa dan kanak-kanak, laki-laki dan perempuan, adalah salah satu fenomena kegembiraan pada Hari Raya.
- d) Tercerai-berainya kaum muslimin di beberapa masjid pada hari yang diberkahi ini menyebabkan perselisihan hati dan tercerai-berainya kalimat.
- e) Kaum muslimin memakai pakaian baru dan berkumpul di satu tempat dengan bertakbir, bertahlil, solat dan mendengarkan nasihat (khutbah), adalah salah satu bentuk rasa syukur kepada Allah, Rabb semesta Alam yang berfirman:
*Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah (dengan bertakbir) kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.*¹³⁵
- f) Berkumpulnya kaum muslimin di dalam pemandangan yang disegani ini dapat menggentarkan para musuh agama dan membuat marah kaum kafir.¹³⁶

Oleh itu sewajarnya umat Islam di Malaysia berusaha untuk mengembalikan pengamalan sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang semakin dipinggirkan ini.¹³⁷

¹³⁵ al-Baqarah (2) : 185

¹³⁶ Syaikh Wahid Abdussalam Bali, *474 Kesalahan Dalam Akidah & Ibadah Beserta Koreksinya*, ms. 298-299.

Menunaikan Zakat Fitrah

Zakat Fitrah adalah sejenis zakat yang diwajibkan ke atas seluruh umat Islam yang merdeka, kanak-kanak mahupun dewasa, lelaki dan wanita. Zakat fitrah ini boleh dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan namun melewatkannya pada akhir Ramadan adalah lebih baik. Waktu yang paling *afdhal* untuk membayar zakat fitrah adalah sebelum dilaksanakan solat '*Ted al-Fithri*'. Dari Ibnu 'Umar *radhiallahu 'anh*, dia berkata:

¹³⁷ Namun begitu janganlah disebabkan di Malaysia Solat '*Ted al-Fithri*' tidak dilaksanakan di *musholla* maka ada yang beranggapan tidak perlu untuk menunaikan solat tersebut kerana menghindari amalan *bid'ah*. *Insya Allah* penulis akan membahaskan hukum solat '*Ted al-Fithri*' di dalam risalah ini. Menunaikan solat '*Ted al-Fithri*' di masjid diperbolehkan oleh Imam al-Syafi'i *rahimahullah* sekiranya masjid tersebut mampu menampung seluruh penduduk di daerah tersebut. Imam al-Syafi'i berkata:

Jika sesebuah masjid di dalam sebuah daerah dapat menampung seluruh penduduk, maka menurut saya mereka tidak perlu lagi pegi ke tanah lapang (untuk mengerjakan solat '*Ted al-Fithri*'). Tetapi jika tidak dapat menampung seluruh penduduk, maka tidak dianjurkan melakukan solat '*Ted*' di dalamnya. (Dinukil daripada *Fathul Baari*, jilid 5, ms. 283)

Dari fatwa Imam al-Syafi'i ini maka al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* telah membuat kesimpulan seperti berikut:

Dari sini dapat disimpulkan, bahawa permasalahan ini sangat bergantung kepada luas atau sempitnya sesuatu tempat, kerana diharapkan pada Hari Raya itu seluruh masyarakat dapat berkumpul di suatu tempat. Oleh kerana itu, jika hal itu dapat dilakukan di dalam masjid, maka melakukan solat '*Ted*' di dalam masjid lebih utama daripada di tanah lapang. (al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari*, jilid 5, ms. 283)

Apa pun jua, mencontohi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah lebih utama kerana hadis-hadis baginda bersifat umum tanpa meletakkan sebarang syarat berkaitan keluasan atau kesempitan sesebuah masjid dalam menentukan tempat untuk di laksanakan solat '*Ted al-Fithri*'. *Wallahu'alam*

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ وَالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mewajibkan zakat fitrah satu sha'¹³⁸ kurma, atau satu sha' syair atas budak, orang yang merdeka, laki-laki, wanita, anak-anak dan orang tua di antara kaum muslimin, dan baginda memerintahkan agar (zakat tersebut) dikeluarkan sebelum manusia keluar untuk solat ('Ied al-Fithri).¹³⁹

Bagi mereka yang membayar zakat fitrah setelah solat 'Ied al-Fithri ia hanya akan dikira sebagai sedekah sahaja dan bukan zakat fitrah. Dari Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anh* dia berkata: Barangsiapa yang menunaikannya sebelum solat 'Ied maka itulah zakat yang diterima, sedangkan barangsiapa yang menunaikannya sesudah solat maka itu dihitung sebagai sedekah daripada berbagai macam sedekah.¹⁴⁰

Hikmahnya zakat fitrah ini adalah untuk membersihkan mereka yang berpuasa dari segala perkara yang menyebabkan ibadahnya menjadi kurang sempurna seperti melakukan perkara yang sia-sia dan mengucapkan perkataan yang tidak sewajarnya.

¹³⁸ Satu *sha'* bersamaan dengan 2.5 sehingga 3 kilogram. Bagi kita di Malaysia majoriti berpendapat satu *sha'* adalah bersamaan dengan satu Gantang Baghdad iaitu 2.7 kilogram. Oleh itu bagi setiap ahli keluarga kadar zakat fitrahnya adalah 2.7 kilogram beras. Imam al-Syafi'i *rahimahullah* mewajibkan membayar zakat fitrah hanya dengan menggunakan makanan ruji (asas) sesebuah negara. Namun begitu Imam Abu Hanifah *rahimahullah* membenarkan makanan ruji tersebut digantikan dengan wang sebagai medium untuk membayar zakat. *Wallahu 'alam*.

¹³⁹ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Zakat*, hadis no: 1503.

¹⁴⁰ Hadis riwayat Imam Abu Dawud di dalam *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Zakat*, hadis no: 1371.

Di samping itu di sebalik kemeriahan menyambut '*Ied al-Fithri*, Islam tetap menitik beratkan perihai orang miskin. Melalui zakat fitrah ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban golongan miskin ketika menyambut Hari Raya '*Ied al-Fithri* dan membolehkan mereka bersama-sama umat Islam yang lain menyambut Hari Raya di dalam suasana yang menyenangkan. Dari Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anh* dia berkata: ***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menetapkan kewajipan zakat fitrah sebagai pembersih bagi orang-orang yang berpuasa dari kesia-sian dan perkataan kotor serta sebagai makanan untuk orang-orang miskin.***¹⁴¹

Hukum Solat '*Ied*

Ulama' berbeza pendapat tentang hukum solat '*Ied al-Fithri*. Bagi kebanyakan umat Islam di Malaysia mereka berpegang kepada pendapat bahawa hukum solat '*Ied* adalah sunat *mu'akkadah* (yang dituntut). *Ulama'* yang berpegang kepada pendapat ini berpandangan bahawa dengan wujudnya hadis-hadis yang menyatakan solat yang hukumnya wajib hanyalah solat lima waktu membuktikan solat '*Ied* tidak termasuk di dalam kumpulan solat yang wajib. Antara hadis yang dijadikan pegangan mereka adalah sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*:

خَمْسُ صَلَوَاتٍ كَتَبَهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعِبَادِ مَنْ جَاءَ بِهِنَّ لَمْ يُضَيِّعْ مِنْهُنَّ شَيْئًا
اسْتِخْفَافًا بِحَقِّهِنَّ كَانَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ.

Ada lima solat yang diwajibkan Allah ke atas hamba-hamba-Nya. Maka siapa yang mengerjakannya dan tidak mengsia-siakan walau satu pun di antaranya

¹⁴¹ Hadis riwayat Imam Abu Dawud di dalam *Sunan Abu Dawud*, *Kitab al-Zakat*, hadis no: 1371.

disebabkan menganggap mudah, Allah berjanji akan memasukkanya ke dalam syurga.¹⁴²

Namun ada juga sebahagian *ulama'* yang berpendapat Solat '*Ied al-Fithri* adalah *fardhu 'ain* atau wajib. Mereka melihat kepada kesungguhan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* di dalam menganjurkan para sahabat *radhiallahu 'anhum* untuk mengerjakannya sebagai bukti kewajibannya. Malah baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri tidak pernah gagal untuk mengerjakan solat '*Ied*. Baginda memerintahkan para wanita yang sedang haid untuk turut serta menghadirkan diri di *musholla* hanya untuk menyaksikan upacara solat '*Ied* tersebut. Bahkan bagi wanita yang tidak memiliki pakaian yang sempurna untuk menutup aurat telah diperintahkan untuk dipinjamkan pakaian kepada mereka hanya semata-mata untuk turut serta di *musholla*.

Ummu 'Athiyah *radhiallahu 'anha* telah berkata:

أَمْرًا أَنْ نَخْرُجَ فَنُخْرِجَ الْحَيْضَ وَالْعَوَاتِقَ وَدَوَاتِ الْخُدُورِ. قَالَ ابْنُ عَوْنٍ: "أَوِ الْعَوَاتِقَ دَوَاتِ الْخُدُورِ," فَأَمَّا الْحَيْضُ فَيَسْهَدْنَ جَمَاعَةَ الْمُسْلِمِينَ وَدَعْوَتَهُمْ وَيَعْتَزِّلْنَ مُصَلَّاهُمْ.

Kami telah diperintahkan (oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*) untuk keluar, maka kami memerintahkan wanita-wanita yang sedang haid, para gadis dan wanita-wanita pingitan untuk keluar. Ibnu 'Aun berkata: "atau wanita-wanita pingitan," dan wanita-wanita yang haid diperintahkan (Nabi *shallallahu 'alaihi*

¹⁴²

Hadis riwayat Imam al-Nasa'i di dalam *Sunan al-Nasa'i*, *Kitab al-Sholah*, hadis no: 457.

*wasallam) agar menyaksikan jamaah kaum muslimin dan dakwah mereka serta menjauhi tempat solat.*¹⁴³

Bagi wanita yang tidak memiliki pakaian sempurna untuk bersolat 'Ied al-Fithri, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَلْأَيْسَنَ صَاحِبَتُهَا مِنْ جِلْبَابِهَا فَلْيَشْهَدْ خَيْرَ وَدَعْوَةِ الْمُؤْمِنِينَ.

*(Jika dia tidak mempunyai jilbab) hendaklah temannya meminjamkan jilbabnya, sehingga dia dapat menyaksikan kebaikan dan dakwah orang-orang mukmin.*¹⁴⁴

Pandangan akan wajibnya solat 'Ied al-Fithri ini diperkuatkan lagi dengan hakikat bahawa solat 'Ied ini dapat menggugurkan kewajipan solat Jumaat jika keduanya terjadi pada hari yang sama. Hanya sesuatu yang wajib dapat mengugurkan kewajipan yang lain.¹⁴⁵ Dalil yang menunjukkan kewajipan solat Jumaat gugur sekiranya ianya serentak dengan hari 'Ied adalah:

¹⁴³ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-'Iedaini*, hadis no: 981.

¹⁴⁴ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-'Iedaini*, hadis no: 980.

Hafiz Firdaus: Para ulama' yang memandang Solat 'Ied sebagai sunat *mu'akkad* berhujah, bahawa kedua-dua hadis di atas tidak bermaksud memberi hukum wajib. Ini kerana Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah memerintah semua wanita untuk keluar tanpa membezakan sama ada mereka sedang haid atau tidak dan tanpa membezakan sama ada mereka memiliki pakaian yang menutup aurat atau tidak. Ini menunjukkan tindakan Rasulullah memerintahkan mereka keluar bukanlah kerana wajib mendirikan solat 'Ied, tetapi wajib meraikan Hari 'Ied. Seandainya perintah Rasulullah bermaksud mewajibkan solat 'Ied, nescaya baginda tidak akan menyuruh para wanita yang haid dan tidak menutup aurat untuk keluar kerana mereka sememangnya dalam keadaan tidak boleh mendirikan solat.

¹⁴⁵ Inilah pendapat Syaikh Muhammad Nashiruddeen al-Albani *rahimahullah* di dalam *Terjemah Tamamul Minnah Koreksi dan Komentor Ilmiah Terhadap Kitab Fiqhus Sunnah Karya Syaikh Sayyid*

عَنْ إِيَّاسِ بْنِ أَبِي رَمْلَةَ الشَّامِيِّ قَالَ: "شَهِدْتُ مُعَاوِيَةَ بْنَ أَبِي سُفْيَانَ وَهُوَ يَسْأَلُ زَيْدَ بْنَ أَرْقَمَ. قَالَ: "أَشْهَدْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِيدَيْنِ اجْتَمَعَا فِي يَوْمٍ. " قَالَ: "نَعَمْ. " قَالَ: "فَكَيْفَ صَنَعَ. " قَالَ: "صَلَّى الْعِيدَ ثُمَّ رَخَّصَ فِي الْجُمُعَةِ. " فَقَالَ: "مَنْ شَاءَ أَنْ يُصَلِّيَ فَلْيُصَلِّ. "

Dari Iyas bin Abi Ramlah al-Syami, dia berkata: "Aku pernah menyaksikan Mu'awiyah bin Abi Sufyan yang sedang bertanya kepada Zaid bin Arqam. Dia bertanya: "Apakah engkau menyaksikan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menghadiri dua Hari Raya (hari 'Ied dan hari Jumaat) yang berkumpul dalam satu hari?" Dia menjawab: "Ya." Mu'awiyah bertanya: "Lalu apa yang baginda kerjakan?" Dia menjawab: "Baginda mengerjakan solat 'Ied, kemudian baginda memberikan keringanan dalam hal (mengerjakan) solat Jumaat dan bersabda: "Barangsiapa yang ingin solat (Jumaat) maka hendaklah dia solat."¹⁴⁶

Sabiq, (edisi terjemahan oleh Afifuddin Said, Maktabah Salafy Press, Gajah Mada 2002) jilid 2, ms. 103.

¹⁴⁶ Hadis riwayat Imam Abu Dawud di dalam *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Sholah*, hadis no: 904.

Hafiz Firdaus: Para ulama' yang memandang *Solat 'Ied* sebagai sunat *mu'akkad* berhujah, pengguguran solat Jumaat adalah satu *rukhsah* (kelonggaran hukum) yang diberikan oleh Allah dan Rasul-Nya sehingga tidak layak dijadikan hujah akal. Jika hendak digunakan logik akal, maka sesuatu yang menggugurkan ibadah yang wajib tidaklah semestinya bersifat wajib juga. Sebagai contoh, musafir telah menggugurkan kewajipan solat empat rakaat kepada dua rakaat (*Solat Qasar*). Apakah dengan itu dikatakan musafir hukumnya adalah wajib? Tentu tidak. Jawapannya yang tepat adalah pengguguran kewajipan solat empat rakaat kepada dua rakaat (*Solat Qasar*) adalah *rukhsah* yang diberikan oleh Allah dan Rasul-Nya. Maka jika hari 'Ied dan Jumaat adalah sama, pengguguran solat Jumaat bukanlah dalil kewajipan solat 'Ied tetapi *rukhsah* yang diberikan oleh Allah dan Rasul-Nya kepada umat Islam.

Syaikh al-Islam Ibnu Taymiyyah *rahimahullah* di dalam *Majmu' Fatawa* (jilid 23, ms. 161) berkata:

... oleh kerana itu, kami *mentarjih* (mengutamakan) bahawa solat '*Ted*' itu wajib bagi setiap individu muslim, sebagaimana pendapat Abu Hanifah dan lain-lainnya. Dan ini merupakan salah satu pendapat al-Syafi'i, dan ia merupakan salah satu dari dua pendapat di dalam mazhab Ahmad.

Adapun pendapat mereka yang menyatakan tidak wajib maka ia benar-benar jauh (dari kebenaran), kerana ia termasuk salah satu *syi'ar* agama Islam yang paling agung. Dan orang-orang yang berkumpul untuk mengerjakannya lebih banyak dari solat Jumaat. Di dalamnya *disyari'atkan* bacaan takbir. Sedangkan pendapat orang yang menyatakan bahawa solat '*Ted*' merupakan *fardhu kifayah*, sama sekali tidak kuat...¹⁴⁷

Apa pun jua pendapat yang dipegang sama ada wajib mahupun sunat *mu'akkadah*, ketahuilah bahawa baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* amat menitik-beratkan agar kesemua umat Islam memenuhi *musholla* termasuk kaum wanita sebagaimana yang tercatat di dalam hadis-hadis di atas. Ini berbeza dengan amalan kebanyakan umat Islam di Malaysia yang mana kaum wanita hanya ditinggalkan di rumah untuk menyiapkan apa-apa persediaan yang diperlukan di rumah sempena budaya rumah terbuka di hari Lebaran. Budaya sedemikian rupa perlu dikikis. Berusahalah untuk membawa seluruh isi keluarga untuk menghadirkan diri bagi mengerjakan solat '*Ted al-Fithri*'. Setelah selesai solat '*Ted*' boleh teruskan apa jua

¹⁴⁷ Dinukil dari kitab *Meneladani Rasulullah Shallallahu 'alaihi Wasallam Dalam Berhari Raya* ditulis oleh Syaikh 'Ali Hassan bin 'Ali al-Halabi al-Atsari, ms. 47-48.

agenda yang berupaya menggembirakan keluarga anda asalkan tidak bertentangan dengan *syari'at*.

Tatacara Solat 'Ied

Waktu untuk mengerjakan solat 'Ied adalah setelah terbitnya matahari setinggi tombak sehingga tergelincirnya matahari iaitu waktu *dhuha*. Disunnahkan untuk dilewatkan solat 'Ied agar memberikan kesempatan mereka yang belum menunaikan zakat fitrah untuk menyempurnakannya.

- Tidak ada solat sunat sebelum dan sesudah Solat 'Ied.¹⁴⁸ Dari Ibnu 'Abbas bahawasanya *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam keluar pada 'Ied al-Fithri kemudian solat dua rakaat dan tidak solat sebelumnya dan tidak pula sesudahnya.*¹⁴⁹

¹⁴⁸ Hanya sahaja di Malaysia ini solat 'Ied dikerjakan di masjid-masjid. Maka perlu untuk dilaksanakan solat *Tahiyat al-Masjid* kerana secara umumnya setiap kali seseorang masuk ke dalam masjid adalah disyari'atkan untuk dikerjakan solat sunat dua rakaat *Tahiyat al-Masjid*. Ini adalah sebagaimana sabda Nabi *shalallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلْيَرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَجْلِسَ.

Apabila salah seorang di antara kamu masuk masjid, hendaklah dia rukuk (solat) dua rakaat sebelum duduk. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Sholah*, hadis no: 444)

¹⁴⁹ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-'Iedaini*, hadis no: 989.

Tidak ada azan atau iqamah mahupun apa-apa ucapan sebelum solat 'Ied. Dari Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anh*: ***Bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melaksanakan solat 'Ied tanpa azan dan tanpa iqamah.***¹⁵⁰

Jumlah rakaat solat 'Ied al-Fithri adalah dua. Dari Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anh* dia berkata: ***Bahawasanya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam keluar pada 'Ied al-Fithri kemudian solat dua rakaat...***¹⁵¹

Terdapat tambahan takbir di dalam solat 'Ied.

عَنْ عَائِشَةَ: "أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُكَبِّرُ فِي الْفِطْرِ وَالْأَضْحَى فِي الْأُولَى سَبْعَ تَكْبِيرَاتٍ وَفِي الثَّانِيَةِ خَمْسًا ... سِوَى تَكْبِيرَتِي الرُّكُوعِ."

Dari 'Aisyah (radhiallahu 'anha), dia berkata: "Bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam biasa bertakbir pada solat 'Ied al-Fithri dan 'Ied al-Adha, pada rakaat pertama tujuh kali takbir dan pada rakaat kedua lima kali takbir, selain dari dua takbir rukuk.¹⁵²

¹⁵⁰ Hadis riwayat Imam Abu Dawud di dalam *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Sholah*, hadis no: 968.

Hafiz Firdaus: Namun untuk kemaslahatan umum, dibolehkan membuat pengumuman ringkas untuk memberi tahu para hadirin bahawa solat 'Ied berjamaah akan bermula, agar mereka dapat bangun dan mula menyusun saf, lebih-lebih di tempat solat yang luas dimana kedudukan imam tidak dapat dilihat.

¹⁵¹ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-'Tedaini*, hadis no: 989.

¹⁵² Hadis riwayat Imam Abu Dawud di dalam *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Sholah*, hadis no: 970.

Hafiz Firdaus: Ada pun tentang jumlah takbir secara keseluruhannya sebelum bacaan *al-Fatihah*, maka terdapat dua pendapat yang masyhur:

- Tentang haruskah diangkat tangan atau tidak ketika takbir tersebut, menurut Syaikh Abu Ubaidah Masyhur bin Hassan:

Tidak pernah diriwayatkan dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa baginda mengangkat kedua tangannya ketika takbir pada solat 'Ted' (takbir pada rakaat pertama yang berjumlah tujuh kali dan pada rakaat kedua lima kali)... Hanya sahaja Ibnul Mundzir berkata: "Malik telah berkata bahawa di dalam masalah ini (iaitu angkat atau tidak tangan ketika takbir tersebut) tidak ada sunnah yang dianggap muktamad. Barangsiapa ingin mengangkat kedua tangannya pada waktu takbir tidak mengapa. Namun pendapat pertama (iaitu tidak mengangkat tangan) lebih aku sukai."¹⁵³

Oleh itu di dalam hal ini bolehlah kita memilih untuk mengangkat atau tidak tangan ketika takbir-takbir tersebut, namun yang lebih hampir kepada sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ialah dengan tidak mengangkatnya. *Wallahu'alam*.

-
1. Untuk rakaat pertama lapan takbir, iaitu satu *Takbiratul Ihram* dan tujuh takbir kerana solat 'Ted'. $1 + 7 = 8$. Untuk rakaat kedua enam takbir, iaitu satu takbir kerana memulai rakaat kedua dan lima takbir kerana solat 'Ted'. $1 + 5 = 6$.
 2. Untuk rakaat pertama tujuh takbir, iaitu satu *Takbiratul Ihram* dan enam takbir solat 'Ted'. $1 + 6 = 7$. Untuk rakaat kedua lima takbir, iaitu satu takbir kerana memulai rakaat kedua dan empat kali takbir solat 'Ted'. $1 + 4 = 5$.

Kedua-dua pendapat termasuk dalam kategori perbezaan pendapat yang dibenarkan. Boleh memilih salah satu daripadanya atau yang lebih tepat, mengikuti takbir imam solat 'Ted' dalam pendapat yang dipilihnya.

- Mengenai bacaan di antara takbir-takbir tersebut maka Syaikh ‘Ali Hassan bin ‘Ali al-Halabi al-Atsari berkata:

Tidak ada hadis yang sahih yang diriwayatkan dari Nabi *shallallahu ‘alaihi wasallam* mengenai doa tertentu yang dibaca di antara takbir-takbir solat ‘*Ted*, tetapi telah ditetapkan dari Ibnu Mas‘ud *radhiallahu ‘anh* bahawasanya dia berkata mengenai solat ‘*Ted*: "Di antara dua takbir dipanjatkan pujian kepada Allah ‘*Azza wa Jalla* sekaligus sanjungan ke atasNya."¹⁵⁴

Menurut Imam Ahmad dan Imam al-Syafi’i *rahimahumallah* sunat di antara dua takbir itu membaca zikir seperti:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Subhanallah, walhamdulillah, wa la ilaha illallah, wallahu akbar”.¹⁵⁵

Tentang surah-surah yang dibacakan baginda *shallallahu ‘alaihi wasallam* setelah membaca al-Fatihah, Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* telah berkata: Diriwayatkan secara sahih dari bacaan pertama surah *Qaf* dan surah *al-Qamar* dan bacaan kedua surah *al-A’laa* dan *al-Ghaasyiah*, dan hanya inilah riwayat yang sahih dari beliau tentang bacaan itu (iaitu pada solat ‘*Ted*).¹⁵⁶

¹⁵⁴ Syaikh ‘Ali Hassan bin ‘Ali al-Halabi al-Atsari, *Meneladani Rasulullah Shallallahu ‘alaihi Wasallam Dalam Berhari Raya*, ms. 61.

¹⁵⁵ Dinukil daripada kitab *Fikih Sunnah*, karya Syaikh Sayyid Sabiq (edisi terjemahan oleh Mahyuddin Syaf, Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1990) jilid 2, ms. 286.

¹⁵⁶ Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *Zaadul Ma’ad*, ms. 49.

Apabila seseorang tidak dapat turut serta untuk solat 'Ied bersama secara berjemaah maka hendaklah dia solat dua rakaat secara sendiri. Di dalam *Shahih al-Bukhari* terdapat sebuah riwayat dari Atha' bahawa dia berkata:

إِذَا فَاتَهُ الْعِيدُ صَلَّى رَكَعَتَيْنِ.

*Jika seseorang terlewatkan (tidak mendapatkan) solat Hari Raya, maka hendaklah dia solat dua rakaat.*¹⁵⁷

Khutbah 'Ied Al-Fithri

Adalah disunnahkan untuk dilaksanakan khutbah sesudah mengerjakan solat 'Ied al-Fithri. Dari Abu Sa'id al-Khudri (*radhiallahu 'anh*), dia berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْرُجُ يَوْمَ الْفِطْرِ وَالْأَضْحَى إِلَى الْمُصَلَّى فَأَوَّلُ شَيْءٍ يَبْدَأُ بِهِ الصَّلَاةُ ثُمَّ يَنْصَرِفُ فَيَقُومُ مُقَابِلَ النَّاسِ وَالنَّاسُ جُلُوسٌ عَلَى صُفُوفِهِمْ فَيُعِظُهُمْ وَيُوصِيهِمْ وَيَأْمُرُهُمْ.

*Pada hari 'Ied al-Fithri dan 'Ied al-Adha, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam keluar menuju musholla. Ketika itu yang pertama baginda lakukan adalah solat 'Ied. Kemudian baginda berpusing dan menghadap jamaah yang sedang duduk di saf-saf mereka. Kemudian baginda memberikan nasihat, wasiat dan perintah kepada mereka.*¹⁵⁸

¹⁵⁷ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-'Iedaini*, Bab *Apabila Seseorang Tidak Mendapatkan Solat 'Ied, Maka Hendaklah Dia Melaksanakan Solat Dua Rakaat*.

¹⁵⁸ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, *Kitab al-'Iedaini*, hadis no: 956.

Ada pun cara memulakan khutbah, maka menurut Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah*:

Baginda memulakan khutbahnya dengan bacaan *Hamdallah* (أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ...) dan tidak disebutkan di dalam satu hadis pun bahawa baginda memulai khutbah 'Ted' dengan takbir. Hanya sahaja Ibnu Majah (*rahimahullah*) menyebutkan di dalam Sunan-nya, bahawa Sa'd al-Qaradh (*radhiallahu 'anh*), salah seorang *mu'adzin* Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah memperbanyakkan takbir di dalam khutbah 'Ted. Sekiranya hadis ini benar¹⁵⁹, tetap hal itu tidak menunjukkan bahawa baginda memulai khutbah 'Ted' dengan takbir. Yang benar, baginda memulai semua khutbah dengan *Hamdallah*.¹⁶⁰

Khutbah 'Ted' juga berbeza dengan khutbah Jumaat kerana ianya tidak dibahagikan menjadi dua khutbah dan khatib tidak perlu duduk di antara dua khutbah tersebut. Imam al-Nawawi *rahimahullah* telah berkata:

Apa yang diriwayatkan dari Ibnu Mas'ud bahawa dia mengatakan: "Disunnahkan berkhutbah pada Hari Raya dengan dua khutbah yang keduanya dipisahkan dengan duduk adalah *dhai'f* (lemah) lagi tidak bersambung. Tidak ada satu riwayat sahih pun yang menyebutkan dua khutbah."^{161 162}

¹⁵⁹ **Hafiz Firdaus:** Seolah-olah Ibnu al-Qayyim meragui kualiti sanad hadis tersebut. Yang benar ia adalah dhaif, rujuk keterangan Syaikh 'Ali Hassan bin 'Ali al-Halabi al-Atsari dalam bukunya *Meneladani Rasulullah Shallallahu 'alaihi Wasallam Dalam Berhari Raya*, ms. 72. Bertakbir sempena 'Ted al-Fithri berhenti dengan terdirinya solat 'Ted al-Fithri.

¹⁶⁰ Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *Zaadul Ma'ad*, ms. 49.

¹⁶¹ Dinukil dari kitab *474 Kesalahan Dalam Akidah & Ibadah Beserta Koreksinya*, karya Syaikh Wahid Abdussalam Bali, ms. 424.

Para jemaah juga **tidak diwajibkan** untuk menghadiri khutbah 'Ied ini. Oleh itu setelah selesai mengerjakan solat 'Ied bagi seseorang yang tidak ingin turut serta untuk mendengar khutbah maka dia dibenarkan untuk meninggalkan majlis tersebut. Ini sebagaimana diriwayatkan dari 'Abdullah bin al-Sa'ib (*radhiallahu 'anh*), dia berkata:

شَهِدْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعِيدَ فَلَمَّا قُضِيَ الصَّلَاةُ
قَالَ: "إِنَّا نَخُطِّبُ فَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يَجْلِسَ لِلْخُطْبَةِ فَلْيَجْلِسْ. وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يَذْهَبَ
فَلْيَذْهَبْ."

Aku pernah menghadiri solat 'Ied bersama Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan ketika selesai solat baginda bersabda: "Sesungguhnya kami akan

¹⁶² Ini tidak lain menunjukkan sikap keterbukaan Imam al-Nawawi *rahimahullah* memandangkan pendapat ini sebenarnya bercanggah dengan pendapat Imam al-Syafi'i *rahimahullah* yang mengsunnahkan bagi imam memisahkan antara dua khutbahnya dengan duduk ketika solat 'Ied. Inilah sikap yang sepatutnya kita ambil dalam bermazhab. Sekiranya terdapat hujjah yang lebih kukuh dari pendapat mazhab yang kita pegangi, maka sepatutnya kita meninggalkan pendapat tersebut dan mengikuti al-Qur'an dan hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sebenarnya Imam al-Syafi'i *rahimahullah* sendiri telah melarang kita untuk taksud terhadap pendapatnya. Menurut beliau:

Bila kalian menemukan dalam kitabku sesuatu yang berlainan dengan hadis Rasulullah, peganglah hadis Rasulullah itu dan tinggalkanlah pendapatku itu. (Diriwayatkan oleh Harawi di dalam *Dzamm al-Kalam*, al-Khatib di dalam *Ihtijaj bi al-Syafi'i*, Ibnu Asakir, al-Nawawi di dalam *al-Majmu'*, al-Fullani, Ibnul Qayyim, Abu Nu'aim di dalam *al-Hilyah* dan Ibnu Hibban di dalam *Shahihnya*. Penulis nukil daripada buku *Sifat Shalat Nabi* karya Syaikh Muhammad Nashiruddeen al-Albani, ms. 58)

Penulis ingin menganjurkan para pembaca yang budiman untuk mendapatkan sebuah buku bertajuk *Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam* yang ditulis oleh Hafiz Firdaus Abdullah terbitan Jahabersa.

***berkhutbah, barangsiapa ingin duduk untuk mendengarkan khutbah maka dipersilakan. Dan barangsiapa yang ingin pergi, maka dipersilakan untuk pergi.*¹⁶³**

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga amat mengambil berat tentang perihal kaum wanita. Setelah selesai berkhutbah baginda akan menemui kaum wanita dan memberi nasihat khusus kepada mereka lalu menganjurkan mereka untuk banyak bersedekah. Dari Jabir bin 'Abdullah *radhiallahu 'anh* dia berkata bahawa dia mendengar Atha' *radhiallahu 'anh* berkata:

***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berdiri pada hari 'Ied al-Fithri melakukan solat dan berkhutbah. Setelah selesai, baginda turun lalu menemui para wanita, baginda menasihati mereka seraya memegang tangan Bilal. Bilal membentangkan bajunya, dan para wanita menghulurkan sedekah mereka...*¹⁶⁴**

Bergembira Di Hari Raya 'Ied Al-Fithri

Islam adalah agama yang praktikal lagi munasabah. Setelah sebulan umat Islam memberi tumpuan sepenuhnya untuk beribadah kepada Allah '*Azza wa Jalla*, maka kini tiba masanya untuk menyambut kejayaan tersebut dengan kegembiraan dan kemeriahan. Oleh itu usaha-usaha untuk menimbulkan suasana kegembiraan di dalam keluarga masing-masing pada Hari Raya '*Ied al-Fithri* adalah sebahagian daripada *syi'ar* Islam. Suasana kegembiraan ini berbeza mengikut adat setempat.

Bagi kita di Malaysia kegembiraan sambutan Hari Raya '*Ied al-Fithri* dapat dilihat dengan berkumpul seluruh ahli keluarga dan ziarah-menziarah sesama umat

¹⁶³ Hadis riwayat Imam Abu Dawud di dalam *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Sholah*, hadis no: 975.

¹⁶⁴ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-'Iedaini*, hadis no: 978.

Islam. Di sesetengah negara Timur Tengah, cuti umum Hari Raya *'Ied al-Fithri* dipergunakan untuk membawa ahli keluarga bersiar-siar serta berkelah di tempat-tempat peranginan. Semua bentuk kegembiraan dan kemeriahan ini adalah sebahagian dari tuntutan agama Islam sempena menyambut *'Ied al-Fithri* selagi mana ia dilaksanakan sesuai dengan lunas-lunas syarak. Menurut Syaikh Sayyid Sabiq *rahimahullah*:

Mengadakan permainan serta kegembiraan yang tidak melanggar aturan agama, begitupun pelbagai macam nyanyian yang baik, semua itu menjadi *syi'ar* agama yang *disyari'atkan* Allah pada Hari Raya, untuk melatih tubuh jasmani dan untuk kepuasan serta kesenangan hati.¹⁶⁵

Terdapat beberapa hadis yang menunjukkan suasana kegirangan di Hari Raya pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di mana baginda membenarkan acara-acara permainan untuk tontonan umum dan nyanyian yang tidak bercanggah dengan syarak. Di antara hadis-hadis tersebut adalah:

وَكَانَ يَوْمَ عِيدِ يَلْعَبُ السُّودَانُ بِالذَّرَقِ وَالْحِرَابِ. فَأَمَّا سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِمًّا قَالَ: "تَشْتَهِينَ تَنْظُرِي؟" فَقُلْتُ: "نَعَمْ." فَأَقَامَنِي وَرَاءَهُ خَدِّي عَلَى خَدِّهِ وَهُوَ يَقُولُ: "دُونَكُمْ يَا بَنِي أَرْفِدَةَ!" حَتَّى إِذَا مَلِئْتُ قَالَ: "حَسْبُكَ؟" قُلْتُ: "نَعَمْ." قَالَ: "فَادْهَبِي!"

Hari itu adalah Hari Raya, di mana orang-orang Sudan bermain pedang dan perisai. Aku ('Aishah radhiallahu 'anha) tidak ingat apakah aku yang meminta

¹⁶⁵ Syaikh Sayyid Sabiq, *Fikih Sunnah*, jilid 2, ms. 290.

untuk melihatnya atautkah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang berkata: "Apakah kamu ingin melihatnya." Aku pun menjawab: "Ya." Aku disuruhnya berdiri di belakangnya, di mana pipiku dekat dengan pipi baginda. Baginda berkata: "Biar yang lain, wahai Bani Arfidah!" Ketika aku merasa bosan, baginda bertanya kepadaku: "Sudah cukup?" Aku menjawab: "Ya." Bagindapun bersabda: "Pergilah."¹⁶⁶

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: "دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعِنْدِي جَارِيَتَانِ تُغْنِيَانِ بَغْنَاءَ بُعَاثٍ. فَاضْطَجَعَ عَلَى الْفِرَاشِ وَحَوْلَ وَجْهَهُ. وَدَخَلَ أَبُو بَكْرٍ فَأَنْتَهَرَنِي وَقَالَ: "مِزْمَارَةُ الشَّيْطَانِ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ." عَلَيْهِ السَّلَامُ فَقَالَ: "دَعُهُمَا." فَلَمَّا غَفَلَ غَمَزْتُهُمَا فَأَقْبَلَ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ فَقَرَجَنَا.

Dari 'Aisyah radhiallahu 'anha, dia berkata: "Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam masuk ke rumahku (pada Hari Raya), dan ketika itu aku bersama dua budak perempuan yang sedang menyanyikan lagu peperangan Bu'ats. Baginda langsung berbaring di atas tempat tidur sambil memalingkan wajahnya. Ketika Abu Bakar (radhiallahu 'anh) masuk ke rumahku, dia memarahiku dan berkata: "Pada pandangan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, (nyanyian) itu adalah seruling setan." Mendengar itu maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menemui Abu Bakar dan berkata kepadanya: "Biarkanlah mereka."¹⁶⁷ Ketika Rasulullah

¹⁶⁶ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari*, Kitab al-'Iedaini, hadis no: 950.

¹⁶⁷ Al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* juga telah membawa sebuah riwayat dari Hisham yang menyebutkan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

shallallahu 'alaihi wasallam lengah, aku memberikan isyarat dengan mata kepada kedua budak perempuan itu hingga mereka keluar.¹⁶⁸

Dari kedua-dua hadis ini al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* telah berkata: Pada Hari Raya dibolehkan mengadakan kegiatan yang dapat menghiburkan keluarga untuk melepas kelelahan setelah melakukan ibadah. Menampakkan kegembiraan pada Hari Raya merupakan sebahagian dari *syi'ar* Islam.¹⁶⁹

Kesimpulan

Demikianlah sunnah-sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam berhari Raya. Di antara sunnah-sunnah tersebut adalah memiliki nilai hukum, ada yang memiliki nilai anjuran dan ada yang terbuka kepada *uruf* (kebiasaan) masyarakat mengikut masa dan tempat. Hayatilah ia dan ikutilah ia, nescaya kita seolah-olah

يَا أَبَا بَكْرٍ! إِنَّ لِكُلِّ قَوْمٍ عِيدًا وَهَذَا عِيدُنَا.

Wahai Abu Bakar! Sesungguhnya setiap kaum memiliki Hari Raya, dan hari ini adalah Hari Raya kita.

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ini merupakan alasan baginda untuk membiarkan kedua budak perempuan tersebut tetap menyanyi. (al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari*, jilid 5, ms. 260)

¹⁶⁸ Hadis riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-'Tedaini*, hadis no: 949.

¹⁶⁹ Al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari*, jilid 5, ms 262.

Hafiz Firdaus: Oleh itu kebiasaan masyarakat kita dalam berhari Raya seperti bersalaman dengan orang tua sambil meminta maaf, saling mengucapkan “Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin”, menjamu rendang, lemang, ketupat dan kuih-muih serta melanjutkan sambutan Hari Raya sehingga genap sebulan adalah sesuatu yang dibolehkan. Ia tidak menyalahi syari'at mahu pun sunnah selagi mana dalam kebiasaan tersebut tidak dilakukan sesuatu yang mungkar atau ibadah yang bid'ah.

berhari Raya bersama Rasulullah sekali pun kita hidup lebih 1400 tahun selepas kewafatan baginda.

Adab-Adab Menuntut Ilmu Agama

Alhamdulillah, ramai yang bertanya kepada saya apakah adab-adab untuk menuntut ilmu agama. Ini adalah pertanyaan, atau lebih tepat, perkembangan yang baik di kalangan umat Islam. Untuk menjawab persoalan ini, saya menyusun dua risalah yang ringkas, yang pertama menyentuh adab-adab menuntut ilmu manakala yang kedua adalah unsur-unsur yang dapat merosakkan ilmu.

Adab # 1: Ikhlas dalam menuntut ilmu.

Sepertimana amalan-amalan yang lain, langkah yang pertama adalah keikhlasan diri. Langkah ini merupakan faktor yang amat penting sehinggakan Rasulullah telah memberi amaran: **"Sesiapa yang mempelajari satu ilmu yang sepatutnya dilakukan kerana mencari Wajah Allah, namun dia tidak mempelajarinya kecuali untuk mendapatkan keuntungan duniawi, maka dia tidak akan mencium bau syurga pada Hari Kiamat."** [Maksud hadis riwayat Ibn Hibban dan ia dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban* (Muassasah al-Risalah, Beirut, 1997), hadis no: 78].

Oleh kerana itu dalam sebuah hadis yang lain, baginda mengingatkan: **"Jangan mempelajari ilmu untuk berbangga-bangga di hadapan para ulama', atau untuk berdebat dengan orang-orang bodoh, atau untuk memilih majlis yang terbaik (demi mendapat pujian orang). Sesiapa melakukan hal itu maka nerakalah tempatnya."** [Maksud hadis riwayat Ibn Hibban dengan para perawi yang dipercayai lagi sahih, demikian terang Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*, hadis no: 77].

Justeru orang yang ingin memahami agama perlu membetulkan niat dan tujuannya. Hendaklah dia melakukannya kerana:

1. Ingin memperbaiki diri dalam mentauhidkan Allah sebagai merealisasikan bahagian pertama syahdah: "La ilaha illallah".
2. Ingin memperbaiki diri dalam mengamalkan sunnah Rasulullah sebagai merealisasikan bahagian kedua syahdah: "Wa anna Muhammad Rasulullah".
3. Ingin memperbaiki keadaan umat Islam sebagai merealisasikan tuntutan amar ma'ruf dan nahi mungkar yang merupakan salah satu tuntutan asas agama.
4. Ingin membela agama Islam daripada fitnah musuh-musuhnya seperti para orientalis dan para pencipta bid'ah.

Sesiapa yang memiliki niat dan tujuan yang betul sepertimana di atas, dia tidak sekali-kali akan terkalah dengan pelbagai cubaan dan fitnah yang mungkin dihadapinya dalam rangka memahami agama Islam. Ini kerana: **"Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu dan meneguhkan tapak pendirian kamu."** [Maksud surah Muhammad, ayat 7]

Adab # 2: Positif dan Yakin kepada diri sendiri.

Sikap yang positif dan keyakinan diri adalah faktor yang penting untuk mencapai sesuatu tujuan. Faktor ini tidak terpisah bagi sesiapa yang ingin memahami agama yang dicintai ini. Bahkan ketahuilah bahawa sesiapa yang berusaha dengan ikhlas untuk tujuan ini, maka Allah akan membimbingnya, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: **"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami,**

sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami; dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. [al-Ankabut, ayat 69]

"Pimpinan" Allah boleh wujud dalam pelbagai bentuk, seperti dipertemukan dengan guru yang benar, ditunjuki kepada buku daripada penulis yang jujur, dipersahabatkan dengan orang-orang yang shalih, dibimbing kepada subjek-subjek yang mengikut tertib kepentingannya dan ditanam dalam dirinya akhlak yang mulia apabila berinteraksi dengan ilmu agama. Oleh itu janganlah merasa ragu-ragu atau rendah diri untuk berusaha memahami agama Islam. Yakinilah bahawa Allah akan memimpinnnya selagi mana dia ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Adab # 3: Bersiap sedia untuk melakukan pengorbanan.

Tidak ada jalan pintas (*short cut*) untuk memahami agama Islam, maka janganlah mengharapkan kefahaman dalam agama secara serta merta atau melalui jalan yang mudah. Sebaliknya hendaklah bersiap sedia untuk melakukan banyak pengorbanan dari sudut tenaga, masa, kewangan dan kehidupan. Proses menuntut ilmu sememangnya memerlukan banyak pengorbanan dan hal ini diketahui oleh Rasulullah. Oleh itu baginda menjanjikan ganjaran yang besar kepada sesiapa yang melakukan pengorbanan tersebut dengan bersabda, maksudnya: ***"Sesiapa yang menempuh satu jalan kerana mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga."*** [Riwayat Muslim dalam *Shahihnya* (penomboran Fu'ad Abd al-Baqi), hadis no: 2699].

Pengorbanan dari sudut tenaga dan masa adalah berusaha untuk ke kelas-kelas pengajian agama sekalipun kesibukan atau keletihan dengan kuliah di universiti atau kerja di pejabat. Pengorbanan kewangan adalah membelanjakan

wang ringgit untuk membeli buku-buku agama yang berkualiti. Ini adalah pengorbanan yang tidak boleh ditinggalkan, dimana setiap yang ingin memahami agama Islam perlu mencintai buku dan berusaha membina koleksi buku-buku agama atau perpustakaan peribadi yang tersendiri.

Namun di antara semua pengorbanan, yang terbesar adalah pengubahsuaian gaya hidup. Tidur perlu dikurangkan, gizi pemakanan perlu dijaga dan aktiviti harian yang sia-sia perlu dihindari. Sedar atau tidak, terdapat banyak aktiviti harian yang sebenarnya adalah sia-sia seperti mengikuti acara sukan, membaca akhbar harian, menonton televisyen dan berbual kosong. Semua ini hendaklah diubah kepada bersukan demi menjaga kesihatan, menelaah akhbar harian sekadar mencari laporan yang bermanfaat, menghadkan tontonan televisyen kepada dokumentari yang ilmiah dan berbual sekadar menyampaikan nasihat. Pengubahsuaian ini akan membuka banyak masa lapang yang dapat dimanfaatkan untuk memahami agama Islam.

Adab # 4: Tidak mengenal titik noktah.

Semua orang yang melazimkan diri berinteraksi dengan ilmu akan mengetahui bahawa ia sentiasa dinamik tanpa mengenal titik noktah. Maka demikianlah juga seharusnya sikap setiap muslimin dan muslimah yang ingin mencari kefahaman agama. Tidak boleh berkata "Saya sudah habis belajar agama" atau "Saya sudah faham Islam". Sebaliknya hendaklah sentiasa mengkaji dan menganalisa kerana ilmu agama juga adalah sentiasa dinamik. Bak kata pepatah: "Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad."

Perhatikan doa yang diajar oleh Allah kepada Rasulullah, yang bermaksud: Dan berdoalah dengan berkata: "**Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku**". [Ta-Ha, ayat 114] Perkataan "tambahilah" menunjukkan ilmu itu tidak mengenal

batas maksimum, sebaliknya sentiasa dinamik sehingga boleh bertambah dan bertambah.

Memiliki manhaj yang dinamik dalam rangka memahami agama setidak-tidaknya memiliki kepentingan dari dua sudut:

Pertama: Pada masa kini terdapat banyak ajaran yang menyeleweng, setiap darinya berselindung di sebalik slogan "Ahli Sunnah Wal Jamaah" agar kelihatan berada di atas jalan yang benar. Seandainya seseorang itu tergelincir dalam salah satu daripada ajaran yang menyeleweng, sikap dinamik yang sentiasa mengkaji dan menganalisa akan mengeluarkan dirinya daripada ajaran tersebut kepada ajaran yang benar.

Kedua: Seseorang yang berusaha memahami agama akan melalui beberapa tahap, daripada tahap kebodak-bodakan sehinggalah kepada tahap kedewasaan. Ini kerana dalam rangka melakukan kajian, dia akan menemui banyak perkara baru yang tidak pernah diketahuinya sebelum itu. Penemuan ini akan menjana semangat baru dalam dirinya. Terdapat kemungkinan yang besar semangat tersebut akan mengarah dirinya kepada sikap merasa dirinya amat berilmu (ujub), memandang rendah para ulama' dan mudah menghukum orang yang tidak sependapat dengannya. Inilah sikap kebodak-bodakan yang saya maksudkan.

Di sini manhaj dinamik amatlah perlu dimana sikap yang sentiasa mengkaji dan menganalisa akan mengalih seseorang itu dari tahap kebodak-bodakan ke tahap kedewasaan. Tahap kedewasaan akan mengarah kepada sikap merendah diri berdasarkan keinsafan bahawa ilmu agama sebenarnya amat luas, sikap menghormati para 'ulama berdasarkan kesedaran bahawa terdapat banyak faktor lain yang mereka pertimbangkan dan terbuka kepada dialog berdasarkan mata yang celik kepada hakikat berbeza pendapat adalah fitrah manusia.

Adab # 5: Mengamalkan ilmu.

Usaha untuk memahami agama Islam bukanlah sekadar *class room discussion*, akan tetapi ia adalah untuk diamalkan. Ilmu tanpa amalan adalah sesuatu yang dibenci oleh Allah sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: **"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya."** [al-Saff, ayat 2-3] Malah ia adalah faktor yang boleh menyebabkan hati menjadi keras sehingga tidak dapat lagi menerima apa-apa manfaat daripada ilmu. Firman Allah:

"Belum sampailah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (Al-Quran) yang diturunkan (kepada mereka)? Dan janganlah pula mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum mereka, setelah orang-orang itu melalui masa yang lanjut maka hati mereka menjadi keras, dan banyak di antaranya orang-orang yang fasik - derhaka." [Maksud surah al-Hadid, ayat 16]

Sebaliknya orang yang mengamalkan ilmunya akan ditambahi oleh Allah dengan ilmu dalam pelbagai bentuk. Orang yang berusaha memahami agama Islam akan meningkat keimanannya dan iman itu sendiri adalah apa yang dibuktikan dengan hati, lidah dan perbuatan. Keimanan seperti ini akan ditambahi oleh Allah dengan hidayah-Nya, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: **".....sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah."** [Maksud surah al-Kahf, ayat 13]

Orang yang mengamalkan ilmu juga bererti mengamalkan hidayah yang

Allah kurniakan kepadanya. Dengan itu Allah akan menambah hidayah tersebut sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: ***"Dan orang-orang yang menerima hidayah, Allah menambahi mereka dengan hidayah, serta memberi kepada mereka (dorongan) untuk mereka bertaqwa."*** [Muhammad, ayat 17] ***"Dan Allah akan menambahi hidayah petunjuk bagi orang-orang yang menurut jalan petunjuk."*** [Maryam, ayat 76]

Orang yang mengamalkan ilmu juga bererti meningkatkan ketaqwaannya, maka dengan itu Allah akan mengurniakan kepadanya *al-Furqan* yang membolehkan dia membezakan antara yang benar dan batil. Allah akan juga menambahi Rahmat-Nya dan memberikannya cahaya untuk terus berada di atas jalan yang benar. Perhatikan dua firman Allah berikut yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kamu (al-Furqan) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar." [al-Anfal, ayat 29]

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tetaplah beriman kepada Rasul-Nya (Muhammad), supaya Allah memberi kepada kamu dua bahagian dari rahmatNya, dan menjadikan bagi kamu cahaya untuk kamu berjalan dengannya, serta diampunkannya dosa kamu; dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." [al-Hadid, ayat 28]

Adab # 6: Berhubung dengan orang yang berhubung dengan ilmu.

Siapa kita berhubung, siapa kita berkawan, memiliki pengaruh yang besar kepada perwatakan diri kita sendiri. Rasulullah pernah mengingatkan, maksudnya: ***"Sesungguhnya perumpamaan teman yang shalih dan teman yang buruk hanyalah seumpama pembawa minyak wangi dan peniup tungku api seorang tukang besi. Bagi pembawa minyak wangi, boleh jadi sama ada dia memberinya kepada kamu (minyak wangi) atau kamu membeli daripadanya (minyak wangi) atau kamu mendapat bau harum daripadanya. Bagi peniup tungku api seorang tukang besi, boleh jadi sama ada ia akan membakar pakaian kamu (kerana kesan tiupan api) atau kamu mendapat bau yang tidak sedap daripadanya (bau besi)."*** [Diriwayatkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2628].

Oleh itu sesiapa yang berusaha untuk memahami agama Islam hendaklah sentiasa berhubung dengan orang-orang yang perhubungannya sentiasa bersama ilmu. Mereka adalah orang-orang yang perhatiannya sentiasa kepada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih, usahanya sentiasa kepada mengkaji kitab-kitab peninggalan para ulama' dan pemikirannya sentiasa ke arah memperbaiki keadaan umat Islam dan menjaga kemurnian agama Islam.

Di antara mereka ialah para alim ulama' dan guru-guru, maka hendaklah memuliakan mereka, mendengar nasihat mereka dan mengikuti jejak langkah mereka. Seandainya mereka berbuat salah, hendaklah menasihati mereka secara sopan dan tersembunyi, tidak secara kasar dan terbuka kepada orang ramai. Di antara mereka adalah orang-orang yang dalam proses memahami agama Islam, maka hendaklah menjadikan mereka sebagai sahabat karib, selalu meluangkan masa berkongsi ilmu, bertukar-tukar pendapat dan saling menasihati.

Adab # 7: Berdoa Kepada Allah.

Setiap usaha perlu diikuti dengan doa dan usaha untuk memahami agama Islam tidak terpisah daripada adab ini. Maka hendaklah berdoa kepada Allah dan sebaik-baik doa adalah apa yang diajar oleh Allah dan Rasul-Nya. Antaranya:

"Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat." [Maksud surah al-Fatihah, ayat 6-7]

رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا.

"Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku". [Ta-Ha, ayat 114]

رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا.

"Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami." [al-Kahf, ayat 10]

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.

"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberian-Nya." [Ali Imran, ayat 8]

اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرَائِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ اهْدِنِي لِمَا اخْتُلِفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

"Ya Allah, Tuhan Malaikat Jibril, Mikail dan Israfil, Tuhan pencipta langit dan bumi, Tuhan yang Maha Mengetahui semua yang ghaib dan nyata. Engkaulah yang akan menghakimi para hamba-Mu mengenai apa sahaja yang mereka perselisihkan. Dengan izin-Mu berilah aku petunjuk memilih kebenaran dari apa yang mereka perselisihkan. Engkaulah yang memberi petunjuk kepada siapa yang Engkau kehendaki ke jalan yang lurus." [Shahih Muslim, hadis no: 77].

Demikian tujuh adab yang dapat saya ringkaskan daripada sekian banyak adab untuk menuntut ilmu. Diharapkan adab-adab di atas bermanfaat untuk setiap orang, termasuk diri saya sendiri. Selain tujuh adab tersebut, setiap orang yang berusaha untuk memahami agama Islam perlu berwaspada kepada unsur-unsur yang boleh merosakkannya. Unsur-unsur tersebut akan saya jelaskan dalam penulisan yang seterusnya *insya-Allah*.

Unsur-Unsur Yang Merosakkan Ilmu Agama

Sebahagian orang memiliki banyak ilmu agama, akan tetapi mereka tidak memelihara ilmu tersebut daripada unsur-unsur yang merosakkannya. Hasilnya, ilmu agama tersebut tidak meletakkan diri mereka kepada kedudukan yang sepatutnya, sebaliknya menjatuhkan diri mereka kepada kedudukan yang lebih rendah dan hina berbanding orang yang tiada ilmu agama. Oleh itu setiap Muslim yang berusaha untuk memahami agama perlu berwaspada dengan unsur-unsur yang boleh merosakkannya. Antara unsur-unsur tersebut adalah:

Unsur # 1: Ujub Dan Sombong.

Orang yang ujub merasa dirinya hebat dan dengan itu dia meremehkan pendapat yang berbeza dengannya. Sikap ujub akan melahirkan pula sikap sombong dan dengan itu dia enggan menerima teguran orang lain sekalipun ia benar. Kedua-dua sikap ini merupakan sikap tercela yang tidak disukai oleh Allah. Allah berfirman, maksudnya:

"Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan-medan perang dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa hebat (ujub) dengan sebab bilangan kamu yang ramai; maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun; dan (semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu; kemudian kamu berpaling undur melarikan diri."
[al-Taubah, ayat 25]

"Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang." [al-Isra,

ayat 37]

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur lagi membanggakan diri." [Luqman, ayat 18]

Justeru orang yang berusaha untuk memahami agama hendaklah menghiasi dirinya dengan sikap-sikap terpuji seperti rendah diri dan bersederhana. Sikap ini kemudiannya akan mengarah kepada sikap menghargai pendapat orang lain, terbuka menerima teguran dan tidak segan-segan membuat pembetulan jika benar tersilap.

Unsur # 2: Meninggalkan khazanah para ulama'.

Antara natijah daripada sikap ujub adalah meninggalkan khazanah para ulama' kerana merasakan dirinya lebih hebat daripada para ulama'. Justeru orang yang memiliki sikap ujub menganggap dirinya mampu menafsir al-Qur'an tanpa perlu merujuk kepada kitab-kitab tafsir, mampu memahami hadis-hadis Rasulullah tanpa perlu merujuk kepada kitab-kitab syarah dan mampu membuat hukum tanpa perlu merujuk kepada kitab-kitab fiqh.

Semua ini adalah sikap yang akan menyebabkan seseorang itu melakukan banyak kesilapan dalam usahanya untuk memahami agama Islam. Maka tidak boleh meninggalkan khazanah para ulama' dalam usaha memahami agama Islam. Khazanah tersebut adalah jambatan yang menghubungkan seseorang kepada firman Allah dan sabda Rasulullah. Tanpa jambatan tersebut, seseorang itu akan tenggelam dalam lautan yang amat dalam.

Unsur # 3: Bersikap keras terhadap orang lain.

Termasuk natijah daripada sikap ujub ialah bersikap keras dalam berdakwah. Ini kerana rasa hebat yang tersemat dalam diri menyebabkan seseorang itu memandang rendah kepada orang lain, lalu mudah dan cepat untuk menghukumnya sebagai salah, sesat dan sebagainya. Ini adalah sikap yang perlu diperbetulkan.

Sebelum ini ketika mengupas tentang adab-adab menuntut ilmu, diterangkan bahawa antara tujuan menuntut ilmu ialah agar dapat memperbaiki diri dalam mengamalkan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sunnah Rasulullah tidak terhad kepada solat dan puasa sahaja, tetapi mencakupi juga manhaj berdakwah. Maka manhaj atau sunnah baginda dalam berdakwah adalah bersikap lemah lembut, memaafkan, memohon ampun, saling berbincang dan akhirnya bertawakal kepada Allah. Manhaj atau sunnah ini adalah penting kerana jika dilakukan yang sebaliknya, orang yang cuba disampaikan dakwah akan menjauhkan diri. Ini akan menggagalkan usaha dakwah tersebut.

Manhaj atau sunnah ini diterangkan oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud: ***"Maka dengan sebab rahmat dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya."*** [Ali Imran, ayat 159]

Selain itu ingin dijelaskan bahawa apabila seseorang itu menghukum orang lain sebagai salah, maka tidak dapat tidak ia terbuka kepada empat

kemungkinan:

1. Orang tersebut memang salah.
2. Berlaku salah faham (*miscommunication & misunderstanding*) sehingga apa yang benar dianggap salah.
3. Ilmu orang yang menghukum lebih rendah daripada ilmu orang yang dihukum. Perbezaan tahap ilmu ini menyebabkan apa yang benar dianggap salah kerana orang yang menghukum itu tidak mampu mencerna apa yang disampaikan oleh orang yang dihukum.
4. Wujud kedengkian sehingga sengaja menghukum salah sekalipun dalam hati diakui kebenarannya.

Oleh itu sebelum seseorang itu menghukum orang lain sebagai salah, hendaklah dia terlebih dahulu mempertimbangkan empat kemungkinan di atas. Kemungkinan keempat tidak sepatutnya berlaku manakala kemungkinan pertama mungkin berlaku. Namun yang lebih lazim berlaku adalah kemungkinan yang kedua dan ketiga.

Unsur # 4: Dengki.

Ini adalah virus yang tidak terlepas daripada menjangkiti hati orang-orang yang memiliki banyak ilmu agama. Bahkan ia adalah penyebab utama umat para rasul, termasuk umat Muhammad, berpecah belah dan berselisihan. Allah menerangkan hakikat ini, bermaksud: ***"Dan umat tiap-tiap Rasul tidak berpecah belah dan berselisihan (dalam menjalankan agama Allah) melainkan setelah sampai kepada mereka ajaran-ajaran yang memberi mereka mengetahui (tentang agama mereka); berlakunya (perselisihan yang demikian) semata-mata kerana dengki sesama sendiri."*** [al-Syura, ayat 14]

Virus kedengkian inilah yang menyebabkan umat Islam berpecah belah dengan setiap pecahan menganggap kumpulan merekalah yang terbaik. Firman Allah: ***"Dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik, yaitu orang-orang yang menjadikan fahaman agama mereka berselisihan mengikut kecenderungan masing-masing serta mereka pula menjadi berpuak-puak; tiap-tiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya (dari fahaman dan amalan yang terpesong itu)."*** [Maksud surah al-Rum, ayat 31-32]

Virus kedengkian ini jika tidak dihindari akan menyebabkan seseorang itu menerima azab yang besar pada Hari Akhirat nanti. Firman Allah: ***"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata, Dan mereka yang bersikap demikian, akan beroleh azab seksa yang besar."*** [Maksud surah Ali Imran, ayat 105]

Oleh itu orang yang berusaha memahami agama hendaklah sejak awal berwaspada terhadap virus ini daripada menjangkiti hati mereka. Hendaklah direnungi semula hadis-hadis yang dikemukakan tentang keikhlasan menuntut ilmu sebagaimana yang dikemukakan ketika mengupas adab-adab menuntut ilmu.

Unsur # 5: Kebencian dan bersikap tidak adil.

Antara penyakit yang disebabkan oleh virus kedengkian ialah kebencian dan ini seterusnya menyebabkan seseorang itu bertindak tidak adil kepada orang yang berbeza pandangan terhadapnya. Ini adalah fenomena yang lazim berlaku masa kini dimana orang, kumpulan atau aliran dikritik tanpa terlebih dahulu

melakukan penilaian yang adil berdasarkan fakta-fakta yang sahih lagi menyeluruh. Lebih dari itu, kesilapan yang segelintir dijadikan sumber kritikan manakala kebaikan yang banyak diabaikan, seolah-olah ia tidak wujud.

Faktor kebencian dan keadilan disentuh oleh Allah dalam ayat berikut yang bermaksud: ***"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."*** [al-Maidah, ayat 8]

Oleh itu sesiapa yang berusaha untuk memahami agama Islam hendaklah menahan diri daripada memberi apa-apa komentar terhadap mana-mana individu, kumpulan atau aliran sehingga dia sendiri telah mengkaji secara adil lagi menyeluruh berkenaan apa yang hendak dikomentarkan.

Unsur # 6: Gemar menggelar orang lain dengan gelaran negatif.

Antara natijah daripada sikap ujub, sombong dan dengki adalah gemar menggelar orang-orang yang tidak sehaluan dengannya dengan gelaran yang bersifat negatif, umpama: "Itu orang Tabligh yang jumud", "Ini orang Wahabi yang sesat", "Mereka orang Tariqat yang menyeleweng" dan pelbagai lagi dengan tujuan mencela dan merendah-rendahkan mereka. Hayatilah firman Allah berikut ini yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu kumpulan (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan kumpulan lelaki

yang lain, (kerana) mungkin kumpulan yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu kumpulan dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan kumpulan perempuan yang lain, (kerana) mungkin kumpulan yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka;

Dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah dia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim." [Maksud surah al-Hujerat, ayat 11]

Tindakan Allah mengakhiri ayat di atas dengan anjuran bertaubat menunjukkan bahawa menggelar sesama Muslim dengan gelaran yang negatif adalah satu dosa besar. Oleh itu dalam rangka memahami agama Islam, seseorang itu perlu menahan dirinya daripada menggelar orang lain dengan gelaran-gelaran negatif. Sebaliknya jika dia mengetahui secara pasti sesuatu yang tidak betul pada orang tersebut, hendaklah dia berusaha untuk menasihatinya dengan hikmah. Jika kesalahan tersebut telah merebak ke dalam masyarakat, hendaklah dia menerangkan kepada masyarakat apa yang benar tanpa mencela dan merendah-rendahkan orang yang melakukan kesalahan tersebut.

Pengecualian adalah kepada individu yang benar-benar bertindak zalim secara sengaja sama ada terhadap agama atau orang lain. Maka dibolehkan menyebut namanya agar orang ramai dapat berhati-hati daripada kezalimannya. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud: ***"Allah tidak suka kepada***

perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dizalimi. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” [al-Nisa, ayat 148]

Unsur # 7: Suka berdebat.

Sebahagian orang yang memiliki ilmu menganggap agama adalah pentas *Akedemi Fantasia* bagi mengukur siapa yang paling gagah dalam berhujah tanpa mengira sama ada hujah tersebut benar atau tidak. Berdebat lazimnya memiliki kemudahan yang besar berbanding manfaat. Oleh kerana itulah Rasulullah menegaskan, maksudnya: **"Saya menjamin satu rumah di pinggir syurga bagi orang yang meninggalkan perdebatan sekalipun dia benar, satu rumah di tengah syurga bagi orang yang meninggalkan penipuan sekalipun bergurau dan satu rumah di tempat tertinggi dalam syurga bagi orang yang baik akhlaknya."** [Riwayat Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh 2000), hadis no: 4800]

Justeru orang yang berusaha untuk memahami agama hendaklah cuba sedaya upaya menjauhi perdebatan kerana ia hanya akan menyebabkan pertelingkahan, permusuhan sesama umat Islam serta pembelaan terhadap maruah diri dan bukannya kebenaran. Sebaliknya hendaklah dia cuba melalui proses dialog kerana ia lebih harmonis kepada semua pihak lagi menjanjikan hasil yang lebih bermanfaat, *insya-Allah*. Perdebatan hanya dibolehkan jika dapat dipastikan secara yakin bahawa manfaatnya adalah jauh lebih besar daripada mudaratnya.

Unsur # 8: Tidak menguasai perbezaan pendapat dan adab berbeza pendapat.

Perbezaan pendapat adalah sesuatu yang lumrah sebagaimana firman Allah yang bermaksud: ***"Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah); dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia."*** [Hud, ayat 118-119]

Oleh itu perbezaan pendapat tidak boleh disifarkan, ia hanya boleh diurusi. Maka orang yang tidak menguasai pendapat yang berbeza-beza dan adab-adab untuk berbeza pendapat, terserlah pada dirinya sikap fanatik dan pelbagai lain yang negatif. Manakala orang yang menguasainya, terserlah pada dirinya sikap matang lagi positif.

Maka orang yang berusaha untuk memahami agama hendaklah juga menguasai perbezaan pendapat dan adab untuk berbeza pendapat. Adab-adab untuk berbeza pendapat adalah sebuah bab tersendiri yang tidak dapat saya kupas dalam tulisan ini. *Alhamdulillah*, para pembaca dijemput mengkaji buku saya *Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2006.

Unsur # 9: Tidak takut kepada Allah.

Orang yang benar-benar berilmu adalah orang yang takut kepada Allah, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: ***"Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (terhadap) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya***

hanyalah orang-orang yang berilmu." [Fatir, ayat 28] Sayang sekali di kalangan sebahagian orang yang "dianggap" berilmu, mereka tidak takut kepada Allah. Mereka menyampaikan hadis-hadis tanpa memerhatikan sumber dan darjatnya dan menyampaikan pendapat tanpa meneliti kekuatannya. Malah ada yang sanggup melakukan pendustaan dalam agama lalu dijustifikasikannya atas slogan Mazhab al-Syafi'e atau Ahli Sunnah wal Jamaah.

Oleh itu orang yang berusaha untuk memahami agama Islam perlu menanam dalam dirinya rasa takut kepada Allah. Malah perasaan takut tersebut adalah ukuran bahawa dia faham agama lagi berilmu. Adapun dalam konteks menyampaikan ilmu, maka orang-orang terbahagi kepada tiga golongan:

Pertama adalah orang yang memiliki banyak ilmu tetapi enggan menyampaikannya. Alasan yang lazim adalah dia merasakan ilmunya belum cukup. Ini adalah sikap yang tidak betul kerana ilmu tidak pernah akan cukup kerana ia sendiri tidak memiliki titik noktah. Jika seseorang itu berpandangan dia mampu mencapai "ilmu yang cukup" bagi dirinya, maka dia telah jauh tersasar.

Selain itu, orang berilmu yang enggan menyampaikan ilmu pernah disebut oleh Rasulullah sebagai: ***"Perumpamaan orang yang mempelajari ilmu kemudian tidak menceritakannya seperti orang yang menyimpan harta lalu tidak menginfakkannya."*** [Maksud hadis riwayat al-Thabarani dan sanadnya dinilai hasan oleh Muhyi al-Din Dabb Mastu dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *al-Tarhib wa al-Tarhib li al-Munziri* (Dar Ibn Katsir, Damsyik, 1999), hadis no: 204].

Demikian juga dalam sebuah hadis yang lain baginda bersabda, maksudnya: ***"Barangsiapa yang ditanya berkenaan suatu ilmu lalu dia menyembunyikannya, pasti dia akan diikat pada Hari Kiamat dengan tali dari neraka."*** [Riwayat al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh 2000), hadis no: 2649].

Kedua adalah orang yang tidak berilmu tetapi dia menyampaikannya. Ini juga adalah sikap yang tidak betul. Setuju, bahawa menyampaikan ilmu adalah usaha yang amat baik. Allah menegaskan hal ini: ***"Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang shalih, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"*** [Maksud surah al-Fussilat, ayat 33]

Walaupun bagaimanapun perlu diinsafi bahawa usaha penyampaian tersebut hendaklah berdasarkan ilmu, iaitu berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Ini kerana Islam adalah agama yang berteraskan dalil dan hujah yang difahami berdasarkan metodologi ilmiah. Ia bukanlah agama cerita yang dibuat-buat atau hikayat turun temurun. Allah berfirman, maksudnya: ***Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia kepada agama Allah berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata."*** [Yusuf, ayat 108]

Orang yang menyampaikan ilmu perlu sedar bahawa dia memainkan peranan sebagai duta yang mewakili Allah dan Rasulullah. Apabila dia menyampaikan sesuatu yang tidak berasal, atau tidak dapat dipastikan berasal daripada Allah dan Rasulullah, bererti dia berdusta di atas nama Allah dan Rasulullah. Ini adalah kesalahan yang besar. Firman Allah: ***"Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara-perkara yang dusta terhadap Allah."*** [Maksud surah al-Ankabut, ayat 68] Sabda Rasulullah: ***"Jangan berdusta atas (nama)ku kerana sesungguhnya sesiapa yang berdusta atas (nama)ku, maka dia akan memasuki neraka."*** [Maksud hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, *al-Lu' Lu' wa al-Marjan*, (Dar al-Salam, Riyadh, 1995), hadis no: 1]

Ketiga adalah orang yang memiliki sebahagian ilmu dan dia menjadikan penyampaian ilmu sebagai sarana untuk menambah ilmu. Penambahan berlaku kerana sebelum menulis, dia akan mengkaji subjek yang bakal ditulis sedaya mampu dan ini akan menambah ilmunya. Demikian juga sebelum memberi kuliah, dia akan membuat kajian dalam judul yang bakal dia sampaikan sedaya mampu dan ini akan menambah ilmunya.

Dalam susun kata yang lain, dia menyampaikan ilmu bukan kerana merasakan dirinya layak (tidak ujub) tetapi semata-mata sebagai sarana untuk menambahkan lagi ilmunya. Atas sikap ini, dia tidak akan menyampaikan ilmu dalam subjek yang tidak dikuasainya dan dia juga tidak akan menjawab sesuatu soalan yang tidak diketahui, melainkan menangguhkannya.

Sikap golongan yang ketiga adalah sikap yang betul. Memiliki ilmu sebelum menyampaikannya adalah sikap yang benar, akan tetapi ia tidaklah bererti setiap orang perlu mencapai taraf mujtahid sebelum menjadi penyampai ilmu. Memadai dia menguasai ilmu dalam ruang lingkup yang bakal disampaikannya. Orang yang ingin berdakwah kepada bukan Islam perlu menguasai adab-adab dakwah dan penjelasan bagi salah faham yang biasa dihadapi oleh bukan Islam terhadap agama Islam. Orang yang ingin menyampaikan kuliah tafsir perlu menguasai ilmu usul tafsir dan mengkaji kitab-kitab tafsir sebelum menyampaikannya. Orang yang ingin menulis buku fiqh perlu mengkaji pendapat-pendapat dari mazhab yang empat serta dalil-dalil meraka dalam subjek fiqh tersebut sebelum menulisnya.

Demikian sembilan unsur yang saya nasihatkan diri saya dan para pembaca sekalian agar berwaspada dalam rangka berusaha untuk memahami agama Islam.

Buku-Buku Lain Karya Hafiz Firdaus Abdullah

Marilah Mendirikan Sembahyang

Jahabersa 2000

Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam

Edisi Pertama: Jahabersa 2000

Edisi Terbaru: Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan

Jahabersa 2000, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Solat Tarawikh:

Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.

Jahabersa 2000

20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya

Jahabersa 2002, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.

Jahabersa 2002, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil

Jahabersa 2003, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah:

73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari

Jahabersa 2003

Apakah Jihad Di Jalan Allah?

Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad

Jahabersa 2003

Apakah Jihad Di Jalan Allah ?

Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya

Jahabersa 2004

Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada *Syi'ah al-Rafidhah* dalam Persoalan Khalifah.

Siri Pertama: Definisi *Syi'ah al-Rafidhah*, Sejarah Kelahiran *Syi'ah al-Rafidhah* dan 5 Strategi Asas *Syi'ah al-Rafidhah* Dalam Berhujah.

Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Siri Kedua: Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada ayat-ayat al-Qur'an yang dijadikan hujah oleh *Syi'ah* dalam persoalan khalifah.

Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Siri Ketiga: Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada hadis-hadis Rasulullah yang dijadikan hujah oleh *Syi'ah* dalam persoalan khalifah.

Jahabersa 2005

Siri Keempat: Jawapan *Ahl al-Sunnah* Kepada *Syi'ah al-Rafidhah* Berkenaan Keutamaan Dan Sejarah Para Sahabat.

Oleh 'Abd Allah 'Abd al-Qadir al-Taliri. Penterjemah: Muhammad Amin Yaacob. Jahabersa 2005

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah

Buku 1 (2004), Buku 2 (2005), Buku 3 (2005), Buku 4 (2006), Buku 5 (2007).

Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa

(Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Permasalahannya)

Jahabersa 2005, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an

Jahabersa 2005, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Let's Get Acquainted With Al-Qur'an.

Edisi terjemahan bahasa Inggeris: Jahabersa 2007.

Wahai Ibu! Wahai Ayah!

Jahabersa 2006

11 Perkara Yang Mencemari Kemurniaan Tauhid

Jahabersa 2006

Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat

Jahabersa 2006, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Penulis anda, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (*advantage*) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Alhamdulillah buku-buku Hafiz Firdaus mendapat sambutan yang baik di Malaysia dan negara-negara jiran. Buku-buku beliau dalam versi *e-book* di laman web: www.al-firdaus.com juga menjadi rujukan oleh sesiapa jua yang boleh berbahasa Melayu di seluruh dunia, khususnya para pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negara.

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.